



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2012	(Halaman 24)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 35)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
8. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Kewangan I*
9. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
10. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. “ Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*
22. “ Datuk Heng Seai Kie (Perak) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
23. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
26. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
31. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Senator*
– *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
32. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)
33. “ Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)

34. Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
35. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
36. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*
37. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
38. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
39. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
40. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
41. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
42. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
43. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
44. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
45. “ Dato’ Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
46. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
47. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
48. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
49. “ Dato’ G. Palanivel (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II*
50. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
51. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
52. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
53. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
54. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
55. “ Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu (Melaka)
56. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
57. ” Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
58. “ Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)
59. ” Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
60. ” Dato’ Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
61. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
62. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
63. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
64. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
65. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
66. “ Dato’ Zaitun binti Mat (Pahang)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 14 Disember 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Pau Chiong Ung** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah perbelanjaan dan bilangan *notebook* 1Malaysia telah pun diagihkan kepada pelajar-pelajar sehingga kini; dan
- (b) jumlah pelajar yang telah pun mendapat manfaat dan apakah tindakan Kementerian untuk menangani masalah penyelenggaraan komputer riba yang bermasalah.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung atas pertanyaan yang dikemukakan. Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng, Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan dan Yang Berhormat Senator Dato' Azian bin Osman bertarikh 15, 19 dan 22 Disember 2011 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu komputer riba 1Malaysia.

Setakat ini fasa satu dan fasa dua telah dilaksanakan yang melibatkan pengagihan sebanyak 472,900 unit komputer riba 1Malaysia kepada pelajar-pelajar sekolah yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM470 juta. Bagi negeri Pulau Pinang, sejumlah 10,700 unit telah diagihkan kepada para pelajar.

Pemilihan penerima komputer riba 1Malaysia adalah berdasarkan kepada kriteria kelayakan di mana penyaringan senarai penerima dilakukan oleh pejabat pelajaran daerah (PPD), sekolah-sekolah yang terlibat dan ketua masyarakat setempat. Syarikat yang berjaya dalam pembidaan perlu menyediakan pusat servis di setiap lokasi yang dibekalkan komputer riba 1Malaysia bagi menangani masalah penyelenggaraan komputer.

Selain itu, pembekal juga perlu mematuhi prosedur operasi standard (*standard operating procedure*) yang digariskan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Jumlah keseluruhan komputer riba yang diperuntukkan melalui program ini adalah sebanyak satu juta unit dan berdasarkan anggaran kiraan yang dibuat inisiatif ini akan menyumbang kepada 15 peratus penembusan jalur lebar negara bersamaan dengan satu juta langganan isi rumah di mana jumlah isi rumah terkini adalah 6.7 juta unit. Sekian, terima kasih.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan diberi tadi. Soalan saya ialah kita berterima kasih kepada kementerian kerana mengagihkan komputer 1Malaysia kepada pelajar-pelajar dan rakyat. Apa yang menyedihkan ialah para pelajar tidak dibenarkan menggunakan komputer tersebut di kawasan sekolah. Oleh kerana banyak kawasan pedalaman, luar bandar masih tidak mempunyai akses talian dan liputan internet, adakah kementerian merancang untuk meluaskan liputan di kawasan pedalaman luar bandar dan juga menghapuskan caj talian *internet* kepada para pelajar yang tinggal di kawasan yang masih belum ada akses talian *internet*.

Yang kedua, banyak aduan diterima seperti komputer 1Malaysia tidak berkualiti dan mudah bermasalah. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri beri sedikit pandangan. Sekian, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan yang pertama iaitu berkenaan dengan memperluaskan *accessibility* ataupun kawasan yang diliputi oleh perkhidmatan jalur lebar, ya memang tujuan kerajaan melalui kementerian kami dan SKMM sentiasa memperluaskan capaian atau *coverage* di tepi bandar dan juga pedalaman dan sebagaimana yang telah diumumkan bahawa SKMM sedang memperluaskan kawasan ini melalui kampung tanpa wayar dan juga sebagaimana yang telah diumumkan juga pembangunan menara telekomunikasi di T3 iaitu di kawasan pedalaman.

■1010

Melalui terbangunnya menara-menara tersebut, maka *area* ataupun kawasan akan diperluaskan di mana liputan akan ada lebih-lebih lagi berkenaan dengan *cellular service* iaitu perkhidmatan *cellular* melalui 3G maka *internet* boleh diakses oleh pengguna-pengguna telefon bimbit yang canggih. Berkenaan dengan pertanyaan yang kedua, berkenaan dengan kualiti.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, semua komputer riba 1Malaysia yang dibekalkan walaupun jenamanya pelbagai tetapi ianya semua mengikut standard mandatori yang ditetapkan oleh SKMM. Setiap pembekal yang dipilih, SKMM akan mengambil tidak kurang dari lima sampel iaitu lima unit komputer riba dari setiap pembekal untuk diuji dan dikaji selidik oleh SKMM. Saya percaya dengan adanya standard mandatori yang digariskan oleh SKMM, maka kita boleh percaya walaupun jenama komputer ini tidak sama tetapi standardnya atau kualitinya semua sama. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penggunaan yang meluas kedua-dua medium yakni *internet* dan televisyen kini membentuk masyarakat yang bergantung sepenuhnya kepadanya untuk mendapat maklumat sehingga meminggirkan kandungan sesebuah buku.

Budaya membaca buku di Malaysia agak rendah berbanding negara luar yang mana di Eropah, amalan membaca buku ini adalah satu budaya. Jadi, saya hendak tanya pada kementerian, adakah kementerian membuat kajian terhadap kesan negatif dan positif terhadap pelajar-pelajar yang mendapat *notebook* 1Malaysia. Adakah kriteria tambahan yang diguna oleh kementerian untuk memilih dan melantik pembekal-pembekal yang benar-benar berwibawa untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan seperti yang ditegur dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010. Sekian, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, memang disedari bahawa penggunaan komputer adalah sebagai alternatif kepada pembacaan buku-buku. Bagaimanakah impaknya kepada masyarakat di masa hadapan, itu belum kita dapat pasti walaupun memang ada pengkaji-pengkaji hendak tahu. Penggunaan komputer adalah fenomena yang baru dan mungkin belum kita dapat kesan dengan betul bagaimanakah impaknya. Akan tetapi saya percaya ianya adalah satu alternatif sekiranya kita pegang buku dan baca ataupun kita baca dari komputer pun sama juga. Isi kandungannya mungkin sama, hanya penerbitan buku itu tidak dicetak, ianya diterbitkan atas talian dan dibawa melalui dalam komputer.

Berkenaan dengan kualiti ataupun *supply* kualiti. Memang setiap pembekal dikaji oleh SKMM sebelum ianya diberi kawasan untuk dibekalkan komputer. Sebagaimana yang telah saya katakan, ini adalah pembida-pembida. Walaupun kita tahu bahawa pembekal yang sedia ada, pembekal yang besar-besar, memang lebih berkualiti dan pembekalan mereka mungkin – cara pembekalan dan kualiti produk mereka mungkin lebih tinggi. Akan tetapi kita mesti ingat kita harus menghidupkan juga pembekal-pembekal yang kecil. Oleh yang demikian, kita ada sedikit serba salah, walaupun kita hendak mematuhi standard yang tinggi tetapi kita juga harus ingat kehendak kita untuk menghidupkan yang kecil-kecil ini dan memupuk supaya mereka juga boleh menjadi pembekal yang besar. Terima kasih.

2. **Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, jumlah kedai runcit di bawah Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) di seluruh negara dan nyatakan sejauh manakah program ini dapat memodenkan prasarana kedai runcit terpilih serta mampu meningkatkan pendapatan peniaga-peniaga kedai runcit berkenaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional sedia ada bagi meningkatkan tahap daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama *hypermarket* tempatan dan asing sebagai tanggungjawab sosial syarikat terbabit membangunkan peruncit-peruncit tempatan. Elemen-elemen yang diterapkan dalam program transformasi ini ialah perubahan fizikal kedai, peralatan dan mesin terutamanya memperkenalkan *point of sales system*, pencahayaan kedai, kekemasan lantai, susun atur atau *layout* kedai serta program latihan kepada peruncit dalam pengurusan kedai yang lebih sistematik.

Pada tahun 2011, kerajaan menyasarkan sebanyak 500 buah kedai runcit dimodenkan di seluruh negara. Sehingga 9 Disember tahun ini, sebanyak 465 buah kedai runcit termasuk kedai runcit koperasi telah berjaya dimodenkan manakala 35 buah kedai lagi dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada peruncit yang menyertai program ini, purata jualan mereka meningkat di antara 11 peratus hingga 63 peratus. Dalam masa yang sama mereka juga dapat meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan kedai runcit yang lebih sistematik serta pembinaan modal insan yang lebih baik.

Di samping itu, pengguna juga turut mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek TUKAR ini dan antaranya ialah pilihan barangan yang lebih banyak, lebih selesa dan produk yang dikehendaki mudah didapati di kedai tersebut. Ini secara tidak langsung akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara seperti mana sasaran *Gross National Income* bagi program ini iaitu RM5.56 bilion menjelang tahun 2020. Terima kasih.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, nyatakan apakah bantuan modal dan pembiayaan yang diberi kepada peniaga runcit yang menyertai TUKAR ini bagi meningkatkan daya saing mereka serta apakah sasaran kerajaan bagi pemodenan operasi peniaga runcit di seluruh negara menjelang 2020 menerusi Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR). Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar. Tadi Yang Berhormat bertanyakan dari segi pembiayaan modal. Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang cukup memahami bahawa apa-apa juga transformasi yang hendak kita lakukan mestilah kita memerlukan modal. Oleh yang demikian, kerajaan telah memperuntukkan iaitu satu pinjaman mudah yang kita salurkan melalui Bank Rakyat iaitu jenis pinjaman syariah. Di mana had pembiayaan iaitu antara RM20,000 hingga RM60,000.

■1020

Di situ kita memberi juga yuran perkhidmatan yang sangat munasabah iaitu 3 peratus setahun pada asas baki bulanan dan kita memberi tempoh pembayaran balik yang kami rasakan begitu baik sekali iaitu 15 tahun. Jadi tiada penjamin dan ia hanya memerlukan perniagaan perkongsian atau syarikat sendirian berhad, kita memerlukan *director* sebagai *guarantor* sahaja. Bermakna kita membuat kalau dapatnya semudah yang mungkin tetapi umurlah, Yang Berhormat. Kita memerlukan umur peminjam itu tidak lebih 60 tahun dan sekiranya sudah sampai umur 60 tahun, kita menggalakkan mungkin menamakan anak dan sebagainya yang umurnya belum sampai 60 tahun.

Sasaran, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat kerana sudah bertanya sehingga tahun 2020. Sasaran adalah 5,000 kedai TUKAR untuk kita capai dalam tahun 2020. Terima kasih.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah, berapakah jumlah yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk menjayakan Program TUKAR ini dan apakah kriteria yang perlu dipenuhi oleh peruncit tradisional yang ingin menyertai Program TUKAR serta adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu stok barangan secara pukal bagi membantu pembangunan Program TUKAR ini sekali gus membantu untuk mengawal harga barangan runcit semasa yang semakin hari semakin meningkat. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Saiful. Yang Berhormat, dari segi – tadi saya maklumkan bahawa modal kita sediakan iaitu antara RM20,000 hingga RM60,000 dan kita melihat dari segi jumlahnya iaitu dalam 500 kedai runcit setiap tahun. Adanya tidak memerlukan maksimum RM60,000 dan adanya dia hanya mengambil setakat RM20,000 dan sebagainya. *Insyah-Allah* kerajaan telah menyediakan melalui Bank Rakyat untuk membantu.

Yang Berhormat, dari segi kriteria atau syarat-syarat permohonan TUKAR adalah seperti berikut:

- (i) perniagaan adalah 100 peratus milik tempatan iaitu milik tunggal, perkongsian atau sendirian berhad dan adalah untuk semua rakyat Malaysia;
- (ii) berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- (iii) mempunyai lesen pihak berkuasa tempatan (PBT) yang sah untuk mengusahakan kedai runcit;
- (iv) pemilik kedai runcit mesti berumur antara 23 tahun ke atas dan tidak melebihi 60 tahun semasa pembayaran bulan terakhir pinjaman;
- (v) kedai runcit telah beroperasi sekurang-kurangnya dua tahun. Bermakna, Yang Berhormat ada pengalamanlah;
- (vi) keluasan kedai runcit tidak melebihi dua pintu kedai atau 2,500 kaki persegi;
- (vii) pengusaha mempunyai rekod yang baik dengan institusi kewangan; dan
- (viii) mengemukakan salinan penyata akaun bank tiga bulan terkini.

Dari segi stok barangan, Yang Berhormat, seperti saya katakan, satu daripada cara kita melaksanakan Program TUKAR adalah dengan adanya dibantu sebagai satu CSR pihak konsultan dan pihak konsultan ini adalah *hypermarket* atau *supermarket* asing atau tempatan.

Jadi mereka ini akan memastikan bahawa stok itu ada, membantu untuk dua tahun sehingga mereka ini sudah selesai dan biasa dengan cara-cara kedai runcit yang lebih moden. Selepas itu, Yang Berhormat saya rasa mereka sudah ada mungkin satu rangkaian *supplier* mereka yang boleh digunakan. Memang tidak ada dalam ciri ini ada satu persepsi di mana ramai yang tidak berani mengikuti Program TUKAR sebab mereka takut *supplier* tradisional mereka itu tidak boleh diguna lagi. Namun itu salah, Yang Berhormat. Ini bermakna walaupun katalah Mydinkah, Carrefourkah, Tescoah atau melalui koperasi dan sebagainya yang menjadi konsultan, mereka masih boleh meneruskan dengan *supplier-supplier* tradisional mereka.

Jadi persepsi ini sebab ada satu masa saya menjawab, rupanya ada persepsi ini. Itu sebabnya mereka jadi takut atau mereka tidak begitu menarik untuk mengikuti Program TUKAR. Yang Berhormat, kita hendak menjurus kepada negara maju dalam tahun 2020. Jadi kalau dapat kita juga kedai-kedai runcit tradisional ini juga melambangkan ciri negara maju menjelang tahun 2020. Terima kasih, Yang Berhormat.

3. Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, jumlah pekerja mengikut negeri yang mendapat kerja melalui Program Kerja di Rumah dan Program Separa Masa.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]:
Assalamualaikum, selamat pagi dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz yang mengemukakan soalan tentang pekerjaan di rumah atau bekerja dari rumah. Pertama, izinkan saya memberi sedikit penerangan apakah konsep bekerja dari rumah. Program *home working* ataupun bekerja di rumah ini merujuk kepada kerja-kerja yang ditawarkan oleh syarikat atau majikan sama ada secara langsung ataupun melalui pihak ketiga yang dijalankan secara individu atau secara berkumpulan di rumah ataupun di pusat komuniti ataupun di premis yang tertentu yang digunakan untuk menjalankan operasi pekerjaan.

Program ini bertujuan untuk membantu golongan yang sukar keluar bekerja secara formal kerana halangan-halangan tertentu seperti menjaga anak, menguruskan rumah tangga, menjaga ahli keluarga yang sakit dan lain-lain sebab. Satu garis panduan berkaitan dengan *home working* ataupun bekerja di rumah ini telah diterbitkan oleh Jabatan Tenaga Kerja untuk panduan. Program ini telah dilancarkan pada Oktober 2008 melibatkan ibu tunggal, orang kelainan upaya, suri rumah tangga dan keluarga miskin.

Pihak Jabatan Tenaga Kerja juga menggalakkan penyertaan syarikat untuk menawarkan kerja yang bersesuaian melalui program ini dan berikut adalah bilangan seperti yang diminta oleh Yang Berhormat Senator. Sehingga November 2011, terdapat 4,149 orang peserta yang terlibat. Yang Berhormat Senator meminta saya terangkan mengikut negeri.

Bilangan syarikat yang terlibat sehingga November 2011 ialah 223 buah syarikat dan bilangan peserta yang terlibat mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. (orang)
Selangor	9
SelangorPinang	21
Perak	226
Kuala Lumpur	4
Selangor	1,185
Negeri Sembilan	59
Pahang	55
Melaka	772
Johor	648
Kelantan	771
Terengganu	76
JUMLAH	4,149

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator juga meminta maklumat mengenai Program Separa Waktu. Kementerian Sumber Manusia telah menguatkuasakan peraturan-peraturan kerja separa waktu mulai 1 Oktober 2010.

Saya ingin mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, untuk menerangkan apa itu kerja separa waktu. Berdasarkan peraturan ini, pekerja separa masa adalah mereka yang bekerja dengan jumlah waktu kerja lebih daripada 30 peratus sehingga 70 peratus daripada waktu kerja biasa. Waktu kerja biasa mengikut Akta Kerja adalah lapan jam sehari.

■1030

Jadi, kalau bekerja 30 peratus hingga 70 peratus, dia dianggap bekerja separuh waktu. Sebagai contoh, sekiranya waktu kerja itu macam saya kata tadi 8 jam sehari, separa waktu bekerja antara 2.4 jam sehari sehingga 5.6 jam sehari tetapi ini tidak termasuk mereka yang bekerja di sektor informal seperti *home working* tadi.

Tujuan kerajaan memperkenalkan peraturan ini adalah untuk menarik dan meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan terutama sekali yang dianggarkan ada 6.8 juta yang termasuk di dalam, dengan izin, *latent workforce* ataupun tenaga kerja terpendam iaitu mereka di usia yang patut bekerja tetapi tidak bekerja kerana sebab-sebab tertentu.

Di antara kumpulan ini adalah golongan suri rumah tangga yang dianggarkan ada 3.3 juta yang boleh bekerja tetapi tidak bekerja, penuntut institusi pengajian tinggi, kita dapati ada lebih kurang 2.6 juta. Pesara, seperti yang kita tahu mereka yang bersara kebanyakannya masih lagi segar bugar dan boleh menyumbang kepada pasaran tenaga kerja dan jumlah pesara dianggarkan ada dalam 419,000 orang. Jika sebahagian dapat bekerja melalui separa waktu ini, dia dapat menyumbang kepada pasaran pekerjaan di negara ini dan juga orang kelainan upaya yang dianggarkan ada lebih 134,000 orang. Jadi, kita percaya melalui peraturan kerja separa waktu, sebahagian daripada mereka ini boleh memasuki pasaran pekerjaan dan dapat menambah pendapatan isi rumah, individu dan isi rumah. Ini juga dapat menyumbang kepada mengurangkan kebergantungan kepada tenaga asing. Penguatkuasaan peraturan ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Dato' Maznah binti Mazlan: Panjang ya?... Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup dah itu, cukup.

Dato' Maznah binti Mazlan: Jadi, terus kepada bilangan yang terlibat melalui kerja separa waktu ini adalah dalam 12,638 orang. Yang Berhormat Mulia minta ikut negeri. Di Selangor seramai 2,258, Pulau Pinang seramai 1,733 orang, di Perak seramai 104 orang, di Pahang seramai 676, di Johor seramai 1,841 orang, di Kedah seramai 767 orang, di Kuala Lumpur seramai 1,353 orang, di Kelantan seramai 397 orang, di Melaka seramai 522 orang, di Negeri Sembilan seramai 673 orang, di Terengganu seramai 312 orang dan di Perlis seramai 1,002 orang, semuanya 12,638 orang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah ada usaha kerajaan untuk mengembangkan program ini ke sektor awam. Kalau tiada, mengapa.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan. Sebenarnya sudah ada sektor awam iaitu Kementerian Kerja Raya yang telah mengambil inisiatif menawarkan kerja-kerja melukis pelan daripada rumah dan terbukti ia berjaya. Kita percaya bahawa ini adalah salah satu kaedah yang boleh dikembangkan seterusnya bergantung kepada keperluan dan kesesuaian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya fikir soalan itu dah dijawab begitu panjang lebar dan lengkap. Tak payah lagi dah siapa-siapa tanya lagi. Ini menunjukkan bahawa kalau boleh soalan itu jawab setakat soalan sahaja. Beri ruang kepada tambahan dan tambahan pun jangan meleret-leret, jawapan pun hendaklah tepat dan singkat. Terima kasih Yang Berhormat, bagus.

4. Datuk Maijol Mahap minta Perdana Menteri menyatakan, tidakkah kerajaan bercadang untuk menyediakan panduan untuk memberi penerangan kepada umum tentang undang-undang rasuah Malaysia serta implikasi dan aplikasinya dan membantu mereka bagaimana menangani risiko rasuah, seperti yang dibuat oleh Kerajaan British apabila ia meluluskan undang-undang *Bribery Act 2010*.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Maijol atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 7(f) dan (g) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berperanan iaitu mendidik masyarakat supaya membenci rasuah dan mendapatkan sokongan masyarakat menentang jenayah rasuah. Berhubung isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia daripada semasa ke semasa sentiasa memberikan penerangan kepada masyarakat mengenai undang-undang rasuah Malaysia berkaitan implikasi dan juga aplikasinya sebagai membantu masyarakat dalam menangani risiko rasuah.

Selain sesi ceramah dan seminar, SPRM juga antaranya melaksanakan program-program seperti mesej anti rasuah yang telah disebar ke seluruh negara melalui media cetak dan media elektronik seperti contohnya, program *Wawancara, Bual Bicara*, iklan TV dan radio.

Begitu juga risalah-risalah dan juga poster-poster diedarkan ke seluruh negara melalui SPRM negeri. Selain itu juga, edaran turut dibuat di restoran-restoran dan stesen-stesen minyak sekitar Lembah Klang. Iklan-iklan juga telah dipamerkan melalui *electronic billboard* di seluruh negara selain paparan iklan di bangunan-bangunan tinggi atas usaha sama pihak berkuasa tempatan atau PBT. Pendedahan mengenai kesalahan dan juga implikasi rasuah juga telah dibuat melalui drama-drama TV seperti *Ops SPRM* dan juga *Skuad D6* dan radio-radio universiti seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, kempen pencegahan rasuah telah dilakukan oleh SPRM melalui pelbagai medium dengan hasrat untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia tentang bahayanya jenayah rasuah kepada ekonomi dan juga politik tanah air. Kempen pencegahan rasuah ini dilakukan secara terancang, menyeluruh dan juga berterusan dengan menyasarkan kepada setiap lapisan masyarakat di negara ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan saya ialah mengenai bidang kuasa undang-undang kita terhadap rakyat Malaysia yang memberi rasuah di luar negara. Ada dua model Tuan Yang di-Pertua, satu ialah *Foreign Corrupt Practices Act 1977* di Amerika Syarikat dan juga *British Bribery Act 2010*. Di Amerika Syarikat Tuan Yang di-Pertua, undang-undang melarang rakyat Amerika atau sekutu dan ejen mereka memberi rasuah kepada pegawai-pegawai negara asing di luar negara dan istilah negara asing dalam Amerika begitu luas sekali. Yang kedua ialah *British Bribery Act 2010* yang juga sama dengan Amerika tetapi ada tambahannya di mana ada *Strict Liability Corporate Offence* iaitu menjadi satu kesalahan bagi syarikat-syarikat yang tidak mempunyai prosedur untuk mencegah rasuah, itu di UK. Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kita bercadang untuk memperkenalkan dengan undang-undang seperti itu di negara kita. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap atas soalan tambahan ini. Pertamanya, mengenai Akta UK, *British Bribery Act 2010* ini. Sekiranya kita lihat dengan teliti, akta ini mengandungi 14 seksyen di mana seksyen 9 sahaja yang memberi kuasa ataupun kuasa mandatori kepada pihak *Secretary of State* untuk *publish* panduan terhadap prosedur yang relevan, dengan izin, *to publish guidance on procedures that relevant commercial organization can put in place to prevent associated person bribing*. Jadi, mereka telah pun menjalankan kempen untuk mengadakan pengedaran memandangkan ini adalah satu akta yang mandatori untuk *Secretary of State* di negara itu memberikan panduan.

■1040

Sekiranya kita lihat dengan teliti, seksyen yang kita ada di Malaysia kini telah pun melindungi banyak isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Senator terutamanya mengenai tanggungan bagi kesalahan luar Malaysia. Kita boleh lihat daripada seksyen 66 daripada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 di mana peruntukan akta ini telah pun mengatakan warga Malaysia ataupun pemastautin tetap Malaysia yang mematuhi kuat kuasa di dalam Malaysia dan jika sesuatu kesalahan di bawah akta ini dilakukan di mana-mana tempat di luar Malaysia oleh mana-mana warganegara atau pemastautin tetap, dia boleh diperlakukan berkenaannya dengan kesalahan itu seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat di dalam Malaysia.

Mengenai Isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator mengenai pegawai asing yang disogok rasuah seksyen 22 akta yang sama telah pun memberikan *function* dan juga telah pun memberikan bidang kuat kuasa kepada pihak SPRM untuk mengambil tindakan terhadap mereka. Mengenai prosiding-prosiding ataupun isu yang dibangkitkan mengenai keterangan yang diberikan oleh Yang Berhormat, di mana *foreign evidence* telah pun diperkenalkan dalam negara asing di mana penjenayahan telah pun berlaku, Dewan kini dalam proses membentangkan rang undang-undang meminda Akta Keterangan 1990, di mana seksyen 90A, memberikan kuasa kepada pihak *Attorney General* untuk *certify certificate of evidence letting to foreign evidence*, ini adalah untuk membaiki *'informity'* dengan izin, dalam kes Eric Chia.

Oleh kerana rang undang-undang ini telah pun dijadualkan untuk dibahaskan pada sesi Dewan ini, saya harap Yang Berhormat Senator Datuk dapat ambil peranan apabila rang undang-undang ini dibentangkan nanti. Itu sahaja.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini kami diberitahu bahawa CPI iaitu *corruption perception index* Malaysia turun iaitu sekarang ranking 60. Salah satu sebab ialah banyak kesulitan dalam urusan kerajaan. Jadi apakah langkah-langkah kerajaan membawa lebih ketulusan dalam urusan kerajaan dan juga dalam sistem pemberian tender, implementasi sistem open tender, adakah ada dalam rancangan atau *back up plan*? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Kita ambil maklum bahawa baru-baru ini *CPI index* ini telah pun jatuh sedikit dibandingkan dengan negara yang lain. Ini kami telah pun difahamkan bahawa terdapat prosedur atau kriteria-kriteria yang berbeza apabila mereka membuat kajian berbanding negara ini dengan negara lain. Prosedur itu saya telah pun difahamkan adalah pertama kali diambil oleh pihak CPI dan saya difahamkan juga negara asing yang berdekatan dengan negara kita ini pun telah pun jatuh indeksinya memandangkan prosedur ataupun kriteria diambil oleh pihak berkenaan.

Jadi pihak kerajaan memang sentiasa menjalankan proses untuk membanteras rasuah ini memandangkan kerajaan daripada mulanya telah pun memahami rasuah ini adalah amat bahaya bagi masyarakat kita. Jadi dalam proses antara yang lain-lain seperti Yang Berhormat sedia maklum, open tender ini adalah satu prosedur yang telah pun diperkenalkan oleh kerajaan untuk memastikan semua projek akan diberikan keutamaan melalui open tender proses dan saya rasa Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa buat setakat ini proses ini telah pun berjalan dengan baik memandangkan pihak NKRA yang menjalankan semua ini masih lagi dalam proses untuk kemas kini. Banyak isu yang berkenaan jadi saya yakin pada masa akan datang pada masa tahun depan CPI indeks kita ini saya rasa akan kekurangan.

Jadi ini adalah satu harapan besar bagi kerajaan untuk memastikan semua lapisan rakyat daripada golongan semualah Yang Berhormat juga dapat memainkan peranan bersama-sama untuk memastikan kita dapat membanteras jenayah ini. Itu sahaja. Terima kasih.

5. Dr. Malasingam a/l Muthukumaru [Di Bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, usaha-usaha untuk mempertingkatkan dan memperkemaskan ladang kelompok untuk diperluaskan kepada usahawan tani dan koperasi masyarakat Orang Asli.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli ataupun JAKOA pada masa ini sedang giat melaksanakan projek-projek pertanian dan perladangan kepada masyarakat Orang Asli menggunakan kaedah ladang kelompok. Pelaksanaan projek ini melibatkan tanaman getah, kelapa sawit, koko, tanaman kontan seperti pisang, jagung dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menjayakan pelaksanaan projek ladang kelompok ini JAKOA turut melibatkan rakan sinergi daripada agensi-agensi kerajaan lain seperti RISDA, FELCRA, Lembaga Koko Malaysia dan Jabatan Pertanian.

Menerusi pelan strategik kemajuan Orang Asli yang merangkumi tahun 2011 hingga 2015, pihak JAKOA merancang untuk melaksanakan program pertanian secara berkelompok melibatkan projek ekonomi bernilai tinggi seperti tanaman kasava, karas ataupun gaharu dan penternakan burung walit dengan sasaran seramai 200 usahawan tani masyarakat Orang Asli. Selain daripada itu, menerusi pelan strategik ini juga pihak JAKOA akan memperluaskan projek tanaman herba seperti tongkat ali, kacip fatimah, misai kucing dan sebagainya untuk dilaksanakan secara kelompok di kawasan penempatan orang Asli yang melibatkan 100 peserta.

Sebagai usaha untuk menggalakkan koperasi dan usahawan tani di dalam pelaksanaan projek kelompok ini, koperasi Orang Asli akan dijadikan sebagai agensi utama bagi memasarkan produk-produk pertanian Orang Asli.

Usahawan tani dan Koperasi Orang Asli ini dicadang akan diberi pinjaman menerusi tabung pinjaman perniagaan bagi memulakan projek ladang berkelompok. Pihak JAKOA akan memberi keutamaan kepada usahawan tani dan koperasi-koperasi Orang Asli yang berdaya maju untuk menceburi bidang perladangan dan pertanian kelompok tersebut. Selain daripada itu pihak JAKOA juga telah menaik taraf infrastruktur dan prasarana ladang kelompok ini terutamanya di dalam pembinaan jalan pertanian untuk memudahkan pemantauan dibuat di samping dapat meningkatkan pengeluaran hasil ladang. Sekian.

Dr. Syed Hussin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya bilangan Orang Asli yang terlibat dengan rancangan ini belum ramai, jadi saya hendak tahu apakah kesan atau akibatnya rancangan ini dan juga usaha-usaha pembalakan ke atas masyarakat Orang Asli di Semenanjung dan juga masyarakat orang asal di Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

■1050

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, pertama soalan ini tidak ada kena mengena dengan Sabah dan Sarawak sebab di sana tidak ada orang yang diistilahkan Orang Asli. Akta Orang Asli ini pun tidak melibatkan Sabah dan Sarawak.

Kedua, isu pembalakan. Dalam perancangan yang dibuat oleh JAKOA, kita tidak ada kaitan dengan pembalakan dan tanah-tanah yang akan diagihkan untuk Orang Asli yang melibatkan program di bawah JAKOA ini tidak ada langsung melibatkan tanah sama ada secara haram atau pun yang berlesen yang dibalakkan. Sekian.

6. Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, berapakah jumlah bantuan mengikut kaum dan bidang perniagaan yang telah disalurkan dari Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) bagi tempoh empat tahun, serta apakah kriteria bagi permohonan sedemikian.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Terima kasih atas soalan yang dibawa oleh Datuk Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) di bawah Tabung Kumpulan Amanah Pembangunan Ekonomi Belia merupakan satu-satunya tabung amanah yang diuruskan oleh kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan bertujuan untuk memberi pinjaman perniagaan kepada golongan belia.

Bermula pada akhir tahun 2007 sehingga 2009 iaitu selama dua tahun, seramai 3,131 belia telah membuat permohonan pinjaman melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri. Kementerian telah meluluskan sebanyak 1,449 pinjaman dengan jumlah RM48.7 juta. Di antaranya Tuan Yang di-Pertua seramai 1,138 peminjam adalah dari golongan belia Melayu melibatkan pinjaman bernilai RM37.55 juta. Seramai 177 orang belia Cina dengan pengeluaran berjumlah RM7.5 juta, enam orang belia India berjumlah RM2.35 juta dan 68 peminjam lain-lain kaum dengan kelulusan pinjaman berjumlah RM1.3 juta.

Tuan Yang di-Pertua, skim ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu Skim Belia Niaga dan Skim Belia Tani. Bidang-bidang di bawah Skim Belia Niaga ini ialah perniagaan berkaitan dengan elektronik, kecantikan dan kesihatan, makanan dan minuman, peruncitan, telekomunikasi, tekstil dan juga bengkel-bengkel kenderaan. Bidang-bidang usaha yang diceburi oleh peminjam di bawah Skim Belia Tani adalah tanaman, ternakan dan perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, kriteria-kriteria utama untuk mendapatkan kemudahan pinjaman ini adalah golongan belia ini mestilah merupakan warganegara Malaysia yang di antara umur 18 hingga 40 tahun dan setiap pemohon dikehendaki menyertai kursus keusahawanan yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan di bawah Unit Keusahawanan bahagian pembangunan belia. Sekian.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa skim ini telah pun ditamatkan dan jika benar apakah sebabnya dan masih lagi ada banyak pertanyaan daripada golongan belia yang berminat untuk memohon skim ini. Skim ini didapati masih lagi ada dalam laman web.

Tuan Gan Ping Sieu: Terima kasih atas soalan tambahan yang berkaitan dengan status terkini Skim Tabung Ekonomi Belia ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tabung ini sebenarnya adalah satu tabung di bawah Kumpulan Amanah Pembangunan Ekonomi Belia sebagaimana saya sebut sebentar tadi.

Dana yang telah diuruskan oleh Kementerian Belia dan Sukan adalah dalam, *amount* dalam RM 50 juta dan *amount* ini telah diluluskan pada tahun 2006 dan 2007. Selepas itu dia tidak ada dana baru. Ia bukanlah satu yang digelar sebagai *revolving credit*. Setiap tahun, Kementerian Belia dan Sukan menerima dana RM50 juta setahun. Kalau adanya, agak baiklah bagi Kementerian Belia dan Sukan. Akan tetapi selain daripada itu untuk makluman Ahli Yang Berhormat dukacitanya juga dimaklumkan sebab pengurusan skim ini, Kementerian Belia dan Sukan mendapati *default rate* yang MPL ini untuk Skim Belia Niaga, kadar *default* ini adalah 35 peratus dan untuk Skim Belia Tani adalah 50 peratus.

Jadi, *effectiveness*, keberkesanan untuk menguruskan skim ini, walaupun skim ini bukan diuruskan oleh Kementerian Belia dan Sukan segala-galanya, ia telah diserahkan kepada Agrobank dan Bank Kerjasama Rakyat untuk menguruskan secara profesional.

Walau bagaimanapun, *default rate* yang begitu tinggi, Kementerian Belia dan Sukan menganggap sama ada Skim Tabung Ekonomi Belia seharusnya dijadikan sebagai *core business* untuk Kementerian Belia dan Sukan. Sedangkan di antara kementerian-kementerian termasuk agensi-agensi Kerajaan Pusat termasuk Skim Tekun, INSKEN, Tabung Luar Bandar, Tabung Ekonomi untuk Kampong Bharu dan sebagainya. Banyak ada skim-skim yang berkenaan. Oleh sebab itu Kementerian Belia dan Sukan tidak meneruskan program ini atau pun tidak membuatkan permohonan tambahan untuk dana *revolving credit* untuk menjalankan program ini. Sementara itu, kami memberi tumpuan dan perhatian atau pun menekankan dalam program-program pembangunan belia lain termasuk enam inisiatif pembangunan belia hasil daripada makmal belia yang telah diterima dan di *endorse* oleh Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia pada awal tahun ini.

Di antara program-program ini termasuk Parlimen Belia yang tengah diuruskan. Sukacitanya dimaklumkan mungkin pada awal tahun depan bulan Februari atau Mac, *trial mock-run* akan diadakan. Program-program inisiatif lain termasuk *My Icon*, *My Core* iaitu sukarelawan, iaitu berkaitan dengan maklumat teknologi, *My Leaders* dengan Program Mentor-Mentee. Inisiatif-inisiatif inilah yang dijadikan sebagai *core business* untuk Kementerian Belia dan Sukan selain daripada rakan muda, bidang IKBN kemahiran dan Bestari 3K yang melibatkan kepimpinan, kursus-kursus dan latihan, pendidikan keusahawanan dan kemahiran. Sekian.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin bertanya mengenai pinjaman ini. Adakah kementerian membuat *follow up action*, dengan izin? Adakah mereka ini dipantau dari semasa ke semasa sebab apabila kita menyalurkan bantuan, saya merasakan ada kalanya kita bagi tetapi kita tidak memantau. Jadi benda itu keberkesanan, *effectiveness* nya terbantut di situ sahaja. Terima kasih.

Tuan Gan Ping Sieu: Terima kasih atas cadangan yang begitu murni daripada Yang Berhormat Senator. Pemantauan skim ini telah diserahkan kepada Agrobank dan juga Bank Kerjasama Rakyat. Mereka telah menjalankan pengurusan mikro kredit ini dengan secara profesional. Walau bagaimanapun, sebagaimana saya sebutkan sebentar tadi agak dukacitanya MPL nya agak tinggi. Oleh sebab itu pengurusan ini atau pun peningkatan tindakan undang-undang telah diambil oleh bank-bank yang berkaitan. Sekian.

7. **Dato' Zaitun binti Mat** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, adakah kementerian bercadang mengeluarkan sendiri komputer tablet yang mampu milik sebagai usaha membangunkan teknologi maklumat dalam pendidikan negara dan meningkatkan kadar penduduk yang memiliki akses *internet*.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusoff]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui agensinya iaitu MIMOS Berhad dengan kerjasama sebuah syarikat Taiwan telah mencipta komputer tablet atau *net tablet* yang dikenali sebagai iDOLA dengan izin, *internet device for learning application* atau peranti *internet* untuk aplikasi pembelajaran.

iDOLA dicipta khas untuk kegunaan pendidikan negara. Ia mempunyai ciri-ciri sama seperti *tablet* lain yang berada di pasaran. Antara ciri-cirinya adalah mampu beroperasi menggunakan sistem pengoperasian *windows* ataupun *android*. Dilengkapi dengan sambungan jalur lebar tanpa wayar atau pun *WiFi* dan *bluetooth*, dilengkapi dengan skrin sesentuh atau pun dengan izin, *touch screen* bagi memudahkan penggunaan berbanding penggunaan papan kekunci. Selain daripada itu iDOLA juga mempunyai ciri-ciri khusus seperti berikut, dilengkapi dengan aplikasi landasan penyampaian perkhidmatan pintar atau dengan izin, *Intelligent Service Delivery Platform* (ISDP).

■1100

ISDP yang dicipta dan dipaten oleh MIMOS ini membantu pengguna mendapat maklumat yang diperlukan dengan cara mudah dan cepat kerana ia direka bentuk secara *personalised* dan *icon-based*. Ia juga boleh dilengkapi dengan *Intelligence Learning Management System* (iLMS) iaitu sebuah sistem penyelesaian kandungan ataupun dengan izin, *content solution* pendidikan. iLMS ini mampu meningkat serta mengintegrasikan pengalaman pelajar secara *personalise* dan *adaptive*. Selain daripada itu, iLMS juga dilengkapi dengan keupayaan untuk memudahkan pemantauan prestasi pembelajaran pelajar oleh pelajar, guru, guru besar, pegawai pendidikan dan ibu bapa secara *online*. Secara ringkasnya, iDOLA dicipta bertujuan untuk memberi kemudahan kepada proses pembelajaran di pelbagai peringkat serta memudahkan pengguna yang kurang celik IT untuk mendapat maklumat melalui kemudahan *internet*. Maka setiap pemilik iDOLA bukan sahaja memiliki akses *internet*, malahan mendapat manfaat secara langsung daripada kandungan-kandungan yang terdapat di *internet*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mengkomersilkan teknologi yang dibangunkan, MIMOS turut bekerjasama rapat dengan pihak-pihak industri melalui kaedah pelesenan kepada syarikat-syarikat tempatan yang dilantik oleh MIMOS dengan kelulusan pihak MOSTI. Begitu juga dengan iDOLA, MIMOS telah melesenkan *trademark* iDOLA kepada beberapa buah syarikat penerima teknologi. Sebagai sebuah peranti atau *device* yang mempunyai keperluan teknologi terkini serta mudah dikendalikan, iDOLA dilihat mampu untuk bersaing di pasaran tempatan dan global. Ia juga telah diterima pakai dan perancangan pengagihan projek komputer 1Malaysia yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan pada masa ini. Terima kasih.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri menjawab.

Cadangan soalan tambahan saya ialah, baru-baru ini India telah melancarkan komputer tablet kos rendah bernama AKASH berharga USD45 atau RM139 yang telah memberi manfaat kepada 10 juta golongan pelajar di negara itu dengan pengedaran pertamanya sebanyak 500 pelajar. Di Malaysia, komputer tablet generasi baru diteroka oleh Maxis seperti *galaxy*, *tab* dan *Celcom* yang mempunyai tujuh jenis komputer tablet di pasaran. Masalahnya tiada komputer tablet kos rendah khusus untuk pelajar. Soalan tambahan saya, apakah langkah dan usaha kerajaan bagi menghasilkan komputer tablet mampu milik untuk kegunaan pelajar dan seterusnya meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan akses *internet* di kalangan pelajar.

Kedua, sejauh manakah kejayaan Projek Pengeluaran PC berjenama 'Makcik PC' yang dibangunkan MIMOS Berhad, telah dilancarkan pada 30 November 2007 serta nyatakan impak kepada perkembangan ICT negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Zaitun binti Mat. Soalan yang begitu menarik maknanya Yang Berhormat Senator telah membuat *research* berkaitan dengan perkara ini sehinggakan sampai ke negeri India sebenarnya. Tahniahlah. Cuma... [Disampuk] Orang lama yang sudah *update* ya, Tuan Yang di-Pertua.

Berkaitan dengan komputer yang murah ataupun mampu dimiliki oleh setiap lapisan masyarakat kita khususnya para pelajar. Kalau di India mereka mencipta sejenis komputer yang kosnya USD45, kita belum sampai ke tahap tersebut. Akan tetapi usaha sedang dilakukan, iDOLA kalau di pasaran akan kosnya lebih kurang RM1,500.

Akan tetapi apa yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia melalui Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dengan Program Komputer 1Malaysia, semua pelajar sebenarnya diberikan komputer secara percuma ditanggung oleh kerajaan walaupun kos pengeluarannya memang ada dan sebab itu yang saya katakan tadi 30 unit iDOLA ini telah dimasukkan dalam pakej untuk diagihkan kepada pelajar. Bezanya dengan komputer yang ada di pasaran, iDOLA ini ialah teknologi yang dibangunkan oleh MIMOS iaitu ILMS nya, dengan ISDP yang dibangunkan oleh MIMOS dan sebenarnya iDOLA inilah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi 'Makcik PC'. Kita telah *upgrade* kan. Dahulu orang kata kalau 'makcik PC' ini tidak *glamour*.

Jadi kita kenalah jadikan jenama baru dengan menjadikan tablet *netbook* ini sebagai idola. Supaya diharapkan dengan penjenamaan baru ini, ianya menglamourkan 'makcik' itu menjadi seorang 'idola'. Itulah yang telah kita lakukan dan usaha terus dijalankan malahan dari tiga syarikat yang telah dilantik, mereka sedang cuba untuk memasarkan produk ini bukan sahaja di Malaysia malahan mereka sudah juga mendapat tempahan niat daripada negara Afrika. Jadi kita mengharapakan kejayaan untuk kita menerokai pasaran di peringkat global juga. Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana pihak kerajaan telah pun berjaya mengeluarkan *tablet* sendiri, saya ingin bertanya bagaimanakah perancangan kerajaan sebagai mekanisme untuk mengawal kandungan?

Ini sebab kita lihat hari ini masalah dengan internet ini ialah masalah kandungan. Jadi kita lihat pihak negara luar pun gagal untuk mengawal dari segi kandungan ini, adakah pihak negara kita mempunyai satu pasukan yang benar-benar cekap bagi mengawal pembangunan minda rakyat berdasarkan kepada ICT, itu yang pertama. Kedua, berkenaan dengan akta yang telah diluluskan untuk menyaring kesemua kandungan-kandungan khususnya melibatkan kandungan-kandungan gejala sosial yang hari ini menyebabkan banyak berlaku gejala-gejala di kalangan generasi muda. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw. Mungkin soalan itu terkeluar sedikit daripada soalan asas tetapi kalau diizinkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua untuk saya memberi gambaran serba ringkas. Bidang kuasa pengawalan terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan di mana MCMC merupakan pengawal selia ataupun *regulator* berkaitan dengan apa-apa hubung kait dengan isi kandung yang ada di halaman *internet*. Sama ada kita hendak menyaring ataupun tidak, untuk pengetahuan di bawah dasar kita, kita mempunyai kebebasan maklumat sebab itu kita ada *Bill of Guaranties* di bawah MDEC iaitu *Multimedia Development Corporation* untuk memberi jaminan kita tidak akan menyaring apa-apa kandungan *internet* melainkan ianya bercanggah dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada di bawah *Penal Code* dan juga MCMC boleh mengambil tindakan selaku *regulators*. Akan tetapi selaku penggalak kepada industri ataupun sains dan teknologi, kementerian kita memberi kebebasan untuk mereka membangunkan apa-apa isi kandung.

Apa yang kita lakukan melalui *Cyber Security* Malaysia ialah lebih kepada program penggalakan serta kita menyediakan perkhidmatan *help counter* iaitu kalau mana-mana pengguna menghadapi masalah, maka mereka boleh memohon bantuan daripada *Cyber Security* Malaysia untuk membantu bagaimana kita boleh mengeluarkan isi kandung yang dirasakan bercanggah dengan nilai dan norma kita di Malaysia maka bolehlah berhubung dengan *Cyber Security* Malaysia melalui *Cyber 999* ataupun apa-apa yang dimaklumkan melalui *website Cyber Security* untuk kita membantu apa-apa yang diperlukan oleh rakyat kita di dalam menangani cabaran *cyber space* ini.

8. Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta Menteri Pelajaran menyatakan, langkah-langkah Kementerian bagi memastikan pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan secara lebih meluas khususnya penggunaan Bahasa Melayu dalam pelbagai bidang terutamanya pengiklanan, papan tanda perumahan, perbankan dan perkhidmatan awam.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa penghantar pendidikan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan.

Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan 1967 iaitu Akta 32 dan Akta Pendidikan 1996 dan kesemuanya merupakan undang-undang yang sedia ada untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Martabat Bahasa Melayu akan tinggi apabila bahasa itu digunakan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa budaya tinggi serta bahasa ilmu khususnya dalam bidang sains dan teknologi. Bagi menegaskan semula pelaksanaan bahasa kebangsaan dalam perkhidmatan awam, kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam bertarikh 28 Oktober 2011 yang lalu.

■1110

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk memastikan agar taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terus terpelihara dan memantau pelaksanaan bahasa kebangsaan di semua jabatan dan agensi kerajaan serta sektor yang berimpak tinggi termasuklah pengiklanan, papan tanda perumahan, perbankan dan juga perkhidmatan awam. Dalam bidang perbankan, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan surat pekeliling yang mengarahkan semua institusi perbankan dan syarikat insurans supaya menggunakan bahasa kebangsaan khususnya dalam dokumen seperti borang, risalah, kontrak, perjanjian, polisi insurans dan sijil takaful. Bagi memastikan bahasa kebangsaan digunakan secara lebih meluas khususnya dalam bidang pengiklanan dan papan tanda perumahan, kerajaan telah menggubal beberapa garis panduan, antaranya:

- (i) Undang-undang Kecil Iklan;
- (ii) Garis Panduan Papan Iklan Premis Perniagaan 2005;
- (iii) Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar 2009; dan
- (iv) kaedah-kaedah pemasangan papan iklan di dalam rizab lebuh raya dan Jalan Persekutuan.

Terima kasih.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan saya tadi. Soalan tambahan saya, Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ke-8 telah mengambil ketetapan agar bahasa Melayu dimartabatkan dan digunakan sepenuhnya dalam bidang ekonomi, kewangan serta perundangan.

Soalannya adalah yang pertama. Adakah kerajaan bercadang menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan di semua kementerian, agensi kerajaan dan swasta bagi mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di negara ini seperti diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan?

Kedua, sejauh manakah kerajaan melalui Kementerian Pelajaran bertegas dalam penggunaan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara berlandaskan perlembagaan serta akta berkaitan menegakkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dalam semua urusan rasmi dan akhirnya apakah langkah kerajaan dalam masyarakat, persuratan Melayu dengan memperbanyakkan penerbitan dalam Bahasa Melayu sebagai bahan kebangsaan dalam semua bidang ilmu khususnya di pelbagai kementerian dan jabatan. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas tiga soalan tadi. Pertama, memang kerajaan komited dalam soal memperkasa dan memartabatkan Bahasa Kebangsaan. Sebab itulah satu Surat Pekeliling Ikhtisas telah dikeluarkan kepada semua agensi dan inilah satu garis panduan yang mestilah dipatuhi oleh semua jabatan. Di dalamnya memerihalkan dengan jelas apa yang dimaksudkan dengan memartabatkan Bahasa Kebangsaan.

Sebagai contoh dari segi surat-menyurat, bagaimana kita hendak semua menjawab kesemuanya secara sepenuhnya dalam Bahasa Melayu, yang pertama.

Kemudian, dari segi majlis yang dikendalikan melibatkan warganegara Malaysia, ia perlu dilakukan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia. Sekiranya melibatkan persidangan antarabangsa, ia mesti dalam dua bahasa dan kita tidak boleh mengabaikan Bahasa Kebangsaan kerana dengan adanya terjemahan itu, ia lebih difahami oleh mereka yang berada di Malaysia. Pada waktu yang sama, ia sebagai satu rujukan yang sangat bermakna kepada semua rakyat Malaysia. Itu yang pertama. Komitmen kita tetap ada.

Kedua, bagaimana kita hendak memperluaskan, memastikan pihak swasta mematuhi. Sebenarnya dalam sektor awam ini, surat pekeliling sudah jelas. Ketua Jabatan bukan sahaja hendak menggalakkan, tugas dia menggalakkan dan juga memantau penggunaan kaedah-kaedah apa yang telah termaktub dalam surat pekeliling ini.

Untuk swasta pula, di bawah Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan ini yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memang wakil-wakil swasta itu turut diundang. Swasta ini apabila kita hendak mendaftar, sebagai contoh kalau kita hendak membuat satu papan iklan, dia mestilah mendapat kelulusan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dari segi penggunaan bahasa, struktur perkataan itu. Kalau dahulunya, kedai potong rambut dan sekarang kita tidak pakai potong lagi, kita pakai, ada yang pakai ejaan imbuhan yang bukan-bukan. Itu semuanya perlu kita atasi, perbetulkan dengan adanya hubungan akrab antara pihak swasta dengan pihak kerajaan.

Jadi, ini juga tertakuk kepada garis panduan yang kita berikan kepada pihak berkuasa tempatan. Apabila mereka memohon satu lesen ataupun untuk papan iklan, mereka terpaksa merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum mereka bagi kelulusan ia mestilah dirujuk ke pakar bahasa dan dibetulkan struktur, perkataan dan ayat itu. Jadi, saya rasa ini memang hubungan dua hala itu memang ada.

Ketiga, bagaimana kita hendak menggalakkan penghasilan karya ilmiah dalam bahasa Malaysia. Sebenarnya kita ada Institut Terjemahan Negara yang mana tugasnya ialah menterjemahkan lebih banyak buku dalam bahasa Inggeris, bahasa Jerman, yang akhirnya diterjemahkan buku-buku tersebut dalam Bahasa Malaysia. Apa yang pernah kita terjemahkan termasuk buku yang dihasilkan oleh Obama kini dapat diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Jadi, banyak lagi karya-karya yang telah, yang sedang diterjemahkan oleh pihak agensi tertentu dan saya rasa ini adalah antara usaha untuk kita menggalakkan mereka menghasilkan karya dalam Bahasa Malaysia.

Saya rasa secara kesimpulannya apa yang perlu dilakukan ialah kita kena melihat komitmen daripada semua pihak. Pihak swasta, pihak pentadbir awam sama-sama membantu dan apabila Yang Berhormat sebut tentang ekonomi, bidang ekonomi itu sebenarnya saya ingin menyatakan bahawa Bank Negara Malaysia menjalankan tanggungjawabnya dengan cukup baik. Setiap tahun kita ada pertandingan. Antara institusi bank, perbankan yang banyak menggunakan Bahasa Kebangsaan dan diberi sugu hati dan hadiah kepada mereka. Saya rasa ini adalah sebagai satu galakan dan sebab itulah kita dapat melihat semua polisi. Kalau dahulu semua dalam bahasa Inggeris, ia telah diterjemahkan sekurang-kurangnya dia ada dua versi, bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa semangat daripada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Fatimah tadi ialah soal pemantauan dan tindakan terhadap keingkaran terhadap peraturan-peraturan dan undang-undang bahasa kebangsaan itu. Jawapan Timbalan Menteri tadi memanglah jawapan yang betul tetapi lebih banyak merujuk kepada undang-undang yang dibuat begini, pekeliling daripada JPM begini, begitu. Itu kita akui semua tetapi yang kita persoalkan sekarang adalah langkah-langkah yang konkrit dan sistematik dan *conserted* dengan izin yang dilakukan untuk memantau pelaksanaan peraturan-peraturan dan undang-undang yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi, sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua.

Saya beri contoh ini untuk menggambarkan bahawa rasanya undang-undang itu tidak cukup dimasyarakatkan. Kenapa saya berkata begitu? Dua minggu yang lalu saya memberikan ceramah kepada sekumpulan pegawai tinggi kerajaan.

Sebelum ceramah saya mulakan, saya adakan satu kuiz pendek. Di antara soalan saya dalam kuiz itu ialah apa dia MBMMBI? Daripada 60 orang peserta kursus itu, 40 orang tidak tahu menjawab. Apa dia MBMMBI? Ini menandakan bahawa undang-undang itu tidak cukup dimasyarakatkan. Apabila tidak cukup dimasyarakatkan maka ia menyukarkan untuk pemantauan. Apabila tidak dipantau dengan betul maka pelanggaran akan berleluasa.

Jadi, semangat daripada soalan Yang Berhormat Datuk Fatimah itu ialah bagaimana langkah-langkah pemantauan yang sistematik, *conserted* dengan izin, yang dilakukan dan tindakan-tindakan yang diambil terhadap pihak-pihak yang bersikap angkuh dan ingkar terhadap pelaksanaan bahasa kebangsaan itu.

Tidak usah pergi jauh Tuan Yang di-Pertua. Berjalanlah kita daripada Sentral, daripada Muzium Negara sampai ke Kota Darul Ehsan. Masih banyak papan-papan tanda dalam bahasa Inggeris yang walaupun perkara ini telah berkali-kali kita timbulkan. Inilah yang saya maksudkan dengan keingkaran yang barangkali ada kaitan dengan kurangnya pemantauan. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Datuk Senator Profesor yang pernah menjadi Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Kerajaan mengucapkan terima kasih di atas jasa beliau untuk memartabatkan Bahasa Kebangsaan. Apa yang dibangkitkan oleh Profesor tadi sebenarnya menggambarkan bahawa dari segi pemantauan, kita perlu mencari satu kaedah yang lebih berkesan. Saya bersetuju. Akan tetapi kalau kita hendak mengenakan sesuatu hukuman terhadap pihak swasta, akhirnya apa yang boleh kita capai ialah kita asyik denda sahaja.

■1120

Oleh sebab itulah sejak dahulu pernah diperbincangkan, diuar-uarkan sama ada kita mengenakan denda. Akan tetapi kalau menggunakan cara penguatkuasaan semata-mata, ia tidak menyelesaikan masalah. Oleh sebab itulah dalam konteks ini, *enforcement* (penguatkuasaan) dan *education* dan pada waktu yang sama kita mesti seiring kedua-dua elemen 'e' ini supaya kita dapat memberi pendidikan kepada pihak swasta.

Apa yang saya nyatakan tadi sebenarnya kalau mana-mana peniaga ingkar ataupun tidak mahu mematuhi peraturan, maka pihak berkuasa tempatan tidak boleh meluluskan papan tanda. Itu yang pertama. Kedua, kalau untuk papan tanda yang lama digunakan, jadi kita perlu menyemak peraturan dan undang-undang yang ada pada kita. Kita tidak boleh sewenang-wenangnya menurunkan papan tanda itu dan kata ini tidak betul, itu tidak betul.

Jadi saya rasa kita mesti melalui satu proses di mana apabila adanya kesedaran, kedua adanya penguatkuasaan dari segi kalau *sanction* – maksudnya ia perlulah kalau sesuatu permohonan itu tidak mematuhi satu syarat yang ditetapkan untuk tidak mencemarkan bahasa, saya rasa itu dalam ruang lingkup itu kita boleh menggunakan kuasa yang ada pada kita. Akan tetapi ia tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya.

Oleh sebab itulah pernah satu ketika dicadangkan kalau mereka yang menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Kebangsaan, didenda terus. Akan tetapi apabila kita melihat reaksi daripada semua pihak, ianya mungkin bukanlah cara yang terbaik. Oleh sebab itulah saya mengatakan dua perkara, iaitu yang pertama ialah pemantauan, dan yang kedua ialah pendidikan. Pemantauan itu bermaksud penguatkuasaan. Jadi saya rasa kita akan bersikap terbuka dan kita akan mengajak lebih ramai lagi pemimpin-pemimpin daripada sektor swasta supaya mereka sama-sama dengan kita untuk memartabatkan Bahasa Kebangsaan.

Mengenai singkat kata secara huruf MBMMBI itu, kalau saya gunakan mana-mana satu huruf dan ianya disebut kepada orang yang tidak ada kena-mengena dalam sektor pendidikan, orang tidak faham. Macamlah orang politik gunakan satu perkataan, mungkin perkataan itu kepada orang yang tidak tahu tentang politik itu memang tidak faham. Kalau kita gunakan PR, orang ingat ini adalah penduduk tetap. Akan tetapi mungkin kepada orang politik, dia tahu PR itu apa.

Jadi saya rasa kita tidak boleh gunakan itu sebagai satu contoh kononnya kita tidak memartabatkan Bahasa Kebangsaan. Itu sebagai contoh ya. Jadi saya setuju penerangan tentang MBMMBI itu kita kena rancakkan, kita kena terangkan dengan betul tetapi tidak lah menggunakan itu sebagai satu kayu pengukur tentang berjayanya ataupun tidak kita memartabatkan Bahasa Kebangsaan. Terima kasih.

9. Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menjaga kebajikan keluarga banduan terutama sekali apabila banduan tersebut adalah pencari nafkah tunggal keluarga tersebut.

Timbalan Menteri Pembanguna Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan pelbagai usaha bagi membantu rakyat yang memerlukan termasuk keluarga banduan.

Antara bantuan yang dipertimbangkan ialah bantuan kanak-kanak bagi tanggungan banduan yang mempunyai anak di bawah usia 18 tahun yang tidak bekerja dan di bawah tanggungan. Selain itu, bantuan orang tua (BOT) juga dipertimbangkan kepada ibu bapa banduan yang memenuhi syarat dan kelayakan yang ditetapkan. Skim-skim bantuan ini membolehkan kehidupan tanggungan banduan tidak terjejas akibat penahanan dan hilang punca pendapatan keluarganya.

Selain daripada bantuan berbentuk kewangan Tuan Yang di-Pertua, JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) serta agensi-agensi di bawah kementerian ini turut menyediakan khidmat sokongan sosial seperti kaunseling kepada keluarga tanggungan banduan sebagai program intervensi.

Selain itu, JKM turut menjadi Ahli Jawatankuasa Penilaian Penempatan dan Kebajikan Orang Tahanan yang di urus setia oleh Kementerian Dalam Negeri. Jawatankuasa ini berperanan memberikan perhatian kepada keluarga banduan supaya kebajikan mereka tidak terabai. Mekanisme ini membolehkan keluarga banduan dibantu secara lebih terancang. Sekian, terima kasih.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat banyak golongan muda di penjara sekarang akibat kesalahan-kesalahan seperti kecurian, pergaduhan dan lain-lain. Saya hendak tahu sama ada kementerian telah membuat kajian sebab-sebab golongan muda terlibat dalam aktiviti-aktiviti ini.

Sama ada kita boleh buat satu konklusi atau satu paten daripada kajian ini tentang kumpulan risiko, tempat asalnya dan sebagainya. Apakah cadangan kementerian untuk sampai atau *reach out* ke kumpulan risiko ini supaya golongan muda boleh dibawa ke arus pembangunan negara kita? Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Yang Berhormat telah menyatakan bahawa terdapat ramai remaja atau anak-anak muda yang terbabit dengan kesalahan. Walau bagaimanapun, statistik ataupun data berkenaan perkara ini tidak ada pada saya pada masa ini. Kita akan rujuk kepada KDN untuk mendapatkan maklumat yang selanjutnya. Walau bagaimanapun, saya menyambut baik cadang Yang Berhormat itu bahawa kementerian ini perlulah membuat satu kajian yang lebih teliti untuk mengkaji perkara ini.

10. Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) siapakah yang membenarkan CITOS mengumpul, menyimpan serta menyalurkan maklumat peribadi seseorang. Adakah ini selaras dengan CCRIS (melalui Bank Negara) yang telah pun diguna pakai oleh semua institusi kewangan di Malaysia; dan
- (b) bagaimana sebuah syarikat swasta menyimpan maklumat peribadi pemegang akaun dan agensi Kerajaan yang mana memantau syarikat dan memberi kuasa kepada mereka.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussien]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti mengumpul, merekod, menyimpan, memproses, mengendali dan menzahirkan maklumat dan data kredit seseorang atau syarikat kini adalah tertakluk di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit (APK) 2010.

Agensi Pelaporan Kredit Swasta termasuk CTOS Sdn Bhd perlu berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit Kementerian Kewangan sekiranya terlibat dalam kegiatan tersebut.

Sebelum ini, agensi pelaporan kredit tidak dikawal selia oleh mana-mana agensi kerajaan dan mereka mengumpul maklumat daripada sumber-sumber awam yang dianggap tidak rahsia dan tidak perlu kepada pengawalseliaan kerajaan. Namun begitu, ekoran aduan awam berhubung masalah yang timbul disebabkan maklumat yang tidak dikemaskinikan, maka kerajaan telah mengambil keputusan untuk menggubal APK yang telah pun diluluskan pada tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, *Credit Central Reference Information System* (CCRIS) dengan izin, merupakan sistem yang dibangunkan dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia yang hanya melibatkan maklumat kredit orang awam dan syarikat yang diperolehi daripada sektor bank dan institusi kewangan sahaja.

Manakala agensi pelaporan kredit swasta termasuk CTOS pula, menawarkan sistem maklumat dan data dengan liputan yang lebih luas termasuk maklumat litigasi, kemufilsan, pembayaran bil utiliti yang tertunggak, pembekalan dan perdagangan yang berkait dengan seseorang individu atau syarikat.

Agensi pelaporan kredit swasta juga berperanan untuk saling lengkap-melengkapi data dan maklumat kredit yang tidak disediakan dalam CCRIS, yang bertujuan untuk membantu operasi dan pertumbuhan pasaran kredit yang berhemah di samping menyumbang kepada kestabilan keseluruhan pasaran kredit dan sistem kewangan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Akta APK 2010 membenarkan agensi pelaporan kredit swasta yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Agensi Pelaporan Kredit Kementerian Kewangan mengumpul, menyimpan dan menyalurkan data kredit seseorang sama ada dari sumber bank atau bukan bank. Agensi pelaporan kredit juga perlu mendapatkan persetujuan individu yang berkaitan terlebih dahulu sebelum aktiviti demikian dapat dilakukan. Berpandukan Akta APK 2010, Agensi Pelaporan Kredit akan dipantau dan dikawal selia oleh pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit, Kementerian Kewangan. Terima kasih.

■1130

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Memandangkan penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kami dapat lihat sebab apa CTOS ini walaupun dipantau oleh kerajaan tetapi masih terdapat banyak masalah yang ditimbulkan daripada mereka yang tidak kemaskan data-data walaupun peminjam sudah pun bayar wang itu lima tahun sebelum ini pun masih dicatatkan di situ tidak dibayar.

Ini membuatkan masalah kepada pengguna atau pun peminjam yang mana mereka akan tolakkan permohonan mereka katakan, beliau adalah *blacklisted*. So, mana yang kami dapat lihat yang CTOS ini memang tidak boleh simpankan maklumat terkini?

Soalan tambahan saya, memandangkan kita pernah berbahas tentang Akta Pelindungan Data Peribadi, apakah tindakan ini bercanggah dengan isi kandungan akta tersebut? Adakah pihak kementerian memantau akan penyalahgunaan maklumat-maklumat peribadi ini agar ianya tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu? Saya juga menyarankan agar perniagaan sedemikian tidak dibenarkan bagi menjamin tidak ada salah guna maklumat bagi perkara-perkara yang tidak diingini berlaku di belakang hari dan hanya menggunakan CCRIS yang dikendalikan oleh Bank Negara untuk rujukan bank. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang telah saya katakan tadi bahawa CCRIS hanya meliputi maklumat yang diperolehi daripada sistem bank sahaja tetapi terdapat juga maklumat-maklumat di luar daripada sistem bank yang perlu untuk digunakan dalam penilaian rekod kredit seseorang. Maka di sinilah timbul keseimbangan yang perlu dicari oleh pihak kerajaan iaitu sekiranya kita hapuskan sama sekali atau tidak membenarkan sama sekali laporan kredit swasta ini, ini juga boleh menimbulkan masalah kepada peminjam-peminjam kerana apabila bank atau institusi kewangan tidak mempunyai maklumat untuk menilai seseorang itu, maka ianya akan mengambil masa yang lama bahkan dalam keadaan di mana institusi kewangan tidak pasti sama ada ianya mempunyai rekod yang baik atau tidak, maka institusi kewangan kana mengambil jalan yang selamat iaitu menolak permohonan pinjaman ini.

[*Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi kita merasakan bahawa ini tidak semestinya merupakan keadaan yang terbiak untuk negara kita. Kita perlu menyediakan peluang supaya mereka-mereka ini mendapat pinjaman dan untuk memudahkan pinjaman inilah maka sistem untuk memberi maklumat tambahan mengenai maklumat kredit seseorang itu boleh disediakan oleh pihak-pihak swasta dengan syarat ianya dikawal selia dengan baik. Inilah yang dibuat oleh kerajaan dengan penubuhan undang-undang pembentangan dan kelulusan undang-undang APK 2010 ini.

Pelaporan maklumat kredit swasta ini sebenarnya banyak dilakukan di negara luar di Amerika Syarikat umpamanya cukup banyak. Jadi kita perlu melihat bahawa ia boleh memudahkan kelulusan pinjaman dan bukannya menimbulkan masalah. Bagi pihak yang mempunyai masalah kewangan memang dia menyusahkannya. Akan tetapi bagi pihak yang tidak ada masalah kewangan, maka ini boleh membantu dia untuk mendapat pinjaman dengan lebih cepat kerana apabila didapati bahawa rekodnya daripada pelaporan sistem kredit swasta ini baik ditambah pula dengan CCRIS yang baik, maka kedua-dua ini memberi keyakinan kepada pihak bank bahawa ianya mempunyai kedudukan kewangan yang baik. Dan seterusnya dapat menerima pinjaman dengan kadar yang segera. Jadi kita perlu keseimbangan kedua keperluan ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham bahawa peminjam-peminjam seharusnya dapat maklumat ini. Akan tetapi pada masa yang sama integriti seseorang individu adalah mustahak. Jika CTOS umpamanya tidak menyimpan rekodnya dengan baik, seperti Yang Berhormat katakan tadi walaupun seseorang itu telah selesai pinjamannya dan masih terdapat dalam rekod CTOS, ini akan menjejaskan integriti seseorang. Adakah pihak Bank Negara telah mengambil tindakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang sedia ada?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Undang-undang yang sedia ada ini ialah di bawah Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit Kementerian Kewangan. Ia tidak ada kena mengena dengan Bank Negara pertamanya. Keduanya, sekiranya syarikat atau agensi pelaporan kredit ini seperti CTOS yang diambil sebagai contoh tidak mengemaskinikan maklumat seseorang.

Dahulunya boleh berlaku dan tindakan undang-undang tidak boleh dikenakan kepada CTOS kerana tidak ada akta yang mengawal selia kegiatan mereka atas alasan kerja syarikat ini mengumpul maklumat-maklumat awam. Namun sejak adanya undang-undang baru ini 2010, maka sekiranya syarikat-syarikat ini tidak mengemas kini rekod dan memberi satu kesan negatif kepada seseorang individu, maka syarikat ini boleh dikenakan tindakan undang-undang dan boleh dikenakan denda yang berat.

Jadi saya yakin bahawa dengan adanya sistem perundangan baru ini iaitu sistem kawal selia baru ini maka syarikat-syarikat yang membuat laporan kredit ini akan berhati-hati kerana tindakan undang-undang boleh diambil kepada mereka dan ini sesuatu yang baru setelah undang-undang ini diluluskan. Ia baru sahaja. Kalau dahulu memang saya akui memang banyak masalah.

Oleh sebab itulah kerajaan memperkenalkan undang-undang baru ini. Undang-undang baru ini pun belum terlaksanakan dengan sempurna lagi sedang dalam proses. Ia dijangka awal tahun 2012 sebab banyak benda yang perlu dibuat dalam persiapan. Syarikat ini atau pun Pejabat Pendaftar pun baru ditubuh dan baru ada pegawai yang tidak ramai sedang dalam proses *recruit* dan sebagainya. Saya yakin diberikan masa sedikit, masalah ini akan banyak dapat diselesaikan. Terima kasih.

11. Dr Malasingam a/l Muthukumaru minta Menteri Kerja Raya menyatakan, mengapakah satu caj perkhidmatan dikenakan kepada pengguna *Touch 'n Go* apabila membuat tambah nilai. Sedarkah kerajaan bahawa *prepaid* atau pra bayar di mana sejumlah wang yang telah dilabur dan hanya akan digunakan secara berperingkat, tidakkah pelaburan ini dapat menampung kos atau caj yang dikenakan dan apakah kerajaan akan menghapuskan caj yang dikenakan ini yang sering membebankan pengguna.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat caj tambah nilai kad *Touch 'n Go* sebanyak 50 sen itu bukanlah caj yang dikenakan oleh syarikat konsesi lebuhraya atau Syarikat *Touch 'n Go* Sdn. Bhd. Sebaliknya ia dikutip oleh pihak ketiga *the third party* atau agen yang dilantik oleh *Touch 'n Go* Sdn. Bhd. iaitu sebagai salah satu bentuk kemudahan kepada para pelanggan membuat transaksi tambah nilai. Caj ini bertujuan bagi menampung kos modal, operasi, dan penyelenggaraan perkhidmatan tersebut.

Walau bagaimanapun pengguna masih boleh menambah nilai kad *Touch 'n Go* secara percuma di mesin-mesin ATM CIMB, hab *Touch 'n Go*, lorong-lorong tambah nilai, dan pusat khidmat jualan di plaza tol, di stesen transit aliran ringan atau kaunter khidmat pelanggan di stesen Petronas terpilih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, *Touch 'n Go* Sdn. Bhd. pada masa kini sedang dalam proses untuk menambah jumlah terminal tambah nilai *Touch 'n Go* tanpa dikenakan servis caj secara berperingkat-peringkat.

■1140

Sebagai contoh, pada tahun ini sahaja ia sehingga 30 November 2011 terdapat sebanyak 1,455 buah terminal baru telah dibuka untuk tujuan tersebut iaitu tambahan kepada 1,345 buah terminal tanpa caj yang telah sedia beroperasi sebelum tahun 2011.

Di samping perkhidmatan tambah nilai secara tunai, *Touch 'n Go* Sdn. Bhd. juga menyediakan perkhidmatan tambah nilai dengan menggunakan kad kredit. Perkhidmatan ini boleh diperoleh di kaunter-kaunter dan hab *Touch 'n Go*, kaunter-kaunter plaza tol terpilih atau tambah nilai secara automatik menerusi kemudahan auto *reload* kad kredit *Zing Touch 'n Go*, dengan izin.

Sebarang kos dan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak bank setiap kali pengguna membuat transaksi tambah nilai menggunakan kad kredit akan ditanggung oleh *Touch 'n Go* Sdn. Bhd. kecuali bagi kemudahan auto *reload*, yang mana pengguna akan dikenakan caj tambahan antara RM1 hingga RM3 - tertakluk pada kadar perjanjian antara pihak bank terbabit dengan *Touch 'n Go* Sdn. Bhd. Caj ini bertujuan untuk menampung kos operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak bank dan *Touch 'n Go* Sdn. Bhd. Sehingga 30 November 2011, terdapat tujuh buah bank telah mengambil bahagian dalam menyediakan kemudahan auto *reload* kad kredit *Zing Touch 'n Go*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amaun wang yang telah dibayar oleh pengguna untuk kad prabayar *Touch 'n Go* tidak boleh digunakan oleh Syarikat *Touch 'n Go* kerana wang tersebut akan dimasukkan di dalam akaun amanah khas yang dipantau oleh Bank Negara Malaysia. Amaun wang tersebut akan hanya diterima oleh *Touch 'n Go* Sdn. Bhd. setelah pengguna selesai membuat transaksi menggunakan kad *Touch 'n Go* tersebut.

Sehubungan itu, kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mencari jalan dan berunding dengan pihak *Touch'nGo* Sdn. Bhd. untuk menggalakkan inisiatif baru kepada pelanggan termasuk cadangan menghapuskan caj-caj perkhidmatan seperti 50 sen tambah nilai pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri yang memberikan satu jawapan yang jelas. Akan tetapi pada sesi bajet tahun lepas, saya pernah bertanya kepada Menteri mengapa kemudahan tambah nilai melalui kad kredit ini tidak didapati di semua lokasi tambah nilai? Kerajaan menjawab, "*Sedang dalam proses meluaskan kemudahan ini*". Soalan saya, mengapa stesen-stesen minyak tidak dapat membuat tambah nilai melalui kad kredit walaupun mereka mempunyai kemudahan tersebut? Apakah Syarikat *Touch 'n Go* tidak mempunyai kemudahan ini dan sentiasa mengutamakan bayaran tunai daripada penggunaan kad kredit? Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya tadi saya telah menjawab kita telah menambahkan tempat untuk menambah nilai. Tahun ini kita telah pun menambah 1,455. Masih belum semua stesen minyak dapat membuat kerja sedemikian tetapi kita telah pun menambah dari semasa ke semasa, seperti tahun ini sampai Disember, kita akan tambah enam lagi dalam *Touch Touch'nGo spot*.

Enam lagi *Touch 'n Go spot* seperti stesen minyak Intan Shah Alam, Maltha Enterprise Rawang, Alaf MRR Two Station, One Maju Enterprise di NPE, Inamira Resources (ELITE) dan Alserkam Enterprise (PLUS). Ini semua kita usahakan supaya kita tahu tahun yang dahulu, kita ada *Touch 'n Go spot* dalam 16. Kita tambah enam lagi.

Sebenarnya kita hendak beritahu juga *Touch 'n Go*, 50 sen bagi kad ini bukan caj deposit. Ini untuk kita memberikan perkhidmatan operasi bagi pihak ejen-ejen yang menjalankan nilai tambah ini. Akan tetapi kita akan usahakan untuk menambahkan tempat-tempat untuk para pengguna lebuhraya kerana kad ini pun digunakan di *parking*, di lain-lain tempat. Maka, untuk para pengguna di lebuhraya kita akan tambahkan tempat yang mana mereka boleh menambah nilai tanpa caj. Sekian, terima kasih.

12. Tuan Saiful Izham bin Ramli minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, tentang Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar seperti yang pernah diumumkan suatu masa dahulu serta adakah pihak kementerian mempunyai sebarang perancangan untuk berkongsi pelan induk tersebut kepada rakyat dengan turut sama terlibat dalam proses pemantauan pelaksanaan pelan induk tersebut agar ia tidak lagi menjadi satu pernyataan niat (*declaration of intention*) hanya semata-mata untuk meredakan kegelisahan rakyat seperti mana tahun-tahun terdahulu.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) adalah merupakan satu dasar utama pembangunan luar bandar bagi menyokong dasar dan program nasional. Pelan ini dirangka secara holistik, sesuai dengan keadaan dan keperluan semasa yang semakin mencabar dan bertunjangkan kepada falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar. Justeru, ia menggariskan strategi-strategi pembangunan yang komprehensif untuk kawasan luar bandar sehingga tahun 2020. Pelan ini juga akan menjadi panduan umum kepada semua pihak yang terlibat di dalam sektor luar bandar termasuk agensi-agensi kerajaan, swasta, NGO dan sebagainya.

Sememangnya menjadi matlamat kerajaan untuk berkongsi pelan induk tersebut kepada rakyat dengan turut terlibat dalam proses pemantauan pelaksanaan. Tidak akanlah kita lancarkan secara rasmi kalau tidak akan dikongsi dengan semua rakyat di seluruh negara. Kita lancarkan ini pada tahun lepas iaitu pada 12 Oktober, dilancarkan di Stadium Bukit Jalil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Justeru itu, usaha telah dibuat untuk mempertingkatkan sinergi dan kerjasama melalui jawatankuasa penyelarasan di peringkat kementerian, kerajaan negeri dan tempatan.

Sehubungan itu, Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB) iaitu sebuah badan bebas yang berkonsepkan *empowerment of people* yang bertindak sebagai penasihat kepada kerajaan telah ditubuhkan. MPLB ini akan memantau supaya dapat membantu mempercepatkan pelaksanaan dasar-dasar yang digariskan di bawah pelan induk ini dengan:

- (i) mencadangkan input pada pembentukan dasar-dasar kerajaan iaitu menggunakan kadar *bottom-up approach*;
- (ii) mencadangkan dan menilai projek-projek yang berimpak tinggi;
- (iii) menjadi pemudah cara dalam menyelaras isu-isu pembangunan;
- (iv) membantu memantapkan secara meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan; dan
- (v) menilai pelaksanaan projek-projek pembangunan luar bandar.

Pelan induk ini bukan sahaja penting kepada penggubal dasar tetapi juga kepada pihak yang terlibat iaitu masyarakat luar bandar sendiri. Justeru, pendekatan *outcome* akan digunakan bagi perancangan, pengagihan sumber, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian kemajuan. Pendekatan secara bersepadu ini akan digunakan bagi memastikan *value for money* dalam penggunaan sumber kerajaan secara optimum. Sekian, terima kasih.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih atas jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

■1150

Tuan Yang di-Pertua, selepas setahun ianya dilancarkan di kawasan bandar Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar dilancarkan di kawasan bandar pada 12 Oktober 2010. Apakah tindakan yang sudah dijalankan, bukan dirancang dan bilakah ianya hendak diatur untuk kita kongsi bersama di kawasan-kawasan luar bandar selepas setahun ianya dilancarkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, bilakah sebenarnya pihak kerajaan dengan menggunakan pelan induk pembangunan luar bandar ini benar-benar serius untuk melaksanakan pelan induk tersebut memandangkan implikasinya yang besar kepada rakyat luar bandar dan adakah kerajaan bercadang untuk memastikan pelaksanaannya itu terus sampai melalui agensi-agensi yang sedia ada ataupun demi untuk melaksanakan pelan induk ini kerajaan bercadang untuk mewujudkan agensi baru pelaksanaan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, langkah yang telah diambil untuk melaksanakan pelan ini termasuk menubuhkan seperti yang saya katakan tadi Majlis Pembangunan Luar Bandar dan majlis ini di beberapa kawasan Parlimen telah dilantik oleh Menteri pengerusinya dan setakat ini 13 kawasan Parlimen telah mengadakan mesyuarat dan dalam mesyuarat tersebut mereka merancang apakah cadangan-cadangan yang akan dimajukan kepada kementerian. Kita menggunakan kaedah *bottom-up* ini ia memang memerlukan masa sedikit. Kalau kita buat perancangan daripada atasan ke bawah kemungkinan nanti pihak di bawah tidak berapa suka menerima apa yang dirancang oleh pihak atasan.

Satu daripada langkah besar yang kita ambil untuk melaksanakan pelan induk ini ialah tidak lama lagi akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri satu pusat yang dikatakan *economic transformation centre* dan kiosnya akan ditubuhkan di beberapa tempat. Kalau tidak silap saya ada tiga atau lima tempat yang sudah dikenal pasti. Jadi apa yang kita buat sekarang sudah lebih daripada peringkat perancangan. Memang sudah ada sampai ke peringkat pelaksanaan tapi bukan dapat dibuat di seluruh negara secara serentak.

Agensi yang akan digunakan setakat ini kita merancang untuk menggunakan agensi yang sudah wujud iaitu agensi di bawah kementerian ini sendiri. Sekiranya perlu nanti kemungkinan kita akan menggunakan agensi baru ataupun menggunakan agensi yang di luar kementerian ini dan agensi yang dimaksudkan ialah seperti mara, RISDA, FELCRA, Lembaga Kemajuan Wilayah dan yang mana kita pilih adalah mengikut kesesuaian. Sekian, terima kasih.

13. Datuk Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengekang dan mengawal kenaikan harga barangan dan keperluan harian yang ternyata semakin naik sekarang ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin dengan kenaikan harga barangan dan keperluan harian. Sehubungan itu, beberapa langkah untuk mengekang dan mengawal kenaikan harga barangan telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan seperti berikut:

- (i) menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 mulai 1 April tahun 2011 bertujuan menangani kenaikan harga yang tidak munasabah dan mencegah amalan pencatutan di kalangan peniaga yang tidak beretika untuk melindungi kepentingan pengguna. Pemeriksaan yang konsisten dijalankan ke atas premis-premis perniagaan bagi memastikan peniaga tidak melakukan perbuatan mengambil keuntungan tinggi yang tidak munasabah atau aktiviti yang boleh menjejaskan kedudukan harga barangan.

Akta ini mengadakan peruntukan yang membolehkan kerajaan mengambil tindakan terhadap peniaga yang melakukan pencatutan dan kementerian sedang mempertingkatkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan supaya lebih berkesan bagi menangani kenaikan harga;

- (ii) melaksanakan skim kawalan harga musim perayaan pada musim-musim perayaan utama iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Gawai, Pesta Keamatan dan Krismas bagi tujuan mengawal harga barang perlu dan menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah apabila permintaan tinggi semasa musim perayaan. Skim ini merupakan satu kaedah untuk memastikan pengguna memperolehi barang keperluan pada harga yang berpatutan sepanjang masa;
- (iii) mengawal harga barang kawalan dan mengekalkan subsidi bagi gula, tepung gandum, minyak masak dan juga bahan api yang merupakan barangan keperluan asas dan membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup;
- (iv) mewujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) bagi memastikan pengguna sentiasa boleh memperoleh barang keperluan dengan harga rendah dan berkualiti. Inisiatif oleh kerajaan ini merupakan alternatif kepada rakyat yang berpendapatan rendah untuk dapat membeli barangan berdasarkan kemampuan dan keperluan mereka. Program ini diharap akan dapat mengawal kenaikan harga barangan runcit;
- (v) memperkenalkan Program Menu Rakyat 1Malaysia dalam membantu rakyat mendapatkan makanan dengan harga yang berpatutan dengan kerjasama kementerian dan pengusaha premis makanan. Program ini menawarkan pakej makanan dengan harga berpatutan bagi sarapan pagi dan makan tengah hari;
- (vi) meneruskan program penyeragaman harga untuk menyeragamkan harga barangan keperluan di antara kawasan luar bandar dan di luar bandar di seluruh negara terutamanya Sabah dan Sarawak. Program ini terdiri daripada projek pengedaran barang perlu dan penyeragaman harga LPG serta petrol dan diesel di bawah *community drumming* bagi memastikan barangan keperluan asas iaitu gula, tepung gandum, minyak masak, beras dan bahan api sampai kepada kumpulan sasaran dengan harga yang ditetapkan dan dikawal oleh kerajaan;
- (vii) menjalankan kempen kuasa pengguna yang mendidik pengguna mempraktikkan kuasa mereka dalam membuat pilihan barangan yang ditawarkan pada harga yang berpatutan dan memberi nilai untuk wang atau *value for money*;
- (viii) mengadakan sesi dialog dan perbincangan secara berkala dengan industri makanan dan minuman bagi menerangkan tentang isu kenaikan harga dan meminta komitmen supaya tidak menaikkan harga produk secara keterlaluan sekiranya kos barang bahan mentah dan kos operasi meningkat;
- (ix) kementerian menganjurkan kempen penurunan harga dengan kerjasama *hypermarket* dan *supermarket* yang bertujuan memastikan harga barangan keperluan di pasaran diturunkan dan barangan tersebut dijual pada harga yang berpatutan;
- (x) pengiktirafan Anugerah Kedai Harga Patut kepada premis perniagaan yang menjual barangan keperluan pengguna pada harga berpatutan dan berdaya saing bertepatan dengan kualiti barang serta perkhidmatan yang ditawarkan; dan

- (xi) menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan menyertai Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia sebagai alternatif kepada pengguna untuk mendapatkan produk jenama tempatan pada harga yang lebih murah dan berkualiti.

Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Gaji naik, manakala harga barang pun naik. Jadi kenaikan gaji ditelan, dimakan oleh kenaikan harga barangan. Jadi adakah kerajaan bercadang mengambil langkah-langkah yang lebih menyeluruh, cekap, logik, drastik untuk jangka panjang bukan jangka pendek. Selain daripada langkah-langkah segera, *ad hoc*, yang sedang diambil yang disebutkan tadi. Kalau ada, sila nyatakan. Terima kasih.

■1200

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, fenomena barang naik ini ialah fenomena global, bukan sahaja kita di Malaysia tetapi sebenarnya di mana-mana. Lebih-lebih lagi bila gaji naik, jadi peniaga-peniaga pun mengambil kesempatan sebenarnya. Akan tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat, saya cukup tertarik dengan soalan Yang Berhormat itu dan di antara langkah-langkah yang saya sebutkan tadi ada satu Yang Berhormat, langkah yang mempunyai impak yang jauh dan saya rasa Yang Berhormat katakan tadi, jangka masa panjang, logik dan sebagainya.

Yang Berhormat, iaitu pendidikan pengguna. Kita di Malaysia ini, kita masih tertekan oleh peniaga tetapi sebenarnya kita sebagai pengguna ini ada kuasa, ada hak tetapi kita tidak menggunakan hak dan kuasa. Yang Berhormat, kita ini ramai sudah pergi ke luar negara. Sebenarnya tidak perlu langsung ada pemantau harga, pasukan pemantauan dan sebagainya sebab semuanya adalah ditentukan sendiri secara *natural* oleh pengguna kepada peniaga. Kalau sesuatu barangan itu mahal, mereka kata dia tidak perlu membeli barang itu atau pada masa barang itu mahal, dia menukar kepada sesuatu barang yang lebih murah. Itu adalah yang kita kehendakkan di dalam negara kita.

Jadi sebab itu Yang Berhormat, di dalam program pendidikan pengguna, kita sekarang ini telah menjalankan beberapa program pendidikan pengguna. Kita juga bermula dari sekolah rendah. Pada mulanya kita tidak bermula dari sekolah rendah tetapi sekarang ini kita dapati bahawa kita seharusnya bermula dari sekolah rendah supaya mereka daripada sekolah rendah sudah ada satu nilai-nilai, mereka mengetahui akan hak mereka. Selepas itu kita ada program di sekolah menengah, di IPT, persatuan-persatuan pengguna dan sebagainya juga membantu. Jadi, apa juga dasar kerajaan tetapi bagi saya, bagi kementerian ini, yang sangat penting adalah hak pengguna yang harus kita pupuk dari awal supaya pengguna semua mengetahui hak mereka dan menjadilah pengguna yang bijak.

Insyah-Allah, saya rasa dengan cara ini, peniaga akan berhati-hati sebab pengguna boleh boikot, mereka adalah pembeli. Seperti kita pergi ke restoran, dari segi kebersihan. Kita pengguna yang menentukan restoran itu seharusnya bersih. Ini kadang-kadang barang makanan, kita terjumpa sesuatu dalam mee kita, rambut atau apa-apa, kita tidak *complaint*, kita *carry on* sahaja makan, dengan izin. Akan tetapi kalau kita pergi ke luar negara, kalau kita dapati, dia akan cepat-cepat, *restaurateur*, dia akan datang kepada kita, dia cepat-cepat minta maaf, dia akan tukar sebab dia takut kepada pengguna.

Jadi ini Yang Berhormat, saya rasa adalah jangka masa panjang yang menjadi amalan kita semua dan inilah baru menunjukkan bahawa Malaysia menuju ke negara maju pada tahun 2020. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2012

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [13 Disember 2011]

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad menyambung berucap, sepuluh minit Yang Berhormat ya kerana hari ini nampaknya yang tersenarai di sini ada 18 orang untuk turut berbahas.

12.04 tgh.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menyambung ucapan dasar Bajet 2012 pada hari ini. Kelmarin setakat kempen kibar bendera Jabatan Perpaduan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1990 Jabatan Perpaduan Negara telah diamanahkan oleh kerajaan untuk menerajui kempen kibar bendera pada tahun itu. Semasa itu menterinya ialah Datuk Zaleha Ismail yang mana kempen kibar bendera sempena kemerdekaan itu amat berjaya kerana berjaya Jabatan Perpaduan mempunyai sayap-sayap. Sayap-sayapnya ialah tadika, kawasan rukun tetangga dan pelbagai lagi. Selain daripada itu, untuk menambah menyemarakkan kempen kibar bendera bulan kemerdekaan ini, kementerian semasa itu mencadangkan semua kawasan rukun tetangga dan tadika-tadika dan juga orang kampung mengadakan pertandingan kempen kibar bendera bulan kemerdekaan.

Jadi, cukup meriah. Baru-baru ini pun meriah juga tetapi agak berkurangan sambutan daripada orang ramai dan sebagainya. Dulu ada pertandingan di peringkat pejabat, sekolah, kampung dan perumahan. Kali ini pun ada tetapi agak kurang sedikit. Jadi, kita berharap lain kali kalau ada ruang dan peluang, berilah kepercayaan kepada Jabatan Perpaduan Negara untuk menguruskan kempen-kempen seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cakap mewakili kawasan rukun tetangga seluruh Malaysia. Jadi, minta Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional mempertimbangkan geran-geran kepada kawasan rukun tetangga dan juga SRS. SRS ini adalah Skim Rondaan Sukarela. Jadi, berharap agar Jabatan Perpaduan Negara mempertimbangkan geran-geran ini supaya aktiviti dibuat dengan lancar dan berkesan. Sekiranya ada KRT atau kawasan rukun tetangga adakan Skim Rondaan Sukarela tidak aktif, kita jangan bagi atau kalau hendak bagi, bagi juga tetapi kurang, bagi kepada yang aktif, lebih pun tidak apa sebab ia menggerakkan perpaduan di peringkat kawasan dan juga bahagian-bahagian.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bertindak memupuk, memelihara semangat muhibah, memastikan hubungan masyarakat sentiasa positif dan memastikan masalah perkauman sentiasa terkawal setiap masa. Saya berpandangan jabatan ini amat penting dan memikul tanggungjawab dan peranan yang besar ke arah merealisasikan perpaduan kaum dan menangani isu-isu sensitiviti yang timbul dalam usaha mencapai matlamat 1Malaysia. Saya ingin mencadangkan supaya jabatan ini dapat dikembalikan sebagai sebuah kementerian penuh yang diterajui oleh menteri penuh dan fungsinya diperkasakan seperti tahun 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin baca asas-asas pertimbangan untuk JPIN, Jabatan Perbadanan Islam Nasional menjadi kementerian.

Pada 1 Julai 1969, penubuhan Jabatan Perpaduan Negara.

Tahun 1972 – Kementerian Perpaduan Negara, ada kementerian sendiri.

Tahun 1974, ia dinamakan Lembaga Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tahun 1980 – Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara, ia di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tahun 1983 – Jabatan Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri juga.

Tahun 1990 – Jabatan Perpaduan Negara di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tahun 2004 – Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, ia di bawah JPM.

Tahun 2008 – Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Tahun 2009 – Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah JPM.

Saya harap di lain masa, jabatan ini dinamakan kementerian supaya senang seorang menteri yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tanggungjawab ini. Ia ada lima fungsi yang utama, iaitu:

- (i) menggalakkan perpaduan masyarakat dan integrasi nasional;
- (ii) mencegah konflik di antara sesama kaum, masyarakat dan dalam negeri;
- (iii) merapatkan nilai-nilai kewarganegaraan ke arah pembentukan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu;
- (iv) mengesan dan menilai perhubungan antara kaum dalam syarikat; dan
- (v) merealisasikan program DBT perpaduan dengan agensi kerajaan, swasta dan lain-lain.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, jabatan ini diberi kepercayaan oleh pucuk pimpinan negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik sebagai *lead* agensi untuk pelaksanaan 1Malaysia. Ketua Pengarah JPNIN sebagai pengerusi majlis antara agama di Malaysia melaksanakan pelan lima tahun JPNIN dan melaksanakan pelan lima tahun TRT. Halangan-halangan yang dihadapi oleh JPNIN ini ialah yang pertama gred pegawai JPNIN amat rendah. Ketua pengarah hanya JUSA 'C'. Jadi kita minta kalau boleh kerajaan tolong mempertimbangkan. Itulah yang kita perjuangkan supaya jabatan ini dikira kementerian supaya ketua pengarahnya mendapat JUSA 'A'. Sekarang JUSA 'C'. JUSA 'C' kadang-kadang orang pandang pun rendah sahaja berbanding dengan ketua pengarah agensi lain JUSA 'A'. Kekurangan kakitangan di semua peringkat.

Ketiga, banyak kakitangan kontrak - Penolong Pegawai Perpaduan, guru tadika dan guru penolong serta kakitangan, mereka ini bertaraf kontrak sudah lebih 20 tahun, Tuan Yang di-Pertua. Selama 20 tahun bekerja tetapi masih kontrak. Hendak buat pinjaman, hendak buat apa semua tidak boleh. Hendak masuk hospital pun perlu bayar bil. Jadi maknanya perlulah pertimbangan oleh pihak kementerian supaya mengambil langkah-langkah supaya *start* daripada Ketua Pengarah ini naik sikit, pegawai-pegawai dan yang bertaraf kontrak itu ditetapkan. Maklumlah kerja sudah 20 tahun pun ada, yang 15 tahun, 12 tahun. Ramai yang masih kontrak.

Masalah pejabat yang kurang selesa, masalah pusat KRT yang amat kurang. Ada di antara jabatan yang panjang rendah kepada JPNIN ini sebab pengarah-pengarah di negeri hanya gred berapa sahaja. Jadi kadang-kadang dalam mesyuarat dan dalam apa-apa pun, dia buat – kalau pengarah pergi mesyuarat pun dia rendah dirilah. Tidak setaraf dengan orang lain. Jadi kita mintalah supaya kementerian memandang hal-hal ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Dua minit lagi, Yang Berhormat. Dua minit lagi ya.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Sempat. Saya cepatkan sedikit. Dia ada sayap-sayapnya; dia ada kekuatannya. TABIKA dia ada di seluruh negara sebanyak 1,683 kelas, kawasan rukun tetangga dia ada 5,539. Di bawah rukun tetangga dia ada jiran wanita, jiran muda, jiran usia emas seterusnya jiran SRS seperti mana yang saya kata. SRS sudah mempunyai 2,851. Ini adalah kekuatan JPNIN. JPNIN sepatutnya diberi kepercayaan oleh kerajaan untuk menerajui perpaduan kaum dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ada lagi bab belia. Namun tidak sempat. Kalau tidak sempat tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua: Satu minit lagi.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Kalau tidak sempat Tuan Yang di-Pertua, saya akur dalam Dewan ini supaya tidak buang masa. Dengan ini saya menyokong Bajet 2012. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang silakan Yang Berhormat Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi. Selepas itu minta bersedia Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah.

12.13 tgh.

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Belanjawan Negara 2012.

Saya kira bajet ini seimbang, wajar dan strategik sebagai landasan untuk mencapai cita-cita negara untuk menjadi sebuah negara yang maju, moden dan berpendapatan tinggi. Saya hanya ingin menumpukan perbahasan saya pada pagi hari ini kepada satu perkara sahaja. Perkara ini saya kira satu isu yang amat penting sekali yang memerlukan perhatian yang segera. Isu ini ialah masalah *the bottom 40 percent*, dengan izin, di negara kita iaitu 40 peratus isi rumah terbawah yang mempunyai pendapatan bulanan purata kurang dari RM1,500.

Sebenarnya kalau masalah ini tidak ditangani, kita tidak akan mencapai cita-cita kita menjadi sebuah negara moden. Malah masalah *bottom 40 percent* ini, dengan izin, *put the whole economic transformation program and new economic model at risk*. Masalah ini memang jelas telah dikenal pasti oleh kerajaan— *there is clear recognition of this problem*, dengan izin. Ia jelas dalam laporan NEAC dan semua banyak kenyataan transformasi kerajaan. Akan tetapi yang kurang jelas ialah dari segi penumpuan keutamaan dan *sense of urgency* dengan izin yang diberikan kepada masalah *bottom 40 percent* ini.

Saya ingin melihat satu pendekatan yang khusus dan fokus untuk memastikan masalah ini dapat diatasi. Kita memerlukan satu *pro bottom 40 percent growth strategy* yang jelas dan berkesan. Masalah *bottom 40 percent* ini berlaku kerana hasil dan nikmat pembangunan negara kita selama ini kerana faktor-faktor ekonomi tertentu tidak sampai kepada golongan *bottom 40 percent* ini secara sama rata. Yang membimbangkan sekali adalah kemungkinan besar dalam keadaan negara kita terus pesat membangun, *the bottom 40 percent* ini akan ketinggalan lebih jauh lagi. Ketidakeimbangan ini atau *economic disparity* ini akan menjadi lebih besar.

Satu lagi perkara yang telah menyebabkan fenomena *bottom 40 percent* ini ialah di mana proses dan nilai pembangunan telah berpindah kepada *knowledge* intensif. Dengan tiada kuasa *knowledge* dan lebih bergantung kepada keupayaan manual mereka, sudah tentu *bottom 40 percent* ini terus ketinggalan. Jelas sekali dalam menangani masalah ini, isu meningkatkan produktiviti golongan *bottom 40 percent* ini mesti dijadikan tumpuan utama.

Masalah *disparity* dan ketinggalan jauh *bottom 40 percent* ini memerlukan satu dasar *intervention* yang berkesan. Kita harus semak semula keberkesanan dasar *growth* dan *distribution* yang lama. Kita perlukan satu strategi *intervention* yang baru dan *intervention* ini mestilah tidak hanya berasaskan bantuan atau *welfare*. Kita mesti wujudkan *intervention* yang berasaskan kepada *growth* dan *development*. Kita mesti mencari jalan bagaimana *growth intervention* ini boleh diintegrasikan dengan *main stream growth process* kerana isu ini *urgent* dan serius dan melibatkan sebilangan besar rakyat kita, saya cadangkan kerajaan tubuhkan satu unit khas kerajaan ala PEMANDU khusus untuk menangani masalah *bottom 40 percent* ini.

Unit khas ini mesti membuat kajian mendalam mengapa *bottom 40 percent* ini ketinggalan dan menggubal satu pendekatan baru yang boleh membawa *bottom 40 percent* ini ke arus *main stream development process*. Seperti saya nyatakan tadi, unit ini juga harus memberi tumpuan khas, menjalankan aktiviti-aktiviti dan program-program yang khusus dan *targeted* untuk meningkatkan kemahiran, kebolehan dan produktiviti kumpulan *bottom 40 percent* ini.

Kita tahu yang penglibatan swasta amat penting untuk mempercepatkan lagi proses transformasi. Kerajaan harus mengkaji bagaimana mewujudkan iklim *social entrepreneurship*, dengan izin yang *sustainable* untuk melibatkan pihak swasta dalam menyokong usaha kerajaan membantu *bottom 40 percent* ini. Pihak swasta boleh digalakkan mencari *solution* kepada masalah yang dihadapi di kawasan-kawasan luar bandar seperti bekalan air, elektrik, jalan raya dan masalah *environment*, pertanian, pelajaran, kesihatan dan pengangkutan dengan menggunakan inovasi dan teknologi-teknologi baru yang *sustainable* dan komersial.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan kegigihan kerajaan dan kepimpinan yang ada sekarang, negara kita akan mencapai kejayaan yang kita cita-citakan dalam usaha GTP, ETP dan NKRA kita. Kejayaan ini hanya manis dan dapat kita benar-benar banggakan kalau kesemua lapisan masyarakat kita khususnya yang *bottom 40 percent* tadi juga sama-sama menikmati hasil dan kemewahan pembangunan kita dan jurang *disparity economy* di kalangan rakyat Malaysia dapat dikurangkan dan kalau boleh dihapuskan seperti kejayaan kita membasmi kemiskinan.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah persidangan saya yang terakhir setelah memenuhi jawatan saya selama dua penggal. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih tak terhingga kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua atas bimbingan dan kepimpinan yang cemerlang di Dewan yang mulia ini.

Dan tak lupa juga kepada semua rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Dewan ini atas budi baik persahabatan saudara-saudari sekalian. Saya berdoa perjuangan kita seterusnya untuk memakmurkan, membangunkan, menyatupadukan rakyat di negara yang kita cinta ini diberkati Allah dan diberi kejayaan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat sama dengan sayalah. Saya pun akhirlah 20 hari bulan ini *last* duduk di sini. Nanti kita jumpa, ada majlis perpisahan. Saya berharap Yang Berhormat dapat hadir ya majlis perpisahan 20 hari bulan itu, jam 1 tengah hari. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb.

12.21 tgh.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut berbahas Bajet 2012. Jadi terlebih dahulu saya merakamkan kesedihanlah yang akan kehilangan dua kawan, Senator Dato' Seri Effendi dan Timbalan Yang di-Pertua sendiri.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada sepuluh perkara yang nak saya sebut, 11 kalau sempat. Saya akan sebut tentang krisis ekonomi global – Malaysia bagaimana? Pelancongan – harapan dan strategi baru. Yang ketiga berhubung dengan kolaborasi MAS dan AirAsia – siapa yang untung? Yang keempat, AirAsia dan MAHB – kenapa beralah? Yang kelima, SME ataupun IKS berhubung dengan peluang kedua. Yang keenam, SKMM yang tak bertaring. Yang ketujuh, berhubung dengan sukan – telatah persatuan yang masih lagi berpanjangan. Yang kelapan berhubung dengan DAWAMA – penswastaaan atau satu penyeksaan? Kesembilan berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara 2010. Yang kesepuluh berhubung dengan KSN atau KSU daripada kalangan swasta – kenapa risau dan yang kesebelas berhubung dengan termimpi gaji baru.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita mesti akui berhubung dengan krisis ekonomi yang meruncing berlaku di kebanyakan kawasan di dunia ini terutamanya di Amerika dan Eropah.

Kalau kita lihat di Eropah, satu demi satu negara menghadapi masalah beban hutang yang terlampau tinggi yang akhirnya terpaksa di *bail out* oleh IMF dan juga negara-negara di dalam *Euro Zone* sendiri. Kita telah lihat bagaimana Ireland yang telah diselamatkan sebanyak 85 bilion *Euro* diikuti dengan Greece sebanyak 110 bilion *Euro* dan yang terkini, Portugal sebanyak 78 bilion *Euro*. Jadi angka-angka ini nampaknya semakin mengembang, semakin membesar dan banyak lagi sebenarnya negara-negara di Eropah yang akan terjejas sama.

Kalau kita lihat juga baru-baru ini dalam satu sidang *summit* ataupun puncak yang berlaku, kita lihat Spain sendiri, Sepanyol malahan Jerman sendiri dalam ke arah keadaan yang sama dan petanda-petanda awal yang kita lihat ialah banyak bank-bank perdagangan di sana yang terpaksa memerlukan suntikan modal-modal yang baru bagi menjamin mereka ini boleh bertahan.

Soalannya Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan *worst case scenario* ertinya yang bertambah teruk, jika ia terus berlaku di negara-negara Eropah ataupun Amerika Syarikat sendiri, apakah ini akan turut menjejaskan kita di Malaysia? Kita memang dapat maklum balas daripada beberapa pusat penyelidikan malah daripada ISIS sendiri berpendapat bahawa kita boleh dikatakan *insulated*, dengan izin, daripada keadaan-keadaan yang boleh menjejaskan ekonomi negara kita tetapi sebenarnya kita seharusnya risau juga kerana kalau kita tidak dapat mengawal dan membendung, ianya sudah tentu boleh menjalar dan menular ke negara kita. Apatah lagi kerana kita terdedah dengan perdagangan dengan negara-negara Eropah ini yang saya sebutkan tadi dan ia sedikit sebanyak sudah tentu boleh menjejaskan.

ISIS atau Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia berpendapat sekiranya kita boleh melancarkan dasar-dasar di dalam ETP secara mengikut jadual, ia sedikit sebanyak boleh mengekang, membantu pertumbuhan ekonomi negara dan boleh mengekang daripada perkara-perkara yang boleh menyebabkan kita terjebak di dalam suasana ekonomi yang memberi masalah ini. ISIS juga berpendapat bahawa Malaysia boleh terjejas sekiranya inflasi di satu lagi buah negara di rantau ini iaitu China sendiri kerana kita adalah lebih banyak terdedah dengan ekonomi negara China dan ini menyebabkan saya ingin bertanya apakah pandangan kerajaan mengenai situasi inflasi di negara China pada masa jangka pendek, sederhana dan panjang.

Apakah kesannya kepada kita sekiranya negara China tidak boleh mengekang kadar inflasinya daripada terus meningkat. Satu lagi perkara yang kita boleh lihat di sini ataupun kita pertimbangkan di sini ialah adakah kita ingin menimbangkan semula cadangan awal bagi satu idea bagi menerbitkan satu mata wang baru untuk negara-negara ASEAN. Pernah diutarakan sedikit masa lalu jadi adakah kita terfikir untuk menimbangkannya semula.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan pelancongan. Kita sedar hari ini bahawa pelancongan adalah merupakan antara industri yang membawa pulangan yang besar kepada negara. Kalau pada tahun 2010, angka kedatangan pelancong adalah 24.6 juta dengan penerimaan bayaran lebih kurang RM56.5 bilion, antara enam industri utama negara. Ini semakin berkembang dengan inisiatif-inisiatif dan strategi jangka panjang yang saya lihat telah sedia ada di Kementerian Pelancongan.

Akan tetapi baru-baru ini dalam satu *statement* yang dikeluarkan oleh pihak kementerian bahawa angka ini mungkin tidak boleh mencecah 25 juta kedatangan pelancong pada tahun ini sebagaimana yang direncanakan kerana beberapa sebab. Antaranya ialah kerana faktor malapetaka banjir yang berlaku di salah satu kawasan di ASEAN iaitu di Thailand, *Cambodia* dan Laos. Ini boleh menjejaskan kedatangan pelancong.

■1230

Keduanya adalah kerana keadaan ekonomi global yang menurun menyebabkan kedatangan pelancong kurang, dan yang ketiganya disebabkan oleh objek-objek pelancongan baru ataupun destinasi-destinasi pelancongan baru yang terdapat di lain-lain negara. Ini yang membuatkan Menteri Pelancongan mengatakan bahawa kemungkinan kita tidak boleh mencapai *target* 25 juta pada tahun ini.

Jadi saya rasa sepatutnya langkah-langkah awal boleh diambil oleh Kementerian dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelancong. Apabila kita lihat ada malapetaka berlaku di kawasan lain, sepatutnya kita boleh kata orang mengambil *advantage* di sana dengan menarik mereka ini datang ke negara kita. Kalau kita kata di Filipina ada gunung berapi meletup misalnya, ataupun di Thailand ada banjir misalnya, kita perlu menjalankan usaha lebih supaya mereka ini beri gambaran yang sejelas-jelasnya bahawa kita bebas daripada masalah ini.

Dan sudah tentu kita boleh mengeksploitasikan keadaan pada ketika itu supaya pelancong boleh datang. Jadi saya rasa pelancongan boleh berkembang, boleh bertambah maju dan usaha-usaha yang lebih gigih harus kita ambil dari sekarang. Hari ini kita ada 36 pejabat *Tourism Malaysia* di serata dunia dan apa yang saya lihat – baru-baru ini ada satu lawatan rasmi Parlimen ke Rusia. Di Rusia ada hanya seorang sahaja pegawai pelancongan Malaysia untuk hendak jaga keseluruhan pasaran Rusia. Saya selidik ada lebih kurang 36,000 pelancong dari Rusia datang ke Malaysia. Daripada 148 juta penduduk Rusia, 36,000 adalah pelancong dari Rusia yang datang pada tahun lepas.

Jadi ini menampakkkan bahawa peluang itu besar. Di sinilah letaknya kesungguhan kita dalam menarik, dalam menjual dan memasarkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Kalau di Rusia ada satu orang sahaja pegawai, saya boleh bayangkan di negara-negara lain yang mana kita ada pejabat pun begitu juga, ertinya satu orang. Saya tidak *check* sama ada satu atau lebih tetapi saya boleh agak.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya rasa boleh kita perbaiki. Kalau kita menganggap pasaran itu penting, kita kena perkuatkan tenaga pemasaran kita di sana dengan strategi-strategi baru, dengan taktik-taktik baru untuk membawa mereka. Saya juga hendak tahu adakah setiap pejabat-pejabat *Tourism Malaysia* di serata dunia ini diberi KPI? Apakah KPI mereka, apakah matlamat mereka? Apakah mereka diukur dari segi keupayaan mereka dari segi kedatangan pelancong dalam pasaran yang mereka jaga?

Dalam belanjawan baru-baru ini, kita difahamkan bahawa RM420 juta, satu angka yang besar, telah diluluskan ataupun telah dibentangkan bagi menyuntik industri pelancongan di Langkawi. Ini adalah satu petanda baik dan satu *blueprint* baru untuk Langkawi telah pun diisytiharkan minggu lepas dan kita berharap bahawa RM420 juta ini tidak akan digunakan semata-mata untuk infrastruktur sahaja, kerana kita sudah mempunyai banyak infrastruktur yang telah dibuat sejak sekian lama tetapi hanya cukup setakat membaik pulih dan tingkatkan usaha-usaha pemasaran. Tingkatkan usaha-usaha pemasaran daripada segi kemudahan-kemudahan penerbangan, kemudahan-kemudahan di *airport* dan juga kemudahan-kemudahan pengangkutan di dalam Pulau Langkawi itu sendiri.

Saya yakin LADA yang dipertanggungjawabkan akan juga lebih proaktif kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyasarkan dalam masa tidak sampai lima tahun iaitu dalam tahun 2015, kita telah menyasarkan supaya Langkawi sebagai sepuluh pulau yang terbaik di dunia daripada segi pelancongan.

Perkara yang ketiga ialah berhubung dengan kolaborasi MAS dan AirAsia. Kita telah dimaklumkan pada bulan Julai, satu *collaboration* ataupun kolaborasi di antara MAS dan AirAsia. Walaupun sesuatu yang mungkin kita tidak duga tetapi akhirnya berlaku. Kolaborasi ini berlaku pada bulan Julai dan setakat ini kita masih belum nampak sesuatu yang betul-betul konkrit berlaku.

Kalau kita singkap satu lagi usaha yang sama yang telah dibuat oleh dua syarikat penerbangan iaitu KLM dan *Air France* di Eropah sana, kolaborasi tersebut digunakan dengan baik dan efektif yang akhirnya kedua-dua syarikat tersebut berjaya meneruskan urusan niaga mereka dengan *brand* mereka sendiri tetapi mereka boleh menjimatkan kos dan akhirnya meningkatkan kadar keuntungan. Kita berharap kolaborasi yang sama berlaku di antara MAS dan AirAsia. Kita hendak MAS berjaya menjadi satu syarikat penerbangan yang mempunyai daya saing yang maju dan yang penting, untung. Begitu juga dengan AirAsia.

Dalam tinjauan saya terhadap *business plan* baru yang dicadangkan oleh pengurusan baru MAS, saya lihat MAS akan menerbitkan ataupun akan memulakan satu *premier airline*.

Di sini saya rasa saya tidak yakin. Kenapa perlunya MAS yang memang menjalankan perniagaan *premier airline* hendak memulakan satu *premier airline* yang baru sedangkan sektor *low cost* ataupun tambang murah mereka sedia ada iaitu *Firefly* mereka berhentikan ataupun kurangkan urus niaganya semata-mata bagi memudahkan AirAsia menjaga sektor tambang murah. Itu sebabnya soalan saya, siapa yang untung? Kita kena fikir kerana ini adalah dua entiti yang berbeza, MAS dan AirAsia. Satu milik kerajaan dan satu milik swasta ataupun individu dan kepentingan negara walaupun melalui Khazanah, perlu kita jaga.

Perkara yang keempat Tuan Yang di-Pertua ialah berhubung dengan AirAsia dengan MAHB ataupun pengendali *airport*, Malaysia Airport Holding Berhad. Kita telah dipaparkan dalam media berhubung dengan pembinaan KLIA 2 yang baru. Kalau ikut sedikit latar belakangnya, sebagai sebuah syarikat penerbangan tambang murah yang berjaya, AirAsia pada asalnya ingin membina sebuah landasan kapal terbangnya sendiri ataupun terminalnya sendiri di Labu, Negeri Sembilan, tetapi oleh sebab-sebab tertentu, telah ditolak oleh kerajaan dan hari ini KLIA 2 dibangunkan bagi memudahkan AirAsia terus beroperasi di dalam satu terminal yang lebih baik.

Kalau mengikut kata-kata daripada Pengarah Urusan, Malaysia Airport Berhad, banyak perbincangan yang telah berlaku antara kedua parti yang menjadi *stakeholder* di dalam urusan pembinaan ini iaitu pengusaha terminal itu iaitu MAHB dan juga AirAsia sebagai *the end user* ataupun pengguna esok. Sebanyak 47 kali mesyuarat telah diadakan. Akan tetapi saya hairan, kenapa dalam akhbar, dalam media dihebohkan bahawa hari ini MAHB membina satu lapangan ataupun satu terminal yang baru tanpa berunding dengan pihak *the end user* ini tadi iaitu AirAsia. Banyak perkara yang ditimbulkan. Antaranya tentang saiznya sendiri yang saiznya dahulu untuk penggunaan jangkaan penumpang sebanyak 30 juta tetapi sekarang ini ditingkatkan sampai 45 juta. Maknanya bertambah besar.

■1240

Kemudahan-kemudahan untuk bagasi ditingkatkan juga. Saiznya sendiri iaitu dari segi fizikalnya juga ditambah. Ini menampakkan seolah-olah tidak ada kerjasama dan persepahaman di antara kedua-dua ini.

Adakah dengan sengaja pihak AirAsia ingin meluahkan kemarahan mereka di atas sebab-sebab tertentu kepada pihak MAHB? Kalau dapat saya baca apa yang dipaparkan, kadang-kadang kita terpaksa mengatakan bahawa memang ada pihak yang rasa kurang senang hati di dalam usaha membina terminal yang baru ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah. Janganlah kita jadikan media sebagai satu medan untuk kita berbalah di dalam satu perkara yang saya rasa boleh diselesaikan dengan suasana yang baik dan munasabah. Kepada AirAsia, saya yakin mereka sudah dengan izin nampaknya mula berbaik dan saya harap semangat itu harus diteruskan. Kita mungkin telah berjaya dalam pengurusan syarikat penerbangan kita tetapi kita mesti menunjukkan satu sikap yang baik dan bertolak ansur. Jangan kita gunakan strategi-strategi yang boleh menyinggung perasaan orang lain.

Di KLIA 2 sendiri, di dalam Dewan yang mulia ini juga saya telah mencadangkan dalam sesi yang lepas supaya *aerobridge* atau pun jambatan *aero* diadakan kerana kita rasa sebagai pengguna, apabila dalam keadaan cuaca yang tidak mengizinkan saya sendiri Tuan Yang di-Pertua adalah selalu menggunakan perkhidmatan AirAsia. Jadi, saya rasa *aerobridge* itu penting.

Saya tidak faham kenapa AirAsia meniadakan keperluan *aerobridge* ini dan masih lagi ingin mempertahankan supaya sudah sepuluh tahun dia beroperasi tanpa *aerobridge* dan kenapa mereka mesti menggunakan *aerobridge* dalam KLIA 2 yang baru ini.

Di samping itu juga, MAHB baru-baru ini telah meningkatkan cukai Lapangan Terbang LCCT. Ini juga sesuatu perkara yang saya rasa tidak munasabah. Ini kerana tanpa meningkatkan kualiti perkhidmatan MAHB telah memperkenalkan cukai perkhidmatan baru. Sekarang ini kena bayar RM65, sudah bertambah. Bukan sahaja di LCCT...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi kah? Sudah 20 minit. Tidak mengapa saya tambah lima minit lagi.

Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah: Ada sedikit lagi. Saya kena *skip* beberapa *point* oleh kerana tidak cukup masa. Untuk SME atau IKS Tuan Yang di-Pertua saya mencadangkan oleh kerana dalam Bajet 2012 ini satu peruntukan besar RM2 bilion sebenarnya telah diperuntukkan dan juga RM100 *million* lagi atau pun RM100 juta lagi untuk mereka yang menghadapi masalah mendapatkan kewangan. Jadi, kepada mereka yang mempunyai masalah, ini lah sebenarnya peluang kedua untuk mereka. Saya berharap pihak yang akan menyalurkan kewangan atau pun bantuan ini akan benar-benar dengan semangat ingin membantu. Ini kerana kalau ikut prosedur, ikut syarat-syarat yang ketat sudah tentu mereka yang ada masalah tidak boleh mendapat bantuan yang kedua ini.

Berhubung dengan SKMM yang saya kata tidak bertaring. Dalam Dewan yang mulia ini telah banyak kali kita bangkitkan bahawa ada beberapa isu yang melibatkan SKMM atau pun MCMC, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Pertama Tuan Yang di-Pertua adalah berhubung dengan Astro iaitu satu perkhidmatan TV berbayar yang telah meningkatkan atau pun menaikkan kadar langganan bulanan mereka. Jadi, dalam sesi jawab Menteri dan jawapan daripada pihak Astro sendiri, daripada SKMM sendiri yang nampaknya ada tidak keseragaman.

Akhirnya yuran baru itu dikuatkuasakan pada bulan Julai tahun ini. Jadi, saya pun tidak faham. Rakyat di luar lagi tidak faham kenapa yuran itu masih diteruskan walaupun masih ada lagi perbalahan yang mengatakan tidak layak dinaikkan, tidak boleh dinaikkan, tidak perlu mendapat keizinan Menteri hendak dinaikkan. Akhirnya yang rugi adalah pengguna dan kita sebagai pelanggan.

Kedua, saya sebut sedemikian adalah berhubung dengan penangguhan cukai perkhidmatan 6 peratus kepada kad pra bayar. Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini baru-baru ini telah ditangguhkan keputusan untuk mengenakan cukai perkhidmatan 6 peratus kepada kad pra bayar dan ini sudah tentu akan mengurangkan pendapatan kerajaan. Sedangkan kita yang menjadi pengguna kepada perkhidmatan bayaran *post payment* atau yang menggunakan perkhidmatan baru bayar, kita memang telah pun membayar cukai 6 peratus itu daripada dahulu lagi. Jadi, bilakah perkhidmatan ini dan bagaimanakah kementerian atau pun SKMM hendak memulakan cukai 6 peratus ini?

Satu lagi isu yang melibatkan SKMM ialah berhubung dengan fitnah-fitnah yang bertaburan di dalam blog-blog di negara kita. Salah satu fitnah yang popular hari ini ialah bagaimana seorang IGP dikaitkan dengan perkahwinan dengan isteri baru. Ini berkesudahan dengan IGP tersebut terpaksa menyaman blog tersebut tetapi apa yang hendak saya bangkitkan, di manakah kawalan SKMM di dalam menentukan bahawa kita beretika dalam menggunakan media, blog ini sebagai satu media baru dalam menyalurkan informasi.

Perkara yang seterusnya ialah berhubung dengan DAWAMA iaitu syarikat penswastan yang dilakukan pada tahun 2002 bagi mencetak buku-buku keluaran Dewan Bahasa. Rakan saya Dato' Firdaus sudah keluar. Dia ini dahulu ketua pengarah, dia tahu hal ini. Syarikat yang diberi kuasa penuh bagi mencetak segala keluaran buku-buku Dewan Bahasa sejak tahun 2002. Akan tetapi baru-baru ini menghadapi masalah di mana 380 pekerjaanya telah pun diberi cuti tanpa gaji dan ini sudah tentu menyebabkan masalah kepada pekerja. Syarikat itu sendiri iaitu DAWAMA akhirnya menyaman pihak DBP atas sebab-sebab lain. Akan tetapi isunya ialah ketika penswastan berlaku pada tahun 2002, saya hairan kenapa tidak ada *golden share* kepada pihak kerajaan yang mana boleh membolehkan pihak kerajaan bersuara di dalam syarikat tersebut pada tahun 2002, kenapa?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa tambahan sudah cukup, minta kerjasama.

Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah: Satu lagi *point* yang terakhir oleh kerana masa sudah cukup. Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan, kalau tidak saya tamatkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau ikut hati memang izinkan tetapi saya nampak di sini ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin turut berucap.

Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah: Oleh kerana menghormati Tuan Yang di-Pertua supaya tidak melukakan hati beliau sebelum 20 hari bulan, saya duduk. Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih. Sekian. *Wabillaahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama. Minta Yang Berhormat Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan.

■1250

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2012 seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia.

Sememangnya bajet rakyat ini adalah sesuatu yang bersejarah dan mampu mencorak hala tuju negara di samping memenuhi aspirasi serta harapan rakyat. Sukalah saya menyatakan pandangan saya, bahawa ianya konsisten dengan apa yang telah dirancang oleh pihak kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi Negara sambil mengambil kira keperluan-keperluan dari segi melihat kepada senario atau realiti ekonomi dunia.

Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini telah mengambil kira semua golongan rakyat daripada golongan berpendapatan rendah sehingga merangkumi golongan wanita, lelaki, muda, warga emas juga golongan peniaga dan lain-lain, penjawat-penjawat awam, pegawai-pegawai kontrak, pesara-pesara kerajaan dan pelbagai insentif dalam memperkukuhkan ekonomi negara turut diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu baru-baru ini semasa mengumumkan bajet, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa RM100 juta akan dibahagikan kepada sekolah Cina dan RM100 juta sekolah Tamil. Ini adalah menggalakkan dan saya bersyukur kerana keprihatinan Kerajaan Pusat dalam menilai semula rintihan para pendidik dan pelajar yang bukan keturunan bumiputera untuk belajar dengan suasana yang selesa dan selamat. Sehubungan dengan ini juga, saya ingin menyarankan agar kerja-kerja pembinaan sekolah Tamil ini diberikan kepada kontraktor-kontraktor India yang bertauliah. Tujuan pengagihan ini adalah kerana dengan cara ini komuniti India dapat memperkasakan kedudukan ekonomi dengan kerja-kerja sedemikian memandangkan peluang mereka amat terhad untuk bertanding bagi meraih projek-projek yang lebih besar serta terbuka. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini amat dialu-alukan dan mohon agar bantuan sedemikian dapat diteruskan sehingga selesai kesemua masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah jenis kebangsaan di masa depan. Terima kasih sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang isu pendidikan saya ingin tahu mengapa kerajaan tidak mengutamakan belia-belia kita yang telah tamat pengajian perguruan dari universiti swasta, tempatan atau antarabangsa dengan kepujian dalam bidang pendidikan supaya dapat berkhidmat sebagai guru, manakala pengambilan baru banyak yang bertumpukan kepada ijazah-ijazah luar bidang perguruan seperti sains sosial, pentadbiran awam dan sebagainya. Apakah yang menyebabkan fenomena ini? Tidakkah kerajaan dapat menilai keinginan atau cita-cita untuk menjadi guru ini lebih mantap daripada memilih seseorang yang menjadikan bidang perguruan ini sebagai alternatif dalam hidup mereka. Saya mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, Amanah Ikhtiar. Saya mengalu-alukan sejumlah wang RM100 juta yang telah diperuntukkan kepada Amanah Ikhtiar dalam membantu kaum India dalam memperkasakan bidang perniagaan mereka. Dengan adanya bantuan ini, saya percaya ia dapat merangsang peredaran ekonomi di kalangan kaum India sambil menjamin akan perkembangan ekonomi masyarakat India di negara ini yang dilihat masih jauh ketinggalan dalam pegangan ekuiti secara amnya.

Seterusnya menyentuh tentang TEKUN. Saya menerima baik hasrat kerajaan dalam mendorong belia-belia kita untuk terus mempertingkatkan bidang perniagaan mereka dengan bantuan TEKUN yang berjumlah RM300 juta. Saya pohon agar kerajaan dapat mengagihkan sebahagian daripada peruntukan ini kepada komuniti India seperti mana yang dilakukan pada tahun-tahun yang lepas bagi menjamin dan mendorong mereka ini terus giat menjalankan perniagaan mereka.

Saya juga ingin menyarankan agar kerajaan dapat menumpukan perhatian yang serius dalam menjamin akan kedudukan masyarakat India dalam mempertingkatkan pegangan ekuiti yang kini dilihat masih di bawah paras 1.2 peratus.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah menjawab soalan lisan saya yang mencerminkan pegangan ekuiti kaum India di negara ini kian meningkat. Usaha telah diambil bagi mencapai peningkatan pegangan ekuiti ke paras 3 peratus seperti mana yang dirancang tetapi hakikat sebenar berdasarkan kepada laporan kedudukan ekonomi Asia, masyarakat India di Malaysia masih lagi berkedudukan 1.2 peratus sahaja.

Untuk menyelesaikan masalah ini, saya menyarankan agar kerajaan dapat mewujudkan lebih banyak lagi peluang penyertaan kaum India dalam pakej ekonomi yang dirancang oleh kerajaan. Pewujudan saham-saham sahaja tidak mencukupi kerana asas permasalahan ini berpunca daripada kekurangan *hard cash* serta peluang. Jika hanya peluang sahaja diwujudkan, ianya tidak akan membantu, malah saya cadangkan pinjaman terus daripada pihak bank tempatan dapat disediakan untuk pembelian saham-saham yang ditawarkan oleh kerajaan agar semua masyarakat India dapat meraih keuntungan bersama. Dengan cara sedemikian, ianya akan mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan tiada kaum akan ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi negara sambil menaik taraf kedudukan ekonomi kaum India di negara kita.

Saya juga ingin mencadangkan agar satu jawatankuasa ditubuhkan khasnya bagi memantau pembangunan ekonomi dan pegangan ekuiti kaum India di negara ini yang diterajui oleh seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri di mana beliau boleh melapor terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi melaksanakan hasrat kerajaan dalam mengawasi pembangunan sosioekonomi agar kaum India tidak berketinggalan dalam arus pembangunan negara. Saya percaya kini sudah sampai masanya untuk kerajaan meneliti dengan seriusnya perkara sedemikian dalam memastikan pembangunan mampan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang *Talent Corp* yang diwujudkan dalam menarik balik dan mengawal penghijrahan cerdik pandai. Ini bukanlah sesuatu yang kita boleh dipersalahkan. Ia berlaku khususnya di negara-negara berpendapatan sederhana seperti Malaysia di mana orang mempunyai keupayaan dan inisiatif untuk berhijrah. Kita sedar akan laporan yang mengatakan sebanyak hampir 1.2 juta orang telah berhijrah ke negara lain sejak tahun

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh kerana masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat boleh menyambung berucap pada sebelah petang nanti.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, kita sambung semula perbincangan kita. Saya persilakan Yang Berhormat Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan untuk menyambung ucapan.

2.30 ptg.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang *Talent Corp* yang diwujudkan dalam menarik balik dan mengawal penghijrahan cerdik pandai. Kita sedar akan laporan yang mengatakan sebanyak hampir 1.2 juta orang telah berhijrah ke negara lain sejak tahun 1990 sehingga sekarang. Berapakah jumlah penghijrahan ini sejak sepuluh tahun kebelakangan dan adakah kerajaan sedar akan punca penghijrahan ini? Dalam masa yang sama saya difahamkan sebanyak 576 orang telah kembali ke atas usaha perwujudan *Talent Corp* dan inisiatif kerajaan dalam menarik balik tenaga cerdik pandai ini kembali ke tanah air. Daripada jumlah ini, apakah jumlah pecahan kaum dan saya juga ingin tahu di manakah mereka kini ditempatkan. Apakah penempatan mereka ini dapat menarik lebih ramai lagi untuk turut serta kembali ke tanah air.

Pada masa yang sama saya mencadangkan agar insentif-insentif yang sesuai dapat diberikan kepada mereka yang telah setia berkhidmat dan menabur jasa kepada negara tanpa berhijrah ke luar negara. Pengiktirafan mereka ini haruslah dilihat secara holistik tanpa mengira kaum dan keturunan. Pengorbanan mereka haruslah benar-benar mempamerkan kepakarannya dan tiada unsur pilih kasih sambil memberikan jaminan bahawa masa depan mereka di negara tanah tumpahnya ini amat terjamin supaya mereka ini terus duduk di tanah air kita dan berkhidmat di sini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Program Perumahan Rakyat di mana kerajaan telah merancang untuk membina sebanyak 75,000 unit rumah mampu beli di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Syabas dan tahniah atas usaha kerajaan dalam menjamin kesejahteraan rakyat jelata. Sejumlah RM443 juta telah dikhaskan untuk pembinaan bagi tempoh 2012 ini. Persoalannya apakah kementerian sedar bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai sebarang rancangan dalam membina rumah mampu milik sedemikian. Saya melihat pentadbiran mereka hanya tertumpukan kepada projek-projek mega dan keperluan rakyat sama sekali diabaikan. Apakah Kerajaan Persekutuan dapat membina rumah mampu milik ini di tanah-tanah persekutuan di negeri Pulau Pinang atau membeli tanah di negeri Pulau Pinang dan membina rumah kediaman mampu milik bagi rakyat di Pulau Pinang?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang PEMANDU. Saya ucapkan tahniah kepada menteri yang bertanggungjawab atas komitmen beliau dalam memandu enam sektor utama NKRA dalam landasan yang betul sambil mengemudi ke arah kecemerlangan. Saya percaya dengan adanya kewibawaan beliau kita pasti akan menghayati kemakmuran dan pembangunan negara maju pada masa yang singkat. Sehubungan dengan ini, saya ingin menyarankan agar pepadu dapat meneliti kembali sistem perkhidmatan awam yang banyak didapati bertindih serta polisi yang diguna pakai ini dikaji semula.

Red tape juga masih dapat dilihat dalam sistem penyampaian kerajaan. Ini akan menyebabkan kelewatan dalam sebarang kelulusan atau keputusan yang mana secara tidak langsung menjurus kepada perwujudan korupsi dan rasuah. Saya mencadangkan agar sistem pelaksanaan yang dikaji, dikaji semula dari semasa ke semasa seperti mana yang dilakukan oleh negara-negara jiran iaitu kajian yang dibuat dalam tempoh masa setiap enam hingga 12 bulan bagi memastikan agar tiada mana-mana individu dapat memperalatkan lakonan atau kelemahan dalam sistem ini untuk meraih sokongan yang ditawarkan. Sejak kebelakangan ini kita dapat mendengar banyak kakitangan kerajaan khususnya yang berpangkat tinggi terlibat dalam salah guna kuasa. Tindakan serta keputusan yang dibuat demi kepentingan sebilangan individu dibuat yang mencerminkan keburukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, asas isu ini dibangkitkan adalah umpamanya didapati di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana pengagihan tender dilakukan tanpa rasional. Saya ingin tahu sama ada benar kontrak untuk pembinaan projek perumahan rakyat iaitu PPR Kepong, PPR Sentul dan PPR Kampung Hassan Nusa Baiduri semua ini adalah ditawarkan kepada orang yang sama, yang bezanya adalah nama syarikat yang berlainan? Akan tetapi orang yang mengendalikan semua ini adalah orang yang sama. Apakah kriteria yang diguna pakai dalam pengagihan kontrak-kontrak sedemikian?

Saya juga difahamkan dengan perbuatan sedemikian, ianya secara tidak langsung akan menghalang pengaliran serta pengagihan ekonomi tempatan dan hanya segelintir masyarakat sahaja yang akan meraih keuntungan manakala yang lain masih akan dibelenggu dengan kekangan ekonomi. Perbuatan ini juga akan mengehadkan niat serta penglibatan belia kita dalam menjalankan perniagaan dalam negeri. Manakala usaha murni Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dijadikan sia-sia sahaja. Saya pohon agar satu sistem pemantauan yang komprehensif dapat digariskan agar perkara-perkara sedemikian tidak berulang.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ingin saya menarik perhatian kerajaan insentif memperkasakan perkhidmatan awam di negara kita. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peningkatan gaji untuk pegawai dan anggota perkhidmatan awam.

Persoalannya adalah mengapakah kenaikan ini hanya bertumpu kepada pegawai dan anggota tetap sahaja yang dapat merasakan insentif ini. Kenapa insentif ini tidak dipanjangkan kepada pegawai-pegawai kontrak, sambilan dan sementara memandangkan kerja yang dijalankan itu adalah sama dengan pegawai yang tetap? Gaji mereka yang sama, terma dan syarat-syarat yang sama, tanggungjawab yang sama, segala peruntukan tingkah laku juga sama dengan pegawai tetap.

Akan tetapi insentif, peningkatan gaji tidak layak. Tidak kah ini akan melemahkan semangat anggota dan pegawai golongan ini memandangkan pegawai kontrak dan sementara kini terdapat seramai 27,935 orang sehingga kini. Persoalannya, mengapa mereka ini dianaktirikan dalam isu kenaikan gaji seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa bajet yang lepas. Saya sarankan agar kerajaan dapat meneliti kembali agar insentif gaji ini dapat dipanjangkan kepada semua pegawai anggota kontrak dan sambilan. Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang sebelum kita teruskan, saya minta seorang Menteri ada satu usul yang hendak kita kemukakan. Dipersilakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua Ahli-ahli Yang Berhormat selesai membahar D.R. 29/2011 - Rang Undang-undang Perbekalan 2012 di peringkat dasar dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 15 Disember 2011”.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya Yang Berhormat saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam.

2.43 ptg.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Saya ingin menyentuh Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, tanya kepada kementerian kerana diberi peruntukan yang begitu besar. Saya ingin memberi cadangan supaya kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung pendalaman perlu dibekalkan dengan pili bomba, padang permainan kanak-kanak untuk masyarakat remaja, dewan orang ramai dan lampu jalan yang cukup, perparitan yang sempurna dan jalan yang lebar dan bertar. Ini kerana peruntukan yang begitu besar perlu dinaikkan mutu taraf kehidupan warga-warga di kawasan desa.

Projek-projek 1Kampung 1Produk perlu dapat perhatian daripada kementerian supaya kementerian boleh memainkan peranan untuk meningkatkan status ekonomi di kawasan desa. Bolehkah kementerian memaklumkan keberkesanan dan perkembangan projek 1Kampung 1Produk di negara kita.

Kementerian Jalan Raya saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada kementerian kerana jambatan yang uzur dan jalan yang sempit itu di kawasan tanah merah di Daerah Port Dickson mukim Jimah telah disiapkan dan dibina. Inilah sikap "Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan".

Saya ingin menarik perhatian kementerian bahawa ada dua projek yang saya telah kerap kali mohon sejak tahun 2002 tetapi pihak kementerian belum lagi meluluskan dan melaksanakan. Projek pertama adalah projek jalan utama Sepang ke Lukut. Projek ini telah saya mohon sejak tahun 2002 tetapi projek itu belum dilaksanakan walaupun pada tahun 2003 saya difahamkan peruntukan RM80 juta telah diluluskan. Akan tetapi peruntukan itu telah ditarik balik dan sehingga hari ini tidak ada tanda-tanda bahawa projek ini akan dihidupkan.

Saya minta supaya projek kedua iaitu projek permohonan pembinaan jambatan dengan panjangnya lebih kurang 300 kaki antara pekan Bukit Pelanduk dan pekan Sungai Pelek. Permohonan ini telah dikemukakan ke Kementerian Kerja Raya sejak tahun 2003. Jambatan ini akan menjimatkan masa dan kewangan untuk penduduk-penduduk di kedua-dua pekan dan kedua-dua negeri. Sungai Pelek di negeri Selangor dan Bukit Pelanduk di Negeri Sembilan.

Untuk Kementerian Pelancongan, perkembangan industri pelancongan di negara kita sangat membanggakan. Baru-baru ini saya telah didatangi beberapa pelancong asing kerana mereka tidak faham tulisan papan tanda yang sedia ada. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mempertimbangkan, membekalkan papan tanda dalam Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Saya ingin menarik perhatian kementerian bahawa kebersihan tandas-tandas awam, penyediaan makanan dan kebersihan pusat-pusat penjaja makanan perlu diutamakan.

Kementerian perlu mempertimbangkan perayaan Hari Raya Aidilfitri, perayaan Deepavali, Tahun Baru Cina dan Krismas boleh dijadikan produk pelancongan. Kementerian boleh menganjurkan aktiviti-aktiviti perayaan dan turut disertai oleh pelancong asing dan mengambil bahagian dalam program yang penuh dengan kebudayaan, adat resam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Tahniah saya ucapkan kepada kementerian bahawa projek *homestay* yang begitu berjaya. Projek ini telah meningkatkan ekonomi di kawasan desa dan kawasan pedalaman.

Kementerian Pelajaran, saya ucap tahniah dan terima kasih bagi pihak pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah kerana telah diberikan RM100 setahun. Untuk mereka yang di kolej dan universiti mereka telah diberikan RM200 setahun. Juga pengecualian bayaran yuran sekolah adalah satu langkah yang amat dihargai oleh semua lapisan masyarakat. Tindakan ini telah mencerminkan keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional dan sikap berjiwa rakyat kepada semua lapisan masyarakat.

Bagi pihak sekolah Cina, sekolah Tamil, sekolah mubaligh dan sekolah agama, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional dan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin, Timbalan Menteri Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran kerana telah meluluskan RM100 juta kepada keempat-empat jenis sekolah pada tahun 2012. Ini adalah kerana kewibawaan dan keikhlasan pemimpin kerajaan Barisan Nasional yang dikepalai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan timbalannya Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin.

Terima kasih kepada Menteri Pelajaran kerana telah mendirikan tujuh buah sekolah SRJK(C) baru di beberapa kawasan yang didiami kebanyakan kaum Cina di taman-taman perumahan baru. Sejumlah 71 SRJK(C) bertaraf sekolah kurang pelajar telah dibenarkan dan dipindahkan ke kawasan bandar. Masalah penggantian dan kekurangan meja dan kerusi yang telah lama menghantui SRJK(C) dan SRJK(T) mesti ditangani dengan lebih berkesan.

■1450

Masalah ini boleh dikurangkan jikalau Kementerian boleh menggantikan kerusi dan meja yang rosak tiap-tiap tahun dengan bilangan pengganti perabot itu tidak boleh melebihi 20 peratus jumlah kerusi dan meja yang sedia ada di sekolah itu. Saya merayu kepada pihak Kementerian supaya secara pentadbiran menghapuskan sekolah bantuan penuh. Ini kerana pemilikan tanah tidak seharusnya menjadi penghalang untuk kerajaan memberi bantuan kewangan sepenuhnya demi pembangunan sekolah-sekolah SRJK(C) dan SRJK(T) yang dimiliki oleh lembaga pengurus. Masalah kekurangan guru-guru terlatih di sekolah Cina mesti diambil perhatian Kementerian dan masalah ini mesti diselesaikan sebaik mungkin dengan lebih sempurna. Baru-baru ini Kementerian telah memberikan peruntukkan kepada lembaga pengurus sekolah SRJK(C) untuk membina darjah tambahan, membaik pulih dan mengubahsuai sekolah yang uzur, adalah satu polisi yang wajar dan sesuai. Ini adalah kerana pihak lembaga boleh mulakan peruntukan itu dengan sebaik boleh dan berkesan.

Untuk Kementerian kesihatan, sistem penubuhan Lembaga Pelawat di hospital-hospital kerajaan adalah satu sistem yang baik kerana Lembaga Pelawat merupakan satu jambatan antara pesakit dan pihak hospital. Perhubungan rapat, baik diwujudkan antara ketiga-tiga pihak akan memastikan dan menggerakkan prestasi kecemerlangan hospital kerajaan. Hospital-hospital swasta telah diarahkan untuk mengujudkan Lembaga Pelawat.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian, apakah fungsi Lembaga Pelawat di hospital-hospital swasta? Pusat-pusat dialisis NGO swasta diarahkan supaya semua pusat dialisis mesti di bawah jagaan seorang jururawat yang memiliki *post basic* dalam rawatan dialisis. Ini ada satu polisi yang baik dan memastikan kualiti perkhidmatan rawatan dialisis. Masalah dan kelemahan Kementerian adalah pihak Kementerian tidak boleh membekalkan tempat yang cukup untuk melatih jururawat yang minat untuk menyertai kursus *post basic*.

Saya minta pihak sekerajaan memberi maklumat kepada Dewan yang mulia ini, berapakah pusat dialisis di hospital kerajaan di seluruh negara? Berapakah jumlah jururawat yang memiliki *post basic* dalam urusan dialisis? Adakah semua pusat dialisis di hospital kerajaan dijaga oleh jururawat yang memiliki *post basic* dalam rawatan dialisis? Saya difahamkan bahawa beberapa pengumuman pemberian peruntukkan daripada Menteri Kesihatan telah dibuat selama tiga tahun yang lalu. Akan tetapi peruntukkan itu tidak ditunaikan kerana alasannya tidak cukup peruntukan.

Saya ingin menasihatkan kepada pegawai-pegawai bahawa peruntukan yang telah diumumkan oleh menteri itu mesti ditunaikan dan pegawainya tidak ada kuasa untuk memberi jawapan bahawa tidak ada peruntukan yang cukup. Ini kerana peruntukkan berbilion-bilion ringgit telah diberikan kepada Kementerian. Kita tidak ingin mendapat bahawa ada Ketua Menteri Kesihatan yang akan menolak semua perjanjian yang diumumkan oleh Menteri Kesihatan. Saya rasa bahawa pegawai-pegawai mesti mencari jalan supaya segala perjanjian telah dibuat oleh Menteri itu mesti ditunaikan dan mereka mesti menjaga maruah Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional pada bila-bila masa pun.

Di Dewan yang mulia ini saya merakamkan jutaan terima kasih dan berhutang budi kepada IJN yang telah memberi perkhidmatan rawatan jantung yang begitu cemerlang, ikhlas dan bertanggungjawab tanpa memandang warna kulit, latar belakang, bangsa, bahasa, dan budaya pesakit itu. Sejak tahun 2005 ke 2011, pejabat perkhidmatan saya telah merujuk 467 pesakit jantung ke IJN. Pesakit-pesakit semua yang berbilang kaum itu dapat rawatan pembedahan dan *angioplasty* daripada pihak IJN. Mereka semua dilayan begitu baik dan kos rawatan purata tidak melebihi RM1,000. Pesakit-pesakit tidak perlu tunggu lebih dua minggu untuk berjumpa dengan doktor IJN.

Maklum balas daripada pesakit selepas rawatan mereka, kebanyakan dan hampir semua memuji doktor dan staf IJN kerana perkhidmatan dan sikap keprihatinan dan prestasi kecemerlangan. Saya ingin mengucapkan terima kasih, syabas dan berhutang budi kepada semua doktor, staf IJN, khususnya kepada Datuk Dr. Amin Arif, Tuan Mohd Yusof bin Ithniah, dan saudara Mohd Azrulnizam bin Azhari di Unit Taksiran Khas IJN kerana mereka telah memberi bantuan, pertolongan kepada pesakit-pesakit ayang berbilang kaum. Pesakit yang kurang bernasib baik.

Tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang telah memberi bantuan kewangan RM500 kepada keluarga yang berpendapatan kurang RM3,000.

Ini telah mencerminkan kesungguhan dan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional untuk memberi kepentingan dan kebajikan rakyat jelata. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

2.56 ptg.

Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Izinkan saya memperingatkan semua Ahli Yang Berhormat. Kepada yang telah memberi nama kepada saya untuk bercakap, harap bersedia duduk dalam Dewan. Kepada yang sudah itu, kalau boleh kalau sesiapa yang hendak keluar ataupun meninggalkan Dewan, mahu balik dan sebagainya, kalau boleh beritahu saya. Dengan itu saya persilakan Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih karena memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Belanjawan 2012 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Saya akan cuba menyentuh beberapa perkara yang ada kaitannya dengan belanjawan ini, yang mana saya rasa sesetengahnya telah pun disentuh dengan panjang lebar oleh rakan-rakan yang lain.

Terutama ialah isu *food security* ataupun sekuriti makanan. Sebelum saya mengemukakan isu ini, saya ingin berkongsi satu cerita benar yang berlaku di tempat saya iaitu di Daerah Ledang, di negeri Johor. Di mana terdapat pesawah ataupun penanam-penanam padi yang berbelas-belas tahun menggunakan benih padi yang kita panggil padi angin, yang dibekalkan oleh Jabatan Pertanian dan benih padi ini diberi subsidi RM36 sekampit saya ingat lebih kurang 20 kilogram. Pesawah-pesawah ini berbelas-belas tahun menggunakan benih ini tanpa banyak bicara sehinggalah baru-baru ini terdapat sekelompok pesawah ini yang pergi ke FELCRA Seberang Perak ya, dan di sana ada sawah padi yang luas dan minta membeli sendiri benih padi yang terbaru MR220CL yang ternyata lebih tinggi produktiviti.

■1500

Ini adalah dalam laporan *The Star*, 19 Julai 2011. Dalam cerita ini tidak disebutkan yang petani-petani itu sendiri pergi beli benih padi itu dengan duit sendiri. Ternyata apabila padi ini masak, kalau sebelum itu padi angin tadi cuma boleh menghasilkan sekadar 2.5 metrik tan sehektar. Akan tetapi dengan benih baru ini tadi MR220 CL, mereka dapat meraih sebanyak 8 metrik tan sehektar. Moral cerita ini Tuan Yang di-Pertua ialah mengapakah Jabatan Pertanian begitu lambat untuk memperkenalkan satu jenis benih padi yang telah begitu tinggi produktiviti dan sudah cuba di tempat lain tetapi di tempat-tempat seperti di negeri Johor, masih lagi membekalkan benih padi berbelas-belas tahun dengan produktiviti yang sangat rendah. Ini saya minta Jabatan Pertanian, khususnya Yang Berhormat Menteri, tolonglah siasat. Ini disebabkan tempat saya sendiri, saya boleh buktikannya.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya hendak menyentuh tentang *food security*. Seperti semua maklum, Thailand sekarang ini dilanda banjir besar. Khabarnya hampir 40 peratus buminya dilanda banjir sehingga memaksa Perdana Menteri Malaysia membatalkan lawatan ke Malaysia dan Singapura, sebaliknya mahu menumpukan usaha memulihkan bencana banjir. Ia sebagai contoh Malaysia yang bakal terjejas dengan import beras yang bakal berkurangan disebabkan berlakunya bencana alam di Thailand ini. Di sebalik subsidi yang diberikan oleh kerajaan, saya terpanggil untuk membangkitkan isu *food security* iaitu persoalan sekuriti makanan yang kini menjadi isu serius seluruh dunia sebagai isu utama. Bukan sahaja daripada sudut bekalan, akan tetapi juga daripada sudut akses pada makanan. Seterusnya, melibatkan soal maruah dan kedaulatan negara.

Jika dilihat kenaikan harga beras sekarang dan ia dijangka diekori dengan kenaikan harga makanan asasi yang lain, telah memberikan kesan yang sangat besar kepada rakyat miskin dan berpendapatan rendah.

Di sebalik subsidi yang diberikan oleh kerajaan serta kenaikan gaji sektor awam, saya bimbang harga barangan jika tidak dipantau akan melambung naik di luar kawalan. Meskipun Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ada memberikan jaminan bahawa pegawai pemantau akan bergerak ke seluruh negara untuk memantau harga barang. Ini pada hemat saya masih belum cukup meyakinkan. Jika dikaji kesan kenaikan harga makanan sedunia yang sukar dibendung, kini bukan sahaja boleh merebak pada masalah ekonomi, malah boleh meletus ledakan sosial dan politik yang tidak boleh dikawal nanti.

Jika pergantungan makanan negara daripada import yang ketika ini masih melebihi RM12 bilion setahun tidak dikurangkan seminimum mungkin, saya khuatir Malaysia akan terdedah pada kehilangan kedaulatan makanan akibat terpaksa bergantung kepada ihsan negara luar. Ketika ini syarikat-syarikat transnasiona dan multinasiona yang menguasai sebahagian besar input pertanian seperti baja, jentera pertanian, makanan ternakan dan racun dapat menentukan kehendak-kehendaknya ke atas negara ini akibat kebergantungan Malaysia pada import bahan-bahan tersebut. Bukan sahaja kuasa petani sangat kecil di negara ini akibat sistem yang lebih mengutamakan perladangan besar malah sistem pertanian itu sendiri ditentukan dan lebih menguntungkan syarikat multi nasional. Teknologi, sistem pemasaran dan mekanisme simpanan dan penghantaran juga dikuasai oleh syarikat pertanian konglomerat luar dan dalam negara.

Ini sahaja cukup untuk mengecilkan kuasa rundingan sesebuah negara apabila rakyatnya sudah terdesak untuk mendapatkan makanan dari luar yang ditentukan oleh syarikat-syarikat besar itu. Saya dengan rendah hati ingin mencadangkan agar pihak Kerajaan Pusat dan negeri segera mengadakan perbincangan untuk menganalisis kesan krisis yang bakal dihadapi dengan mengantisipasikan kemungkinan-kemungkinan yang boleh berlaku. Perbincangan itu seharusnya dapat mengatur langkah segera supaya bekalan dan pengeluaran makanan di negara ini dapat dijamin kestabilannya.

Saya juga dengan rendah hati ingin mencadangkan juga agar semua faktor yang ada dalam kuasa dan keupayaan pihak kerajaan untuk mengawalnya hendaklah dilakukan seperti:

- (i) tidak membenarkan tanah pertanian diambil dan ditukar untuk pembangunan. Ini berlaku di mana-mana, ya. Sawah padi sudah menjadi – di Kedah, Melaka, sudah menjadi projek perumahan;
- (ii) memastikan sistem pengairan diuruskan dengan baik untuk pertanian; dan,
- (iii) kawasan tadahan air tidak dimusnahkan, kawasan bakau yang menjadi kawasan pembiakan benih hidupan laut dikawal dengan ketat dan semua tanah terbiar dihidupkan untuk pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin pergi pada isu kedua iaitu meringankan kos sara hidup rakyat. Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan bantuan RM500 kepada isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah.

Pemberian ini melibatkan peruntukan sebanyak RM1.8 bilion dan juga bantuan persekolahan sebanyak RM100 diberikan kepada semua pelajar sekolah. Seterusnya, pemberian baucar buku bernilai RM200 kepada semua pelajar. Usaha kerajaan dalam menangani masalah kos sara hidup rakyat yang semakin tinggi, kini dinaikkan setingkat lagi melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang ketujuh iaitu Menangani Kos Sara Hidup. Keputusan ini membuktikan kerajaan komited membantu rakyat, memerangi masalah yang merencatkan kehidupan berkualiti seperti isu kenaikan harga dan permintaan terhadap pelbagai barangan yang tidak dapat dipenuhi dan sebagainya.

Saya berpandangan, kenaikan harga kos barang-barangan tidak harus hanya ditangani dengan kaedah kawalan harga semata-mata seperti pemberian subsidi yang tinggi pada sesuatu produk. Sebaliknya, tumpuan turut diberikan pada keseluruhan rantaian bekalan sesuatu produk itu. Mengambil sayur dan ayam sebagai contoh. Kaedah pengawalan harga siling diamalkan kerajaan sebelum ini belum tentu dapat membantu menangani isu tersebut. Saya mencadangkan kerajaan perlu memberikan perhatian pada struktur rantaian produk itu terutama sekali penekanan pada usaha meningkatkan daya saing dan persaingan rantaian bekalan. Lebih baik kita fokus terhadap daya saing di setiap peringkat rantaian ini.

■1510

Contohnya, tanaman sayur, borong, edar dan juga peruncitan sayur. Setiap peringkat mesti ditangani dengan teliti oleh kerajaan. Usaha kerajaan baru-baru ini mewujudkan Kedai Runcit 1Malaysia dan Kedai Ikan 1Malaysia. Betul ya Datuk Abdul Rahman bin Bakar? Ini usaha yang sangat baik dan sangat berkesan. Saya cadangkan lebih banyak lagi kedai-kedai seperti Kedai Runcit 1Malaysia ini dan Kedai Ikan 1Malaysia ditubuhkan di setiap daerah dan setiap pekan kecil di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang ingin saya sentuh ialah FELDA. Peneroka FELDA khabarnya tidak lama lagi akan menerima durian runtuh. Jumlahnya akan diumumkan sebelum FELDA Global Ventures Holding di senarai di Bursa Malaysia pada pertengahan 2012. Saya rasa terpenggil untuk menyentuh isu penyenaiaan FELDA Global Ventures Holding di Bursa Saham Kuala Lumpur dan faedah yang bakal dinikmati oleh peserta-pesertanya selepas penyenaiaan FGVH nanti.

Ada dakwaan bahawa penyenaiaan yang khabarnya bakal dilakukan sebelum pertengahan 2012 ini dibimbangi akan menjejaskan ekuiti bumiputera dalam FELDA kerana ianya membolehkan pelbagai syarikat besar melabur dalam institusi tanah yang dikuasai oleh orang Melayu. Soalan saya, benarkah begitu? Ini adalah kerana nasib peneroka bakal terumbang-ambing kerana yang akan mendapat keuntungan besar melalui penyenaiaan itu hanya syarikat-syarikat besar.

Mungkin yang dikatakan durian runtuh itu hanyalah *allocation* untuk saham percuma kepada peneroka. Mungkin jumlahnya RM10,000 sehingga RM15,000 tetapi bila FGVH disenaraikan di BSKL, ekuiti bumiputera akan berakhir sebab penyenaiaannya ini membolehkan pelbagai syarikat besar melabur di FELDA.

Soalan saya, bagaimana kerajaan bakal mengekalkan teras FELDA iaitu perladangan dan masa depan peneroka sendiri kerana pelbagai masalah utama peneroka masih belum selesai di sebalik langkah penyenaiaan FELDA Global Ventures Holding di Bursa Saham Kuala Lumpur ini? Saya juga ada menerima aduan berkaitan isu peneroka yang masih dibebani hutang. Masalah tanaman semula, masalah selenggara kebun yang tidak diuruskan dengan baik turut membelenggu peneroka-peneroka. Seterusnya soalan saya apakah jaminan kerajaan bahawa peneroka bakal menjadi *prime topic* dan menerima imbuhan terbesar dalam langkah penyenaiaan FELDA Global Ventures Holding di Bursa Saham Kuala Lumpur ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu lagi iaitu tentang pendidikan. Dalam Bajet 2012, RM1 bilion diperuntukkan untuk sekolah-sekolah. Isu yang hendak saya bawa di sini bukan soal isu *hardware* ataupun infrastruktur tetapi isu iaitu masih ada lagi murid-murid yang tercicir dalam persekolahan peringkat rendah dan peringkat menengah. Mungkin bilangannya sudah berkurangan tetapi saya masih nampak lagi di mana-mana pun bila saya pergi ke kampung-kampung melawat, saya tengok ramai bilangan murid-murid yang sepatutnya bersekolah tetapi bekerja di kantin sekolah. Bila saya tanya kenapa tidak sekolah, setakat mana setengah itu sampai Darjah 6 sahaja, setengah itu sampai Tingkatan 3 sahaja tidak dapat menyambung atas sebab-sebab yang pelbagai.

Saya minta Kementerian Pelajaran mengkaji ada atau tidak statistik tentang murid-murid yang tercicir daripada sistem persekolahan ini yang sepatutnya tidak berlaku lagi sekarang ini. Sebab kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan. Buku percuma, yuran percuma dan macam-macam lagi tetapi masih berlaku lagi. Masih ada lagi murid-murid yang tercicir yang tidak ada siapa pun peduli dan saya tidak tahu sama ada di Kementerian Pelajaran itu sendiri ada unit khas atau tidak. Kalau tidak ada saya cadangkan tubuhalah unit khas untuk mengesan murid-murid yang tercicir daripada sistem persekolahan ini. Sepatutnya negara kita ini murid mesti bersekolah selama 11 tahun. Maknanya daripada sekolah rendah sampailah dia tamat Tingkatan 5.

Kalau zaman saya dahulu tidak lulus darjah enam kita tidak naik Tingkatan Satu. Betul tidak? Tidak lulus Tingkatan 3 kita tidak naik Tingkatan 4 tetapi hari ini sepatutnya murid ini terus boleh belajar sampai Tingkatan 5 supaya apabila dia keluar daripada sistem persekolahan itu sekurang-kurangnya mereka ada 11 tahun bersekolah. Ini saya minta Kementerian Pelajaran kaji isu ini apa sebab masih berlaku keciciran dan apakah langkah-langkah dan tindakan yang perlu diambil.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis: Saya pohon untuk mencelah.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Saya berminat dengan isu ini kerana adalah menjadi perkara yang tidak logik kita dalam negara yang sudah 50 tahun merdeka dalam keadaan rakyat yang tidak ramai, tiba-tiba ramai pula pelajar kita yang tercicir. Jadi kalau untuk laporan kemajuan pelajaran anak kita setiap tahun ibu bapa akan terima buku rekod. Guru akan hantar.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat kalau saya cadangkan kepada pihak kerajaan agar setiap sekolah guru besar yang telah pun kita bayar gaji yang mahal dalam peningkatan gaji baru-baru ini, maknanya setiap tahun itu kalau kemasukan Darjah 1 seramai 5,000 orang, maknanya di akhir tahun Darjah 6 itu pihak kerajaan sepatutnya menerima laporan tentang berapa ramai pula yang menduduki peperiksaan UPSR. Begitu juga dengan sekolah menengah. Kalau Tingkatan 1 yang melaporkan diri untuk daftar Tingkatan 1 berapa orang, setelah lima tahun itu dapat pula laporan dan laporan ini mesti dibentangkan dalam Parlimen seperti mana laporan yang kita tengok pada hari ini. Kita dapat tengok buku yang tidak tahulah beratnya berapa kilo ini. Jadi kalau boleh kita tengok juga berapa ramai yang masuk, berapa ramai yang tercicir supaya bukan isu tercicir ini jadi kerana apa kemungkinan yang tercicir ini yang menyebabkan masalah kepada masyarakat dan ini sebenarnya dapat kita atasi. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw. Saya bangkitkan isu ini kerana pengalaman saya sendiri sebagai guru satu ketika dahulu. Ada cerita sedikit Tuan Yang di-Pertua. Semasa saya mengajar sekolah menengah Tingkatan 1, pertengahan tahun saya tengok ada seorang murid itu dia sudah tidak datang sekolah. Seminggu, dua minggu, sebulan, masuk bulan yang kedua guru besar itu mengarahkan saya, "*Awak pergi cari budak ini*", katanya. Saya pergi cari rumah dia. Jumpa emak dan ayah dia. Dia kata dia tidak dapat hendak hantar anak dia terus sekolah kerana hendak jaga lembu senang cerita.

■1520

Saya puji mak dan ayahnya itu, akhirnya budak ini masuklah ke sekolah semula. Dipendekkan cerita Tuan Yang di-Pertua, akhirnya murid ini berjaya, dapat masuk Universiti Malaya, jadi pengetua sekolah menengah, dah pencen pun sekarang ini. Ini tidak berlaku sekarang ini, saya rasalah. Tidak ada cikgu yang hendak pergi cari murid yang tidak datang sekolah ini dan seterusnya meninggalkan sistem sekolah.

Jadi minta Kementerian Pelajaran ambil berat tentang perkara ini. Kita menyediakan berbilion-bilion ringgit infrastruktur segala macam tetapi pengisiannya itu tadi. Kalau di Australia, tidak ada seorang pun yang terkeluar daripada sistem pendidikannya. Setiap murid yang keluar itu, dia *trace* ke mana dia pergi sehingga dia dapat cari dan masukkan balik dalam *mainstream*. Ada lagi masa Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat, bagi dalam tempoh dua tiga minit.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa akhir sekali saya ingin menyebut tentang Iskandar Malaysia. Koridor yang sedang membangun pesat di negeri Johor, tempat saya datang dan juga Senator Tuan Khoo Soo Seang, begitu juga Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

Pertama, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Pusat khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru melawat Koridor Iskandar Malaysia baru-baru ini yang ternyata sedang dimajukan dengan baiknya, segala-galanya berjalan lancar. Sebanyak RM77 bilion nilai *investment* yang telah di *commit* oleh pelabur-pelabur dan setakat ini RM43 bilion yang telah dilaksanakan.

Semua ini Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana iltizam dan *political will* yang ditunjukkan oleh Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri Johor untuk melaksanakan projek ini dengan jayanya yang boleh memberi impak ekonomi yang tinggi, bukan sahaja kepada negeri Johor bahkan juga kepada Malaysia seluruhnya. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Mohamad Ezam.

3.23 ptg.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan sahabat di Dewan Negara, wakil-wakil menteri dan kementerian.

Pertamanya saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2012 atau Bajet 2012 yang bertemakan, "Dasar Transformasi Nasional: Bajet membela rakyat, Mensejahtera negara" seperti yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Bajet kali ini memberi penekanan kepada lima fokus utama. Fokus pertama tentang – disebut tajuknya meligat pelaburan. Perdana Menteri dan Menteri Kewangan menghuraikan 12 langkah utama untuk mencapai matlamat meligat pelaburan ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini merujuk terus kepada langkah kedua yang disebut sebagai *second rolling plan*. Langkah ini merupakan penumpuan kepada projek-projek pembangunan berimpak tinggi dengan pengkhususan kepada menambah pertumbuhan ekonomi negara secara rancak. Peruntukan besar sebanyak hampir RM50 bilion diperuntukkan bagi tahun 2012 dan 2013 seperti yang disebut dalam bajet tersebut.

Antara projek utama, kalau boleh saya rujuk dalam teks perbahasan Menteri Kewangan tersebut ialah:

- (i) Projek Landasan Kereta Api Berkembar Gemas-Johor Bahru;
- (ii) projek Lebuhraya Pantai Timur Jabor-Kuala Terengganu, Lebuhraya Pantai Barat Banting-Taiping, Lebuhraya Segamat-Tangkak, Lebuhraya *Central Spine*, serta pembinaan jalan Kota Marudu ke Ranau; dan
- (iii) pembangunan semula Pangkalan Udara Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ramai teman-teman mengalu-alukan langkah yang tepat ini. Malah, semasa saya di United Kingdom baru-baru ini, saya sebagai rakyat Malaysia merasa bangga sebab kebetulan dalam satu forum di *BBC News*, seorang penganalisis ekonomi Britain, dalam forum tersebut secara terbuka mengkritik Kerajaan Britain dan membandingkannya dengan Kerajaan Malaysia dengan menyebut betapa perlunya Britain mengikut langkah Kuala Lumpur dan Dubai, kalau boleh dengan izin, memperlihatkan *a marvelous infrastructure* yang hebat yang perlu diikuti oleh United Kingdom.

Cuma, keperluan untuk memastikan pelaksanaan projek-projek besar ini dilakukan secara profesional, *transparent*, telus, penyertaan syarikat-syarikat bumiputera mesti jelas, syarikat-syarikat tempatan yang bukan bumiputera juga harus ada peranan, kalau dijemput syarikat-syarikat luar, apa rasionalnya. Ini semua mesti dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini. Kita tidak mahu ada unsur-unsur kronisme.

Saya ingin memperingatkan tentang bagaimana dulu ada Skim Kontraktor Wibawa yang di bawah Kementerian Kewangan yang secara langsung juga menumpukan kepada projek-projek infrastruktur. Pada masa itu, skim itu pada pertengahan 90-an di bawah Kementerian Kewangan. Kita boleh agak siapa Menteri Kewangan pada masa itulah. Saya ingat lagi sebab saya Setiausaha Politik Menteri Kewangan pada waktu itu. Projek di bawah Skim Kontraktor Wibawa, projek RM15 bilion. RM15 bilion pada tahun 90-an mungkin lebih kurang nilai kuasanya dalam RM50 bilion hari ini, jadi tidak ada beza.

Dalam program tersebut jelas tidak ada ketelusan, *no transparency*. Kontrak diberi *direct nego*, secara terus kepada hanya beberapa kerat syarikat. Saya sebutkan perkara ini sebab kita tahu Menteri Kewangan yang ada pada masa itu yang *sign* – semua kontrak-kontrak tersebut di *sign* oleh Menteri Kewangan pada masa itu.

Hari ini dia *round* satu Malaysia sebut tentang *transparency*, dengan izin, *we must have open tender* dan sebagainya tetapi pada masa itu hampir RM15 bilion *worth of project* dengan izin, kontrak diberikan hanya kepada 10 ke 15 syarikat-syarikat bumiputera daripada 2,000 syarikat bumiputera yang mendaftar. Hari ini dia *round* dia kata kita semua sama. Syarikat bumiputera syarikat saya, syarikat Cina syarikat saya, syarikat India syarikat saya. Pergi Sarawak dia kata syarikat Iban syarikat saya, syarikat Kadazan syarikat saya.

Akan tetapi saya hendak ingatkan dan ini fakta, boleh *check* dalam minit mesyuarat Kementerian Kewangan, tidak ada satu pun syarikat selain daripada syarikat bumiputera yang diberi dan syarikat bumiputera yang diberikan itu pun hanya 15 daripada 2,000 syarikat bumiputera. Maknanya kalau dalam 15 yang diberikan, dalam kontrak projek *worth* RM15 bilion, satu syarikat dapat dalam RM1 bilion sekurang-kurangnya. Ini *direct nego*, tidak ada ketelusan, tidak ada open tender.

Jadi saya ingin ingatkan perkara ini supaya kerajaan hari ini, kerajaan transformasi yang sedang berkuasa – itu beza itu. Ia bukan kerajaan reformasi atau kerajaan transformasi yang tidak ada kuasa. Dia bila ada kuasa dia tidak sebut transformasi, tidak sebut reformasi. Kita hari ini, kerajaan hari ini kerajaan yang ada kuasa dan sebut transformasi. Jadi dalam konteks membuat infrastruktur yang besar macam ini – ini besar, RM50 bilion untuk tahun 2012, RM50 bilion untuk tahun 2013, RM100 bilion hanya projek infrastruktur.

■1530

Saya rasa kita merasa terpenggil dan saya merasa bertanggungjawab dan juga tanggungjawab bagi Kementerian Kewangan bagi tampil dalam Dewan yang mulia ini untuk membentangkan secara terperinci. Bagaimana pelaksanaan dalam memastikan ketelusan dan tidak ada ketirisan, tidak ada unsur kronisme, nepotisme dan sebagainya dalam langkah kedua yang dilakukan dalam bajet kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fokus yang sama, meligat pelaburan ini juga, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menggariskan langkah ketujuh yang disebut oleh rakan saya tadi tentang penyenaian FELDA Global Ventures Holdings. Cita-cita penyenaian ini disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ialah supaya melahirkan sebuah syarikat yang berstatus *conglomerate global*. Syarikat *blue chip* perladangan yang akan merancakkan bukan sekadar syarikat, bukan sekadar FELDA tetapi Bursa Malaysia bagi menarik pelaburan dalam dan luar negara. Ada jaminan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dalam ucapan bajet yang dibentangkan baru-baru ini. Jaminannya bahawa hak dan faedah peneroka itu dipertahankan malah setiap peneroka akan menerima durian runtuh.

Jadi, sahabat saya sebelum ini ada sebut tentang ada kekusaran dan kebimbangan. Saya faham ia satu kekusaran yang ikhlas datang daripada seorang Ahli Dewan Negara yang kita kongsi bersama. Maknanya kita tidak mahu ada peneroka yang menjadi mangsa atas dasar-dasar baru yang dilakukan yang tidak memberi manfaat maksimum kepada orang-orang miskin mahupun peneroka. Kita faham itu. Namun saya juga ingin tegaskan. Ini komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajet. Maknanya ini bukan komitmen biasa. Ini komitmen seorang Perdana Menteri dan kebetulan Perdana Menteri ini juga merupakan anak kepada Perdana Menteri yang melahirkan FELDA.

Jadi, bagi saya mustahil dan tidak masuk akal sama sekali anak kepada seorang Perdana Menteri, yang hari ini menjadi Perdana Menteri yang membuat komitmen dalam Dewan yang mulia iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara baru-baru untuk memastikan hak dan faedah peneroka itu dipertahankan malah akan mendapat durian runtuh. Cuma persoalannya saya rasa dan boleh kata bukan rasa sahaja tetapi saya mendapat maklumat ada usaha sabotaj yang dilakukan oleh orang dalam FELDA. Mereka yang berkepentingan. Orang-orang besar FELDA.

Bila saya sebut orang dalam FELDA maksudnya bukan peneroka. Itu orang kecil FELDA. Ini orang dalam FELDA ialah orang besar FELDA. Bukan semua tetapi ada segelintir di kalangan mereka yang duduk di jawatan besar dalam Lembaga Pengarah FELDA dan sebagainya, yang berkepentingan, yang selama ini mengaut kepentingan untuk diri mereka, yang tidak selesa dengan penstrukturan dan langkah-langkah yang dilakukan yang jelas lebih menjurus kepada ke arah memperkasakan peneroka. Ini saya rasa harus dihentikan.

Kita seharusnya di Dewan Negara ini memberi satu signal dan amaran yang jelas kepada mereka. Kita akan mempertahankan hak peneroka sama dengan semangat yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet Kementerian Kewangan. Itu satu.

Kedua, saya mohon supaya siasatan dilaksanakan segera. Siasatan dalaman Lembaga Pengarah FELDA dan setiap jawatankuasa yang ada dalam FELDA itu dan juga luaran iaitu SPRM dan sebagainya. Masuk dan siasat hingga ke akar umbi, siapa mereka ini yang sabotaj, kerana apa? Ini kerana mereka memberi kesan kepada peneroka, kepada orang miskin, hanya kerana hendak mempertahankan kepentingan dua-tiga kerat mereka. Mereka bocorkan rahsia, beri maklumat kepada kelompok-kelompok yang mahu ambil *political capital*, modal politik jangka pendek, merosakkan FELDA, merosakkan nama baik FELDA, merosakkan imej FELDA dan akhirnya memberi kesan buruk kepada peneroka FELDA. Oleh sebab itu saya minta supaya siasatan dilakukan segera. Saya ingin tekankan segera sebab banyak siasatan dekat Malaysia ini tidak segera. *Maggie* mi sahaja segera di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut ini sebab soal segera ini sudah banyak kali. Saya rasa Dewan yang mulia ini pun sudah banyak kali Ahli Dewan Negara sebut tentang siasatan harus dilakukan. Contoh terbaru tentang satu lagi GLC iaitu MAS. Ini bukan GLC biasa. Ini aset negara. Banyak persoalan timbul dan mesti dijawab dan dijelaskan. Masih banyak yang tidak dijelaskan. Sebab apa, mengapa ia berlaku? MAS-AirAsia ini, mengapa dilakukan penuh rahsia? Mengapa sampaikan kita mendapat maklumat daripada Kesatuan Pekerja MAS yang besar, yang aktif dan dihormati itu, mereka pun tidak dirujuk sama sekali. Ini saya tekankan, ini bukan GLC biasa.

Ada laporan dibuat. Ada laporan polis pun dibuat. Ada usaha dilakukan, persoalan dibangkitkan daripada di tepi jalan sampai ke dalam Dewan yang mulia. Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Mengapa tidak ada satu perkara yang jelas, yang ada, yang ditampilkan? Kita merasa punya alasan untuk satu siasatan lagi. Siasatan serius yang dilakukan. Malah ada rekod yang menunjukkan sebelum saham MAS-AirAsia, contohnya digantung *transaction* di Bursa pada 7 Ogos 2011. Ini satu contoh sahaja. Dia ada banyak sebenarnya tetapi yang saya hendak tampilkan Dewan yang mulia hari ini satu contoh. Pada 7 Ogos 2011 - saham MAS-AirAsia digantung. Dua tiga minggu sebelum digantung iaitu 20 Julai 2011, ada *trend* kenaikan *upward trend price* harga saham AirAsia dan dalam masa yang sama ada *trend* yang sebaliknya. *Downward trend*, harga saham MAS yang menurun. Pada waktu yang sama sebelum ia digantung, baik.

Selepas digantung pada 9 Ogos 2011. *Trend* berubah, *trend* berubah. Harga MAS naik dan harga AirAsia merudum. Jadi, ia tidak tentunya berlaku secara kebetulan. Ada lagi yang ditampilkan bukti, bagaimana satu *portal news* iaitu *Malaysian Insider*. Dalam laporan pada 6 Ogos 2011 iaitu sehari sebelum saham digantung, mengeluarkan berita tentang hal ini. Hal saham AirAsia dan MAS dan *Malaysian Insider* ini hanya satu-satunya *portal news* ataupun *portal news*, satu – dan juga *mainstream news*. Semuanya digabungkan, semua tidak tahu melainkan *Malaysian Insider* yang membuat laporan ini. Mesti ada sebab...

Datuk Majjol Mahap: [Bangun]

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Apabila kita lihat yang menerajui *Malaysian Insider*...

Datuk Majjol Mahap: Saya ingin mencelah.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: ...Dan yang menerajui AirAsia adalah merupakan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun hendak mencelah.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Okey, okey, sila. Minta maaf, saya tidak perasan. Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Majjol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga sependapat. Saya pun merasa hairan apa rasional sebaliknya *share swapping* di antara AirAsia dan MAS sebenarnya. Apabila diumumkan bahawa MAS mendapat *share* daripada AirAsia dan sebaliknya AirAsia mendapat *share* daripada MAS. Apa yang saya lihat bahawa ini akan mewujudkan satu monopoli.

Anti competition oleh kerana monopoli *aviation* sekarang Tuan Yang di-Pertua, di antara AirAsia dan MAS ini, maka implikasinya ialah mereka dengan sewenang-wenangnya boleh menetapkan harga tambang sesuka hati mereka, sebab itulah tambang kian menaik, Tuan Yang di-Pertua. Kami yang tinggal di *East Malaysia* terpaksa bayar tinggi apabila datang ke Semenanjung ini dan sebaliknya juga apabila Semenanjung datang ke Sabah dan Sarawak ini.

Jadi yang menjadi masalah dan juga apa yang saya nampak di sini bahawa lantaran itu ada beberapa eksekutif yang tertinggi dalam MAS juga *resign*. Ketua Eksekutifnya *resign*. Eksekutif tertinggi yang lain pun *resign*. Jadi, seolah-olah di sebalik semua perkara ini. Jadi haruslah ada satu penyiasatan sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat dibuat oleh kerajaan terhadap ini. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat hanya membantu saya dan memberikan contoh-contoh bagaimana ada alasan untuk kita minta penjelasan. Ini masalahnya. Tidak ada penjelasan. Kita minta siasat. Saya dapat jawapan. Saya sendiri hantar satu soalan lisan kepada Dewan Negara untuk dijawab oleh pihak berwajib contohnya Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Mereka jawab dalam tarikh 7 Disember.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 9 Ogos – macam mana kita tahu semua, meterai semua, *share swap* semua. Akhirnya dia punya *conclusion*, kita sedang siasat.

Itu jawapan standard, sedang siasat. Ini 7 Disember. *Transaction* ini berlaku pada 9 Ogos. Saya faham kita perlu masa untuk siasat. Namun dalam masa yang sama, kita harus bezakan juga. Ini bukan syarikat biasa.

■1540

Ini syarikat berkepentingan awam, ini syarikat negara. MAS adalah maruah negara ini, jadi takkan tidak ada langsung rasa *the sense of urgency*. Apakah mereka tidak faham perkataan segera. Untuk apa? Bukan untuk hanya menjawab di Dewan Negara ini tetapi untuk mempertahankan maruah negara. Jadi, ini yang saya ingin tekankan dan saya minta sangat pihak berwajib tampil di Dewan Negara yang mulia ini untuk bukan datang dengan membawa jawapan standard, sedang dilaksanakan, siasatan sedang dibuat, kita akan bagi surat untuk jawapan dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua, dan ini konsisten.

Setiap persoalan yang membabitkan kepentingan awam perlu ada *the sense of urgency*, dengan izin, untuk disiasat penjelasan dibuat. Ini untuk negara. Kita punya bajet yang hebat, kita punyai Perdana Menteri yang saya jarang nampak dia tak kerja. Dalam negara, luar negara, balik Mekah terus pergi Amerika. Bekerja kuat tetapi kalau ini caranya pihak penguatkuasaan ataupun beberapa pihak tertentu mengambil enteng dan remeh dalam persoalan-persoalan yang membabitkan kepentingan negara.

Contoh baru ini tentang National Feedlot Corporation Sdn. Bhd, *soft loan* RM250 juta. Ini cerita lembu-lembu inilah. Ini juga salah satu contoh, ini membabitkan kepentingan awam. Yang diserang, keluarga seorang menteri. Saya bukan nak mempertahankan menteri dan sebagainya. Prinsip kita ialah keadilan dan salah satu daripada proses keadilan itu ialah penyiasatan segera. Orang yang dituduh ini juga harus dipertahankan maruah mereka. Kalau yang dituduh ini tak betul tuduhannya, bayangkan berbulan seluruh keluarga mereka dimomokkan. Apa persoalan? Sebab itu siasatan segera dan sampai hari ini yang kita dengar sedang siasat. Ada juga beberapa aktor-aktor utama yang *round* satu Malaysia menceritakan tentang hal ini kononnya seolah-olahnya punya fakta dan sebagainya.

Sampai hari ini ada yang masih tak dipanggil polis, jadi seolah-olah mereka dah punya *authority*. Jadi, ini bagi saya yang perlu ditekankan dan saya konsisten termasuk kes video baru-baru ini, juga harus siasat segera. Video itulah, ini bukan video biasa. Ini video luar biasa membabitkan pemimpin negara. Saya tak adalah nak kata betul orang itu walaupun saya bekas setiausaha politiknyalah. Ada Senator baru angkat sumpah lagi lama kawan dengan dia, 30 tahun. Akan tetapi yang saya nak rujuk ialah laporan forensik dari dalam negara dan luar negara yang telah buat laporan bawa ke mahkamah pun mengatakan bahawa 99.9 peratus dengan izin, merupakan orang itu.

Mengapa masih berlegar-legar lagi, apa siasatan? Apa tindakan dibuat dan ini membabitkan maruah negara. Tolak tepi persoalan dia, dia Ketua Pembangkang, Pembangkang Parlimen Malaysia bukan Parlimen Pembangkang.

Kalau jadi Ketua Pembangkang, Parlimen pembangkang tak apalah, ini Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia. Jadi, pihak yang berkuasa saya mohon supaya siasatan dibuat.

Balik kepada soal FELDA Global Ventures ini. Saya tekankan, harus ada juga siasatan dilakukan dan saya ingin tekankan sebab ini menjadi fokus utama bajet Menteri Kewangan kali ini. Hanya 12 sahaja langkah dalam meligatkan pelaburan itu, fokus pertama itu. 12 sahaja langkah dan salah satu langkahnya ialah FELDA, penyenaiaan FELDA. Sebab itu siasatan harus dilakukan. Apakah kita tak belajar dengan satu demi satu laporan audit yang dibentangkan hujung tahun, yang hanya kita tahu ada penyelewengan beberapa kelompok kecil sahaja, bukan semua pegawai kerajaan.

Ini macam kes FELDA, bukan peneroka, bukan pegawai-pegawai FELDA yang gigih dan dedikasi ini. Satu dua kelompok sahaja tapi takkan kita nak tunggu sampai hujung tahun, ada Laporan Audit baru kita tengok ada penyelewengan. Masa itu peneroka pun dah merempat, jadi tak boleh.

Jadi, saya ingin tekankan sekali lagi bahawa siasatan segera, tindakan segera harus diambil dan siapa juga yang melakukan kesalahan menurut undang-undang negara harus diambil hukuman yang tegas. Tuan Yang di-Pertua, fokus bajet yang pertama iaitu meligat pelaburan ini juga menyentuh tentang menggalakkan sektor pelancongan. Ini langkah nombor 11. Saya rasa ini satu pengiktirafan kepada usaha Kementerian Pelancongan dan juga sebagai satu pengiktirafan terhadap realiti dunia hari ini, sektor perkhidmatan yang mana sektor pelancongan merupakan salah satu daripada bahagian penting sektor perkhidmatan. Itu merupakan aktiviti utama ekonomi dunia.

Dalam kes KDNK negara ini, hampir 60 peratus daripada keluaran KDNK negara datang daripada pelancongan. Ini memperlihatkan bagaimana ada sikap yang serius, kepekaan daripada Menteri Kewangan dan kerajaan dan langkah yang tepat yang diambil dan memasukkan sektor pelancongan ini sebagai salah satu daripada sektor yang penting dalam fokus bajet meligat pelaburan. Cuma kadang-kadang kita nak bagi tahu, kita sedikit terganggu. Bila dengar pelancongan ini kadang-kadang projeknya dan aktivitinya, belanja besar-besar, ada unsur-unsur pembaziran saya rasa. Yang terbaru yang kita dengar, pengendalian *Facebook*, belanja sampai dekat RM2 juta yang pada hemat saya lebih menjurus kepada pembaziran.

Sebab itu saya menuntut supaya Kementerian Pelancongan memberikan komitmen dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam masa menghargai pengiktirafan Perdana Menteri dan fokus Perdana Menteri meletakkan pelancongan sebagai salah satu daripada langkah utama, kementerian itu sendiri harus juga punya tanggungjawab dan komitmen serius untuk memastikan tiada unsur-unsur pembaziran dan saya minta biar menteri itu datang sendirilah, Menteri Pelancongan.

Semenjak saya jadi senator ini saya tak pernah nampak lagi kelibat dia dalam Dewan Negara ini. Saya faham dia *round* negeri, selalu pergi luar negara tapi jangan lupa dalam negaralah dan apatah lagi jangan lupa Dewan Negara. Nanti parah dia nanti. Jadi, baik kita cakap terang-terang dan kita datang kita nak dengar penjelasan daripada menteri itu sendiri, sebab apa, sebab ini langkah utama.

Dalam berpuluh kementerian yang ada di Malaysia ini, dalam 12 langkah utama Bajet Malaysia, hanya pelancongan yang diterajui oleh Kementerian Pelancongan yang disebut secara jelas oleh Menteri Kewangan.

Jadi, saya rasa janganlah hantar timbalan menteri datang. Bukan tak nak dengar timbalan menteri tapi nak dengar jugalah Menteri Pelancongan, ini kita tengok dekat TV sahajalah. Kalau rakyat Malaysia yang lain tengok dekat TV tak apalah, ini kita Ahli Dewan Negara pun kena tengok TV juga nak tengok menteri. Itu pelik sikitlah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak ambil masa panjang. Saya cuma ingin menggulung perbahasan ini...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tan Sri, boleh celah sikit?

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Ya, ya. Sila.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tadi Yang Berhormat kata segera. Dalam kes video Anwar Ibrahim dengan Cina, seks itu, yang mendakwa tiga orang itu disegerakan hukuman dan telah dijatuhkan hukuman tapi Anwar sendiri tak didakwa. Kenapa? Apa sebab pada fikiran Yang Berhormat?

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat. Itu saya tak sebut nama dia, Yang Berhormat sebutlah. Saya hanya mengutip forensik Amerika Syarikat dan dalam negara yang sebut dia. Tanya saya, tindakan saya, kalau saya polis, saya tangkaplah. Akan tetapi saya bukan polis, saya Ahli Dewan Negara sahaja, jadi saya bercakaplah dalam Dewan Negara minta pihak berkuasa tangkap kalau cukup bukti, siasatan jelas. Tanya saya, cukup. Kalau dah forensik kata 99.9 peratus, *you nak refer* siapa? Mahkamah semalam pun ada. Saya tak nak sebut sebab saya tak nak prejudis di Dewan yang mulia ini tetapi mahkamah dalam kes yang lain juga ada perkara-perkara, kenyataan-kenyataan yang disebut oleh barisan peguam sebelah dia juga sendiri yang menjurus ke arah perkara yang sama.

Maknanya, cukup asas dan alasan untuk tindakan diambil. Jadi, macam Yang Berhormat sebut tadilah, ada yang lain yang keluar dok sebar video itu kena dah tapi aktor utama tak kena. Jadi, orang ketawa dekat kita, orang bukan ketawa dekat aktor itu. Orang akan ketawa dekat Malaysia, negara ini. Apakah kerana kita takut dituduh konspirasi dan sebagainya, maka kita tak nak ambil tindakan? Kalau kita benar dan kebenaran kita, fakta kita ini berasas. Ada asasnya, bukan setakat yang mengedar itu sahaja sebut tapi kita dah hantar dah kepada forensik dalam negara dan luar negara. Jadi, saya rasa harus ada tindakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya...

■1550

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat cuba menjawab tetapi tidak boleh jawab, gagal. Bukan dia gagal sebab apa tetapi dia tidak ada kuasa. Jadi nanti dalam jawapan Yang Berhormat Menteri saya tuntutan penjelasan yang wajar, yang jelas, yang transparan, komprehensif lagi, apa lagi, lengkap, tepat, padat, segera dibuat oleh Menteri berkenaan, setuju? Tepuk sedikit... [Tepuk] Okey.

Tuan Mohd Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum itu, saya cuma hendak bagi peringatan *caution*, dengan izin. Cakap itu boleh tetapi jaga-jaga sedikit, jangan sentuh benda yang ada di dalam mahkamah sekarang kerana takut *sub judice*. Saya minta jaga-jaga sedikit *you* punya supaya nanti tidak dijadikan isu oleh pihak yang berkenaan. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Mohd Ezam bin Mohd. Nor: Baik, baik Tuan Yang di-Pertua. Bab-bab jaga itulah saya tidak jawab panjang. Kalau ikut saya hendak jawab lagi 30 minit. Jadi sekarang saya gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang lagi Yang Berhormat. Yang bangun itu.

Tuan Mohd Ezam bin Mohd. Nor: Baik, sila.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat sebut berhubung dengan pelancongan yang mana Menteri tidak pernah hadir di dalam Dewan ini untuk menjawab soalan. Saya juga terpanggil untuk menyatakan bahawa kalau dilihat daripada laporan Audit Negara, banyak perkara-perkara yang melibatkan ketirisan yang berlaku di dalam kementerian tersebut. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Adakah kita boleh terus membenarkan Yang Berhormat Menteri tidak payah masuk Dewan ataupun hanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang jawab? Tadi saya pernah tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini adakah dia selalu keluar negara, dia kata dia jaga dalam negara. Yang Berhormat Menteri sahaja yang keluar negara. Jadi saya pun rasa curiga juga. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohd Ezam bin Mohd. Nor: Saya setuju kita harus bagi signal yang jelas kepada semua pihak sebenarnya tetapi dalam kes ini kita bukan ada masalah personal, peribadi dengan Yang Berhormat Menteri Pelancongan tetapi kerana ia disebut secara langsung dan merupakan langkah utama bajet kali ini. Oleh sebab itu ada alasan untuk kita lihat kelibat Yang Berhormat Menteri Pelancongan menjawab dan memberi komitmen dan janji kepada Dewan yang mulia ini bahawa pengiktirafan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu disambut baik dengan komitmen yang jelas dalam Dewan Negara ini. Itu yang kita minta.

Kedua, tentang ada memang banyak pembaziran seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb tadi, ya sebab Kementerian Pelancongan ini memang payah kita hendak *check and balance* itu. Dia bukan macam kementerian yang lain. Dia *spend*, dia belanja sahaja sebab hasilnya itu datang daripada cara yang lain, daripada pelancongan dan sebagainya. Jadi ada *tendency* yang lebih mudah untuk berlaku *overspending* yang bermaksud pembaziran. Oleh sebab itulah kita merasakan keperluan untuk Yang Berhormat Menteri itu sendiri hadir dan menerangkan secara terperinci langkah-langkah kementerian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin menggulung sedikit perbincangan ini dengan mengutip atau memetik sebahagian daripada penggulangan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan itu sendiri dalam penggulangan beliau, beliau memetik satu ayat Al-Quran surah Al-Hajj... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Janganlah biarkan harta itu berlegar-legar di kalangan orang-orang yang kaya di kalangan kamu. Ini disebut secara jelas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dalam Bajet. Ini merupakan satu komitmen jelas daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang prinsip keadilan sosial yang telah jelas dinyatakan dalam Al-Quran dan dipertegaskan di dalam ucapan bajet Menteri Kewangan.

Bagi saya kita perlu memberi sokongan padu dan penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ini yang jelas berani memberikan komitmen dengan mengutip dan memetik ayat Al-Quran itu sendiri untuk menjamin bahawa keadilan sosial bukan hanya yang kaya, tetapi yang sederhana, yang miskin semua mendapat merasakan manfaat daripada Bajet kali ini.

Cuma kadang-kadang di peringkat pelaksanaan dan peringkat penguatkuasaan itu pun banyak Senator-senator lain sebut. Ada kita sedikit gusar banyak sangat berlaku pelaksanaan penguatkuasaan malah baru-baru ini pun kita tengok *Corruption Perception Index* yang dihebahkan baru-baru ini pada hari pertama Dewan Negara ini bermula sebenarnya yang merupakan satu berita buruk bagi negara. Indeks kita tidak meningkat malah sedikit ke bawah. Kita faham dan kita mengakui peranan yang dibuat oleh SPRM tetapi kita juga merasakan keperluan untuk banyak lagi perkara-perkara yang harus dipertingkatkan dari segi penguatkuasaan dari segi persepsi melawan rasuah itu benar-benar dapat dipertingkatkan. Ada banyak cadangan daripada teman-teman supaya antara langkah yang patut diambil untuk diberikan kuasa kepada SPRM untuk bukan sekadar menyiasat malah mendakwa kes-kes rasuah ini.

Saya berdiri di sini juga ingin bersama dengan teman-teman untuk menyokong cadangan itu dan kita juga mohon supaya ada penjelasan yang jelas yang dilakukan oleh pihak yang berwajib dalam melaksanakan cadangan ini. Dalam pada itu seperti yang saya pernah sebut di dalam Dewan yang mulia ini, usaha lawan rasuah ini bukan usaha kecil malah kalau ikut Hadis riwayat Tarmizi jelas mengatakan bahawa Rasulullah sendiri menyebut bahawa cabaran bagi umatku bahawa sekarang ini adalah cabaran harta.

Cabaran rasuah jadi ianya cabaran besar ianya bukan cabaran politik, jangan dipolitikkan. Jangan jadi macam orang itu dia duduk Yang Berhormat Menteri Kewangan semua okey, keluar tidak jadi Menteri Kewangan semua tidak okey. Duduk Menteri Kewangan semua *sign* tanpa tender, keluar *round* hendak *transparency*, kata kerajaan rasuah dan sebagainya. Ini maknanya mempolitikkan persoalan rasuah. Rasuah bukan soalan politik. Jadi dalam masa kita *mengharapkan* ada usaha yang lebih kuat, lebih tegas daripada SPRM dan kerajaan.

Akan tetapi dalam masa yang sama juga kita harus akur bahawa ini bukan kerja yang senang, ini satu cabaran yang besar. Justeru saya mengajak semua di kalangan kita daripada mana-mana parti pun dalam hal rasuah ini kita bersama-sama.

Jadi Tuan Yang di-Pertua dalam kita melihat dan membahaskan bajet kali ini saya dapat merasakan hampir semua yang berucap sebelum ini bersetuju bahawa bajet ini merupakan bajet yang serius, bajet yang melambangkan kegigihan seorang Perdana Menteri, maka saya rasa adalah wajar dan adil untuk kita memberi sokongan yang penuh, mengucapkan tahniah dan syabas kepada beliau Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dewan yang mulia ini memberikan sokongan penuh kepada bajet yang komprehensif ini supaya akhirnya ianya memberikan manfaat kepada seluruh negara dan rakyat ini. Saya pohon menyokong. Sekian.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Lee Cheam Choon.

3.58 ptg.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya dalam perbahasan Bajet 2012. Tuan Yang di-Pertua, dunia sekarang berada di dalam ketidaktentuan ekonomi ekoran daripada krisis *Euro Zone* dan juga krisis hutang negara di Amerika Syariat yang dijangka akan mengambil masa untuk diatasi.

Dalam keadaan dunia yang sedemikian, isu keselamatan bekalan makanan negara menjadi semakin penting dan perlu diberi perhatian yang serius oleh kerajaan. Makanan adalah bahan keperluan asas dalam kehidupan manusia. Keperluan individu terhadap bahan makan menjadikan sebagai barang komoditi yang amat bernilai malah nilainya menjadi semakin tinggi apabila kita mengambil kira soal keamanan, keselamatan dan kedaulatan negara. Tanpa bekalan makanan yang mencukupi dan keupayaan untuk mendapatkan secara konsisten maka sesebuah negara boleh terdedah kepada ancaman kekurangan bekalan makanan dan kemungkinan bahaya yang boleh menjejaskan kemampuan mereka untuk hidup dan seterusnya mengugat keselamatan negara tersebut.

Seperti di kebanyakan negara Asia, beras merupakan makanan ruji penduduk negara kita. Menurut perangkaan agro makanan 2010 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tahap penggunaan beras kapital di negara kita adalah 7.6 kg setahun pada tahun 2010. Akan tetapi, tahap sara diri beras di negeri kita pada tahun 2010 adalah sebanyak 71.4 peratus. Ini bermakna 28.6 peratus keperluan emas diimport dari negara-negara pengeluar beras seperti Thailand dan Vietnam. Apabila Thailand dilanda banjir baru-baru ini, kita beralih kepada Vietnam dengan mengimport beras dari negara tersebut untuk memenuhi keperluan negara kita.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar bahawa kebergantungan berterusan sesebuah negara kepada beras yang dihasilkan oleh negara lain adalah satu perkara yang berbahaya terutamanya dalam suasana ekonomi global yang mencabar seperti apa yang sedang dihadapi dunia pada ketika ini. Walaupun dari sudut ekonomi terutamanya dari konsep *comparative advantage* dengan izin, kos mengimport beras adalah jauh lebih murah dari kos menghasilkan sendiri, namun, kita harus tetap berusaha untuk meningkatkan tahap sara diri beras pada tahap 100 peratus demi memastikan bekalan yang mencukupi untuk rakyat kita dan kedaulatan negara kita tidak tergendai jikalau berlaku darurat dan terputusnya bekalan beras dari luar negara.

Malah, jika mampu, kita seharusnya berazam untuk menjadi pengeksport beras memandangkan bahawa komoditi beras adalah makanan asasi bagi kebanyakan negara Asia dan permintaan terhadapnya akan terus wujud selagi wujud manusia di atas muka bumi ini. Kita seharusnya meningkatkan keupayaan kita untuk menghasilkan beras yang berkualiti pada kos yang rendah...

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lee Cheam Choon: Ya, terima kasih. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari pihak kementerian. Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak kementerian terutamanya dalam bidang penyelidikan untuk meningkatkan penghasilan padi per hektar dan pada kos yang berpatutan? Seperti yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator dari Johor iaitu Yang Berhormat Ahmad Yusop, telah mengatakan kenapa tidak dibekalkan benih padi yang lebih tinggi mutunya, yang lebih berproduktiviti kepada penanam padi?

Cabaran kepada kita adalah untuk menghasilkan beras yang mencukupi untuk kegunaan tempatan pada kos yang lebih rendah agar keperluan untuk mengimport beras dari negara lain dapat terus diminimumkan. Menurut *World Population Clock*, jumlah penduduk dunia telah mencapai tahap tujuh bilion pada Oktober lalu. Dengan perubahan iklim dan cuaca dunia yang drastik sejak sedekad yang lalu, adalah satu langkah yang bijak sekiranya kita terus berusaha untuk meningkatkan pengeluaran padi dan beras agar mencapai tahap sara diri beras negara sehingga 100 peratus.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa Perangkaan Agro Makanan 2010 menunjukkan bahawa tahap sara diri beras pada tahun 2005 adalah 80.6 peratus, tetapi ini telah merosot kepada 71.4 peratus pada tahun 2010. Perangkaan juga menunjukkan bahawa terdapat tanah sawah yang terbiar sebanyak 15,546 hektar di Semenanjung dan 8,212 hektar di Sabah dan Sarawak pada tahun 2009. Ini menjadikan keseluruhan tanah sawah yang terbiar di negara kita seluas 23,758 hektar.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, mengapakah tanah sawah seluas ini dibiarkan terbiar tanpa usaha untuk mengerjakannya? Apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan keadaan ini dan apakah usaha-usaha terkini dan strategik pihak kementerian untuk mencari penyelesaian kepada keadaan yang sedemikian?

Tuan Yang di-Pertua, menurut Perangkaan Agro Makanan 2010, tahap sara diri beras bukanlah satu-satunya komoditi yang tidak mencapai tahap sara diri penuh negara. Tahap sara diri bagi sayur-sayuran adalah lebih rendah lagi iaitu 41.2 peratus pada tahun 2010. Tahap sara diri buah-buahan pula adalah 65.8 peratus pada tahun 2010. Ini bermakna negara mengimport 58 peratus keperluan sayur-sayuran dan 34.2 peratus keperluan buah-buahan pada tahun 2010.

Saya ingin menyarankan bahawa kementerian mengambil langkah-langkah yang proaktif dan agresif untuk meningkatkan tahap sara diri sayur-sayuran dan buah-buahan negara agar ianya melebihi 80 peratus dari keperluan negara. Sudah terlalu lama kita mengimport sayur-sayuran dan buah-buahan dari negara lain dan sudah sampai masanya kita menyediakan program-program pertanian yang mampu meningkatkan penghasilan sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan. Ianya bukan sahaja akan mengurangkan kebergantungan bekalan daripada negara-negara lain. Ini akan memperbaikiimbangan perdagangan bahan makanan yang berada dalam defisit sejak enam tahun yang lalu.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa kementerian memulakan semua kempen untuk rakyat makan buah-buahan tempatan dan menyediakan program-program untuk penanam sayur-sayuran...

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang Berhormat, saya hendak tanya tentang padi sedikit boleh tidak? Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya cuma dua. Saya cadangkan supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani meneruskan untuk memberi *matching grant*. Maksudnya untuk petani-petani membeli Kubota, mesin tanam padi, alat penyembur benih dan alat-alat yang berkenaan dengan pertanian penanam padi diteruskan. *Matching grant* itu maksudnya begini. Kalau kubota itu berharga RM10,000, kerajaan bayar RM5,000 dan petani bayar RM5,000, itu telah pun dijalankan. Kalau boleh, diteruskan. Saya dengar kata ada ura-ura hendak dihentikan. Itu yang pertama.

Kedua, Pusat Mekanisasi Peladang. Semua negeri ada. Jadi saya minta, saya cadangkan supaya jentuai padi, traktor, lori diberi geran supaya Pusat Mekanisasi Peladang ini dengan adanya peralatan tadi Yang Berhormat, dia merendahkan untuk upah petani menjalankan pertanian. Sekian, terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Lee Cheam Choon: Saya memang setuju kepada apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi kerana segala usaha paya untuk meningkatkan produktiviti padi patutlah dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita merasakan tahap sara diri negara bagi sayur-sayuran dan buah-buahan adalah rendah, menurut Perangkaan Agro Pemakanan pada tahun 2010, tahap sara diri bagi daging lembu, kerbau di negara kita adalah lebih rendah lagi iaitu 28.6 peratus pada tahun 2010.

■1610

Malah tahap sara diri bagi daging kambing dan biri-biri adalah lebih jauh rendah lagi 10.6 peratus pada tahun 2010. Ini bermakna kita mengimport 71.4 peratus daging lembu, kerbau dan 89.4 peratus daging kambing dan biri-biri pada tahun 2010. Kita sedia maklum bahawa pihak kementerian telah menyediakan RM250 juta untuk Pusat Fidlot Nasional (NFC) untuk meningkatkan tahap sara diri bagi bekalan daging lembu, kerbau di negara kita.

Saya ingin mendapatkan penjelasan secara terperinci dari pihak kementerian mengenai pencapaian projek ini secara jangka panjang dan adakah kementerian bersedia untuk memberi jaminan bahawa projek NFC ini akan dapat mencapai sasaran pengeluaran 60,000 ekor lembu menjelang 2015 dengan peruntukan sebanyak RM250 juta ini? Apakah tahap sara diri bagi bekalan daging lembu atau yang dijangka akan dapat dicapai dalam tempoh lima tahun yang akan datang? Juga memandangkan bahawa peruntukan RM250 juta ini merupakan pinjaman kepada syarikat yang telah diamanahkan, bilakah kementerian menyangka akan mendapat balik bayaran pinjaman yang telah pun dikeluarkan kepada syarikat tersebut.

Laporan Ketua Audit Negara juga ada menyebutkan bahawa pengeluaran baki wang pinjaman mudah berjumlah RM115 juta telah ditangguhkan kerana Kementerian Kewangan membuat keputusan untuk menangguhkan projek ini sehingga kajian *viability* dan *business model project* dilaksanakan. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan juga dari kementerian, apakah anggaran masa yang akan diambil untuk menyiapkan kajian tersebut? Adakah laporan kajian tersebut akan diumumkan?

Tuan Yang di-Pertua, jumlah import bahan-bahan makanan pada tahun 2005 adalah RM17.7 bilion. Pada tahun 2006 RM 19.9 bilion, 2007 RM23.3 bilion, 2008 pula RM27.8 bilion dan 2009 adalah RM26.7 bilion dan enam bulan pertama 2010 mencatat jumlah RM14.6 bilion. Jelas sekali jumlah import bahan makanan ini meningkat setiap tahun. Saya benar-benar berharap agar pihak kementerian memberi perhatian yang serius mengenai isu keselamatan makanan.

Bekalan bahan-bahan makanan ini kerana keadaan ekonomi global yang tidak menentu pada masa ini benar-benar memaksa kita untuk mengambil langkah yang drastik demi untuk memastikan keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara kita. Sekiranya negara seperti Taiwan boleh menjadi pengeksport pengeluaran bahan-bahan makanan dengan tanah dan sumber yang terhad, maka kita seharusnya boleh menjadi lebih baik dengan tanah yang subur dan sumber yang pelbagai. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu. Selepas itu, minta bersedia Yang Berhormat Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam.

4.14 ptg.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan rasa berterima kasih dan penghargaan yang tidak berbelah bagi di atas kesetiaan Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang untuk membahaskan Bajet 2012 serta membuat cadangan bersesuaian di mana perlu demi menambah kebaikan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menuju kepada sebuah negara berpendapatan tinggi atau *high income nation* dengan izin, dan menjadi sebuah negara maju, seyogianya diingatkan bahawa perkara atau dasar dan pelan kerajaan yang hendak dijayakan mestilah berterasa kepada kejujuran dan tiada pelanggaran terhadap undang-undang serta prinsip hidup beragama di negara ini. Janganlah hendaknya lain yang dicakap, lain yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang membimbangkan kita ialah mengenai hutang negara pada masa ini yang boleh dianggarkan melebihi RM450 bilion yang mana ini akan boleh menyebabkan negara ini bankrap di masa hadapan.

Kita tidak mahu negara ini terjebak dalam kancah yang sama dengan negara-negara di Kesatuan Eropah seperti di Greece, Itali, Ireland, Sepanyol serta Portugal. Jika dibandingkan dengan negara Amerika, negara-negara EC sangat suka untuk bangkit semula dalam pemulihan ekonomi mereka. Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengambil iktibar dari peristiwa kewangan ini.

Masalah Eropah adalah berbentuk tiga *dimensional* iaitu masalah perbankan, krisis *growth and competitiveness* dengan izin, dan krisis fiskal. Setiap satu di antaranya mempengaruhi sesama sendiri dan Kesatuan Eropah tertakluk kepada satu mata wang. Oleh itu, dengan izin, "*No state in Eurosphere can devalue, print money or unilaterally move its interest rate and there are limit place on excessive deficit. Flexible Euro will not in itself solve Europe's growth crisis, sustained long term growth will come only from exporting more to the rest of the world*", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan kewangan mereka dalam dunia globalisasi secara tidak langsung tempiasnya kita juga rasai. Oleh itu saya ingin menyarankan bahawa kita hendaklah berbelanja dengan secara lebih berhemah lagi dan berbelanja dengan kemampuan yang ada. Janganlah kita terlalu optimistik dengan pendapatan yang ada pada hari ini kerana ekonomi dan kewangan dunia sentiasa berubah dan perkara yang malangnya ialah berubah ke arah kemelesetan.

Tuan Yang di-Pertua, saban tahun kita disajikan dengan Laporan Ketua Audit Negara. Persoalan yang timbul ialah kenapakah tiada tindakan diambil terhadap mereka yang terlibat dalam menentukan perbelanjaan negara yang mereka menggunakan kedudukan mereka demi kepentingan sendiri yang mana jerung selalunya terlepas daripada tindakan undang-undang. Kita berasa kasihan kerana jika ia dilakukan oleh mereka yang berstatus ikan bilis, maka tindakan daripada pihak kerajaan dan undang-undang begitu laju sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pihak SPRM juga dengan pantas mengambil tindakan undang-undang dan mengarah penyiasatan dijalankan dengan segera. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ia akan mengambil masa yang lama untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang mempunyai status tinggi dalam kerajaan mahupun dalam politik.

■1620

Apakah mereka dari kumpulan elit ini akan kebal daripada tindakan segera atau apakah jika pihak yang mendakwa melakukan kesilapan maka pihak kerajaan akan menanggung kerugian, disaman semula dan menanggung malu kemudiannya. Rakyat pada hari ini tahu menilai setiap gerak geri sesuatu perlakuan dan pembabitan sesuatu projek yang melibatkan wang mereka sebagai pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita dikejutkan dengan Laporan Audit Negara mengenai dengan *National Feedlot Centre* walaupun pihak PDRM mengatakan bahawa tidak terdapat unsur *criminal breach of trust* dengan izin atau pecah amanah dalam urusan NFC tetapi pihak PDRM akan tetap memanggil Menteri berkenaan untuk disoal siasat. Tuan Yang di-Pertua, PAC ataupun *Public Accounts Committee* dengan izin, dalam laporannya mengenai NFC mengatakan dua perkara iaitu *mismanagement* dan *miscoordination* di mana pengerusinya mengatakan dengan izin *something must not be right if all agencies are like this. This type of problem has occur repeatedly for years since the PAC conducted its hearings*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diingat bahawa *miscoordination* dan *mismanagement* adalah dua perkara yang undang-undang kita di bawah Akta Syarikat 1965 tidak mengambil kira melainkan jika ada unsur *negligence* atau kecuaiian. *No one is liable under Companies Act for bad management*, dengan izin. Prinsip undang-undang ini tertulis di dalam semua teks undang-undang syarikat serta dalam peruntukan Akta Syarikat 1965. Tuan Yang di-Pertua, tetapi rakyat merasakan urusan dalam NFC itu ada yang tidak kena di mana pemilihan kondominium mewah tidak setara dengan timbal balik dengan keuntungan yang sepatutnya dijana. Banyak isu di dalam kontroversi NFC ini masih menjadi tanda tanya rakyat. Hal demikian sedikit sebanyak mencabar kewibawaan pemerintahan Barisan Nasional yang ada pada hari ini. Mampukah pemikiran rakyat di tuil ke arah positif jika kejadiannya memberikan imbasan negatif?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum isu NFC kita juga telah dikejutkan dengan isu PKFZ di mana projek ini dikira telah meranapkan sejumlah besar wang rakyat dan hari ini kes ini masih lagi berjalan di mahkamah. Kita tidak akan menuduh soal siapa yang akan disabit kesalahan jika ada tetapi persoalannya ialah bagaimanakah perkara begini besar boleh terlepas dari pandangan mereka yang bertanggungjawab dalam menentukan sesuatu projek itu hijau atau merah. Hari ini setelah projek PKFZ terbengkalai dan merugikan, kerajaan memutuskan ia merupakan satu projek yang tidak lagi *viable* untuk diteruskan dan diselamatkan atau alasannya tidak memberikan sebarang keuntungan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kenapakah ia tidak diputuskan tidak menguntungkan sebelum projek itu dijalankan. Bukankah setiap projek mega, *feasibility studies* sesuatu projek itu perlu dijalankan? Jika kita masih tidak belajar dari peristiwa-peristiwa yang lepas maka pihak kerajaan akan terus melakukan kesilapan yang seterusnya merugikan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan pemberian tender secara terbuka masih lagi kabur dan rakyat menuntut supaya kelangsungan kepada isu *transparency* pemberian tender ini hendaklah diuar-uarkan dengan sejelas-jelasnya dan tiada terdapat unsur nepotisme dan kronisme. Mungkinkah kedua-dua isu terakhir tadi menjelma dalam bentuk lain yang hanya difahami oleh kumpulan yang tertentu sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya sistem *procurement* kerajaan hendaklah dikaji semula dan setiap tender hendaklah diberikan secara terbuka dan setiap perkara hendaklah diketahui oleh semua orang yang terlibat dan pemberian kontrak hendaklah diberikan kepada mereka yang dapat menawarkan harga yang paling rendah sahaja setara dengan kualiti yang dikehendaki. Setiap penender kontrak yang membekal dengan pihak kerajaan hendaklah didaftar semula dan mereka yang tidak layak mestilah digurukan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin tarik perhatian ialah...

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang Berhormat, saya minta laluan sedikit, boleh tidak?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar ada satu ayat Yang Berhormat. Tender bagi kepada yang terendah. Itu ya. Jadi, saya hendak cadangkan. Mungkin pihak kementerian merasa atau jabatan merasa terendah itu bagus tetapi mungkin dia tidak dapat hendak dilaksanakan disebabkan kos itu rendah. Dia takut nanti tidak berjaya. Kemudian, saya cadang kepada Yang Berhormat, kita beri pada rendah, yang rendah tetapi kita minta kontraktor tadi, penender tadi, memberi surat akuan mengatakan bahawa apa sahaja yang berlaku, saya atau syarikat bertanggungjawab. Itu satu, makna mengikat. Kalau dia rugi, dia rugilah Yang Berhormat. Itu maksud saya. Jadi, komitmen dia sebab rendah itu sudah okey sudah. Saya amat setuju yang terendah tetapi kena bagi komitmen sama. Kedua Yang Berhormat, pada pandangan saya, masa dia. Masa yang sesuai. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan cadangan atau pandangan Yang Berhormat berikan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya tarik perhatian ialah kepada permasalahan pendatang asing atau haram dan kewarganegaraan palsu di Sabah. Hari ini jumlah mereka terlalu tinggi untuk sesebuah negeri terutama bagi Sabah. Apakah tindakan yang perlu diambil untuk menyelesaikan masalah ini? Pada hemat saya, pihak kerajaan perlulah membentuk satu badan suruhanjaya diraja menyiasat hingga ke akar umbi permasalahan ini. Hari ini kita dipaparkan tindakan ganas dan pelbagai lagi taktik jahat pendatang asing ini mendatangkan kecederaan dan ketakutan kepada warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan tindakan tegas mestilah terus diambil terhadap mereka di mana terdapat keraguan di dalam dokumentasi atau *statutory declaration*, dengan izin, maka hendaklah terus dibatalkan kehadiran mereka. Buktikan sistem biometrik yang diperkenalkan oleh kerajaan terbukti kejayaannya.

Untuk tujuan pendaftaran semula rakyat Sabah bagi mereka yang mengaku sebagai rakyat di sini, pihak kerajaan hendaklah meminta supaya mereka dapat menunjukkan bukti jelas seperti ada sijil kelahiran sah yang mereka adalah rakyat jati Sabah dan seorang warganegara Malaysia.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pelajaran, saya ingin menarik perhatian bahawa apabila kita menyebut universiti di Amerika ataupun di England, ramai di antara kita akan terus terfikir nama-nama universiti ternama mereka seperti *Harvard*, *MIT Stamford* dan sebagainya. Sementara di *England* pula universiti *Cambridge*, *Oxford* dan *Imperial College* dan lain-lain meniti di bibir kita.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia satu masa dahulu Universiti Malaya merupakan sebuah universiti yang dikenali ramai di era tahun-tahun 70-an ke 90-an tetapi di hari ini kita tidak lagi mendengar nama-nama universiti kita dikenali di dunia. Oleh itu saya ingin menyarankan bahawa pihak universiti tersebut seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia hendaklah diberikan kebebasan atau autonomi penuh dalam membentuk ke arah mana hala tuju universiti-universiti tersebut.

Jangan kekang mereka daripada menjadikan universiti mereka lebih berdaya saing dan berdaya maju. Pelantikan *vice chancellor* hendaklah sepenuhnya di atas merit dan kebolehan untuk mengepalai universiti tersebut. Dan lagi lima buah universiti iaitu UKM, UTM, UPM, USM dan UM hendaklah dijadikan universiti teras dalam R&D iaitu *research and development* dengan izin. Penubuhan mereka adalah memperkenalkan penemuan-penemuan saintifik dan matematik untuk pembangunan. Jika ini tidak dikacau, diganggu oleh mana-mana mereka yang berkepentingan politik dan sebagainya, saya yakin dunia akhirnya akan mengenali kelima-lima universiti ini di peringkat dunia.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan pelantikan profesor dan pensyarah. Mereka hendaklah dari kumpulan yang terbaik di peringkat dalam negeri mahupun di luar negeri. Sementara pihak universiti pula hendaklah memilih pelajar yang benar-benar berjaya dan terbaik dalam pencapaian akademik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kursus-kursus yang ditawarkan mestilah mempunyai kepentingan yang diperlukan pada hari ini setara dengan kehendak globalisasi. Letakkan satu jarak atau jangka masa yang sesuai untuk mencapai objektif menjadikan universiti kita dikenali di dunia. Menjelang tahun 2020 objektif ini boleh dicapai.

Bagi universiti-universiti lain yang ada di Malaysia, berikan mereka hak dan peluang mengadakan kursus yang membolehkan universiti tersebut mengeluarkan graduan-graduan yang berkualiti tinggi dan yang boleh diterima pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah menjadi negara destinasi kepada pelajar-pelajar dari Iran dan beberapa buah negara Afrika. Ramai di antara mereka ini terlibat dengan *drug trafficking*, *black money*, pelacuran dan beberapa jenayah serius lain. Pihak kerajaan sepatutnya menutup sahaja kolej-kolej dan universiti-universiti yang terlibat dalam pengambilan pelajar ini atas nama komersial dan keuntungan semata-mata. Kebanyakan pelajar ini mempunyai latar belakang yang mencurigakan. Terdapat kolej dan universiti yang membawa masuk mereka dari negara Cina atas nama belajar tetapi sebaliknya *China doll* ini didatangkan untuk tujuan aktiviti-aktiviti tidak bermoral serta menjalankan aktiviti sampingan dalam pelacuran. Oleh itu saya menyarankan kepada pihak kerajaan supaya lebih ketat dalam pemberian visa belajar kepada mereka dari negara yang disebutkan tadi, terutamanya ambil tindakan terus kepada permohonan pelajar yang bermasalah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat murni pimpinan negara ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020. Walaupun begitu, apakah ia membawa satu makna yang besar kepada kebanyakan penduduknya jika mereka terus dicengkam kemiskinan dan hidup dalam dunia kedaifan walaupun dalam negara bergelar negara maju. Mereka yang berada di dalam kumpulan berpendapatan rendah akan bertambah sukar untuk menampung kehidupan harian dalam mendapatkan keperluan yang sangat asas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan satu contoh, katakanlah di sini ada wang RM1 juta dan akan dikongsi bersama oleh seramai 100 orang. Jika setiap orang mendapat peruntukan yang sama, jumlahnya ialah RM10,000 satu orang.

Ini bermakna setiap orang akan menjadi kaya dan gembira. Akan tetapi keadaan sebenarnya jauh berbeza di mana di dalam 100 orang tadi terdapat satu orang bernama *Johnny* yang dapat merebut RM½ juta sudah. Seorang lain lagi yang bernama Ahmad berjaya merebut RM300,000. Manakala seorang lagi yang bernama Ah Bong berjaya merebut RM100,000. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya setelah orang-orang kuat berkuasa dan besar ini berjaya merebut semua jumlah yang ada, yang tinggal cuma RM100,000 yang akan dikongsi dengan sejumlah 97 orang yang dikira lemah. Oleh itu setiap orang yang tinggal ini cuma mampu mendapatkan lebih kurang RM1,000 sahaja. Ini menunjukkan bahawa di dunia sebenar selepas Malaysia berjaya mencapai status negara berpendapatan tinggi nanti ia meninggalkan legasi rakyat Malaysia terus tinggal dan hidup dalam kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kepada pihak kerajaan supaya mengadakan satu pelan atau tindakan yang mana strategi boleh dilaksanakan untuk membantu menaikkan pendapatan purata penduduk. Kerajaan hendaklah menaikkan gaji minimum pekerja dan mengawal selia perbelanjaan penduduk negara ini supaya kemiskinan terutama yang tegar dapat hapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan baru-baru ini memberikan beberapa pembayaran *one-off* kepada rakyat dan saya kira harapan rakyat begitu tinggi di masa akan datang kerajaan akan terus mengadakan lagi bayaran-bayaran sedemikian. Tidakkah kebergantungan ini sangat berbahaya untuk kita hadapi pada masa hadapan? Tidakkah ini akan menjadi satu perasan, jika tidak dapat apa yang dikehendaki oleh rakyat akan hilang kepercayaan serta memberontak kepada pimpinan atau kerajaan yang berjanji sedemikian. Ini perlu kita renungkan bersama. Tuan Yang di-Pertua, monopoli *cartelization*.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi kah ucapan?

Datuk Paul Kong Sing Chu: Ada dalam lima minit. Tuan Yang di-Pertua, monopoli *cartelization* adalah dua perkataan yang menentukan hak mutlak dan hak mutlak ini tidak punya saingan. Oleh itu kita berpendapat monopoli kebiasaannya tidaklah begitu positif dan sepatutnya monopoli hendaklah dihapuskan supaya persaingan sihat dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, monopoli yang kita kenal hari ini termasuklah PUSPAKOM, BERNAS, FOMEMA dan sebagainya. Jika kita memberikan hak sama kepada mereka yang *genuine* dan memberi peluang kepada beberapa syarikat mengimport beras kita penduduk awam akan mendapat di antara 30 peratus sampai 40 peratus beras pada kadar yang lebih murah. Begitu juga kita akan dapat perkhidmatan pemeriksaan berkomputer pada 50 peratus sampai 60 peratus lebih murah.

■1640

Ini juga termasuk pemeriksaan kesihatan pada kadar 50 peratus lebih murah. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan juga sepatutnya membatalkan sahaja permit teksi korporat dan sebarang permit yang diberi hendaklah diberi secara individu kepada mereka yang benar-benar jujur menjadi pemandu teksi. Kelompok pemandu teksi yang baru ini mestilah mempunyai imej yang lebih baik, bersih dari segi penampilan diri dan teksi serta setiap kenderaan teksi mereka hendaklah tidak lebih daripada tujuh tahun. Teksi lapangan terbang ataupun *airport taxi* juga hendaklah dihapuskan dengan memberi ruang kepada semua teksi memberi khidmat di mana dan ke mana sahaja yang mereka suka. Apa yang perlu ialah pengawasan paling minimal supaya perkhidmatan teksi berjalan dengan lancar. Ini akan membantu mengurangkan bayaran perkhidmatan teksi sekurang-kurangnya 30 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya tarik perhatian kerajaan terutamanya Kementerian Pengangkutan, berkenaan dengan isu pengangkutan udara oleh syarikat Firefly iaitu sebuah anak syarikat Malaysia Airlines System. Baru-baru ini iaitu sejak 1 November tahun ini, syarikat Firefly telah memberhentikan penerbangan dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur dan *vice versa* sehingga menyusahkan rakyat untuk membuat urusan perniagaan dan perjalanan di antara dua destinasi ini. Persoalannya ialah apakah sebenarnya yang ingin dilakukan oleh syarikat Firefly ini. Apakah syarikat ini tidak mempunyai CSR ataupun *corporate social responsibility* terhadap rakyat yang bergantung penuh terhadap perkhidmatan daripada mereka? Akta Syarikat 1965 memperuntukkan kebaikan dalam bentuk pemberian pemotongan cukai kepada syarikat di bawah peruntukan seksyen 19 dan seksyen 20.

Apakah ini tidak bermakna kepada syarikat Firefly? Apakah rahsia di sebalik penarikan dan pembatalan penerbangan sejak 1 November tahun ini di antara Kota Kinabalu, Sandakan dan Kuala Lumpur?

Tuan Yang di-Pertua, juga terdengar ura-ura bahawa syarikat Firefly ini akan membatalkan penerbangan ke beberapa buah destinasi lagi di Sarawak. Saya meminta syarikat supaya lebih bertanggungjawab di dalam hal ini dan pihak kerajaan juga hendaklah bertindak dengan wajar demi kebaikan rakyat dari dua buah negeri di Kepulauan Borneo ini. Keperluan pelancongan dan perjalanan juga akan terjejas dengan tindakan dari syarikat Firefly ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesan daripada *share swap* di antara MAS dan AirAsia memberikan impak negatif kerana ia menjurus kepada monopoli. AirAsia satu syarikat penerbangan yang saya kira boleh membuat apa sahaja tanpa memikirkan kepentingan awam, hanya mengejar keuntungan semata-mata. Tuan Yang di-Pertua, *the big question for air transportation in Sabah and Sarawak now is, are we moving forward or are we moving backward*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diuar-uarkan oleh kerajaan di bawah pemerintahan Barisan Nasional bahawa kerajaan hari ini memberikan kebajikan dan mengutamakan rakyat sebagai utama. Maka, adalah sesuatu yang sangat salah dan bertentangan dengan prinsip atau slogan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan jika hanya golongan elit dan tertentu sahaja mendapat faedah daripada kebajikan yang diberikan oleh kerajaan. Sementara berjuta lagi penduduk Malaysia selebihnya tidak dapat manfaat daripada polisi kerajaan pada hari ini. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam.

4.45 ptg.

Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap mengenai Bajet 2012 di dalam Dewan yang mulia ini. Sebelum itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk G. Palanivel, Presiden MIC dan juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pelantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menyampaikan sebuah bajet berjiwa rakyat. Pada masa yang sama, saya harap dan percaya kerajaan juga akan memantau sistem penyampaian atau *delivery system*, dengan izin, agar semua insentif dan inisiatif yang diumumkan dalam bajet ini sampai ke akar umbi masyarakat. Saya ingin menyentuh tiga perkara iaitu yang pertama, mewujudkan sistem demokrasi yang adil dan telus. Perkara kedua, pembinaan sistem pendidikan bertaraf dunia dan ketiga, memperjuangkan kebajikan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan yang memerintah negara sejak zaman merdeka sehingga hari ini adalah sebuah kerajaan yang dipilih secara demokratik oleh rakyat Malaysia. Fakta ini memang tidak dapat dinafikan. Namun, setiap negara di dunia ini menghadapi perkembangan demokrasi yang sejajar dengan kematangan pemikiran rakyat negara tersebut. Rakyat Malaysia kini lebih matang dan arif mengenai perkembangan politik negara dan kita harus menghormati perkembangan positif ini. Sistem demokrasi di negara ini boleh diperbaiki dan dinaik taraf agar kita boleh berganding bahu dengan negara-negara maju yang lain. Menurut indeks demokrasi yang diterbitkan oleh Unit Risikan, majalah *The Economist*, dengan izin. Untuk tahun 2010, Malaysia berada di tempat ke-71 berbanding 167 negara yang dikaji. Di antara negara-negara jiran kita, Indonesia di tempat ke-60, Thailand pula di tempat ke-57, manakala Korea Selatan di tempat ke-20. Menjelang tahun 2020, Malaysia harus berikhtihad untuk berada di atas tempat ke-20 sejajar dengan Program Transformasi Politik yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan agar Jawatankuasa Khas Parlimen yang telah ditubuhkan untuk mengkaji pelaksanaan-pelaksanaan pilihan raya (PSC) diberi peluang untuk membuat segala kajian yang perlu dan menyediakan saranan yang padu ke arah memperbaiki sistem pilihan raya di Malaysia.

Adalah juga harapan saya segala saranan dan cadangan mereka boleh diimplementasikan secara menyeluruh sebelum Pilihanraya Umum Ke-13.

Saya juga mencadangkan agar sistem pembiayaan politik di negara ini diregulasi. Seharusnya setiap parti politik yang layak bertanding di pilihan raya umum serta calon-calon yang munasabah menerima peruntukan untuk pembiayaan pilihan raya dan segala perbelanjaan untuk pilihan raya dipantau. Sumbangan wang daripada sumber lain harus dikawal ketat dan dipaparkan secara telus. Ini dapat mengelakkan gejala politik wang dan penghakisan unsur demokrasi negara secara berterusan. Rakyat Malaysia yang bekerja serta bermastautin di luar negara tidak kurang hak mereka sebagai rakyat Malaysia. Adalah wajar dan tepat pada masanya agar Suruhanjaya Pilihan Raya membenarkan mereka membuang undi di pejabat kedutaan dan konsulat Malaysia di luar negara.

■1650

Penggunaan sistem biometrik— untuk mendaftar pengundi atau penggunaan dakwat *indelible ink*, dengan izin harus dilaksanakan. Ini akan meremehkan tohmahan dan tuduhan pihak-pihak tertentu mengenai kewujudan pengundi hantu serta menaikkan tahap sistem demokrasi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, institusi-institusi kerajaan serta badan berkanun di negara ini harus dibebaskan daripada sebarang pengaruh politik. Ini termasuk badan-badan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya serta semua agensi pelaksanaan pekerjaan. Ahli-ahli politik sebagai pimpinan negara harus menjadi pemantau kecekapan agensi kerajaan dan bukan pembendung kebebasan agensi tersebut untuk pelaksanaan tanggungjawab mereka secara profesional.

Pada masa yang sama, semua agensi kerajaan harus dipantau secara teliti untuk memastikan polisi kerajaan yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Jemaah Kabinet dilaksanakan dengan betul dan menyeluruh. Proses pengambilan pekerja kerajaan dan syarikat milik kerajaan serta kenaikan pangkat haruslah dilaksanakan secara adil dan saksama tanpa mengira kaum atau haluan politik. Perkhidmatan awam di Malaysia harus dipulihkan sinarnya yang kian pudar agar kembali ke zaman gemilang beberapa dekad yang dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya utarakan adalah pembangunan sistem pendidikan bertaraf dunia yang dapat menghasilkan modal insan berprestasi tinggi serta tenaga kerja yang berkebolehan. Pendidikan merupakan satu hak fundamental dan kemudahan asas rakyat serta menjadi faktor kritikal dalam pembangunan negara. Sistem pendidikan di negara ini jelas mempunyai banyak kelemahan dan jurang untuk diperbaiki agar lebih saksama dan komprehensif. Saya menyarankan agar pendidikan tinggi di negara ini mengamalkan sistem meritokrasi secara menyeluruh dan bukan sekadar mencalar permukaan. Seharusnya kita perlu memastikan bahawa tidak ada ruang langsung untuk pertimbangan berasaskan perkauman dalam menjamin peluang pendidikan demi menentukan masa depan anak bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita hampir semua rakyat Malaysia menerima pendidikan yang adil dan serta sehingga tahap Sijil Pelajaran Malaysia. Namun, selepas tahap ini, apabila mereka melangkah ke ambang pendidikan tinggi, segelintir pelajar menghadapi pelbagai rintangan dan tadahan. Sistem pendidikan di Malaysia harus diubah agar semua pelajar yang ingin mendapat tempat di institusi pengajian tinggi awam menduduki peperiksaan yang sama. Kini, ada segelintir yang menduduki peperiksaan STPM dan selebihnya menduduki peperiksaan peperiksaan matrikulasi yang berbeza. Namun, keputusan kedua-dua peperiksaan ini diambil serta semasa pemohon memohon tempat di IPTA. Saya menyarankan agar peperiksaan STPM dimansuhkan dan digantikan dengan satu sistem matrikulasi kebangsaan yang untuk semua pelajar yang mencontohi peperiksaan *A-Level* di negara Britain. Ini akan memastikan tempat di IPTA adalah berdasarkan meritokrasi yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian biasiswa kerajaan kepada pelajar cemerlang untuk menyambung pendidikan tinggi sama ada di dalam atau di luar negara menjadi isu pertelingkahan setiap tahun. Kini sudah tiba masanya untuk isu ini dikaji secara menyeluruh dan diselesaikan secara adil. Setiap pelajar cemerlang harus diberikan peluang untuk menerima biasiswa tanpa mengira kaum. Pengagihan biasiswa untuk ke luar negara dan dalam negara juga harus secara saksama dan berdasarkan keputusan peperiksaan. Tambahan lagi, kursus yang diberikan biasiswa juga haruslah saksama dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita merupakan satu-satunya negara di dunia ini yang mempunyai sekolah jenis kebangsaan iaitu sekolah Tamil dan sekolah Cina. Selain itu, kita juga mempunyai sekolah-sekolah agama dan sekolah mubaligh.

Ini merupakan sesuatu yang harus menjadi kebanggaan kita sebagai rakyat Malaysia kerana mencerminkan sikap toleransi dan perpaduan di negara ini. Pendidikan sekolah rendah dan menengah adalah asas pembangunan rakyat dan negara. Malaysia beberapa minggu yang lalu telah diumumkan sebagai negara keempat di dunia yang paling banyak berbelanja dalam bidang pendidikan. Namun, sebilangan besar sekolah-sekolah ini bukan sekolah bantuan penuh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada kerajaan agar semua sekolah agama, sekolah jenis kebangsaan Tamil, Cina dan sekolah mubaligh dijadikan sekolah bantuan penuh kerajaan. Kerajaan juga sedang mengambil inisiatif untuk membaik pulih infrastruktur sekolah-sekolah ini. Langkah ini memang saya alu-alukan. Seharusnya semua sekolah di negara ini tidak mengira jenis, tidak mengira di desa atau di kota mempunyai kemudahan yang sama tarafnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sentuh adalah mengenai kebajikan rakyat. kerajaan Malaysia adalah kerajaan yang sentiasa mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Sejak merdeka lagi pelbagai inisiatif diambil untuk memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga apabila mengutarakan Konsep 1Malaysia, memberikan penekanan pada prinsip, "*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*". Namun demikian, wujud banyak rungutan dalam kalangan rakyat mengenai pelaksanaan dan mekanisme penyampaian sistem kebajikan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebaik-baiknya kebajikan masyarakat diambil kira atas dasar keperluan dan bukan perkauman. Setiap warga Malaysia yang memerlukan bantuan harus mendapat bantuan tersebut tanpa mengira kaum dan agama. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan beban rakyat berpendapatan rendah terutamanya melalui subsidi-subsidi di Kedai 1Malaysia, Klinik 1Malaysia dan sebagainya. Ini memang sesuatu yang harus dialu-alukan. Namun, langkah-langkah konkrit yang lain juga harus dilaksanakan seperti pengenalan gaji minimum. Gaji minimum haruslah lebih daripada garis indeks kemiskinan negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain gaji minimum, kerajaan juga harus memberikan penekanan pada isu pengagihan ekuiti dan pendapatan negara secara adil. Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan sumber bumi. Namun, pendapatan daripada kekayaan negara tidak dilihat sebagai diagihkan secara adil. Rakyat biasa sering merungut bahawa segelintir yang kaya semakin kaya manakala rakyat miskin tetap miskin. Kini sudah tiba masanya untuk mengkaji semua konsesi-konsesi kerajaan yang dilihat sebagai berat sebelah seperti konsesi tol, konsesi penjaan elektrik swasta dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain aspek keperluan asas dan pendidikan yang sudah saya sentuh, sebagai negara yang mengutamakan kebajikan masyarakat, kerajaan juga perlu memastikan infrastruktur perubatan dan keselamatan adalah memuaskan. Perkhidmatan perubatan awam di negara ini yang hampir percuma merupakan sesuatu yang patut dihargai oleh semua.

Dedikasi yang dipamerkan oleh doktor-doktor kerajaan serta anggota perkhidmatan perubatan kerajaan yang lain menjadi teladan kepada perkhidmatan awam yang lain. Namun, ganjaran sistem penggajian dan kenaikan pangkat doktor dan kakitangan perubatan yang lain harus dikaji semula untuk mengelakkan daripada pakar-pakar perubatan meninggalkan perkhidmatan awam. Ini juga akan menggalakkan perkhidmatan yang lebih mesra rakyat di hospital-hospital kerajaan.

■1700

Di samping itu, kemudahan-kemudahan dan peralatan di hospital awam juga hendaklah dipastikan terkini dan di selenggara. Banyak kali saya mendengar rungutan rakyat jelata bahawa perlu menunggu berapa bulan untuk mendapatkan perkhidmatan penting seperti *CT scan* dan MRI demi menentukan sama ada menghidap sesuatu penyakit sebab sebaik-baiknya perkhidmatan pemeriksaan sebegini hendaklah dibuat secepat mungkin agar pesakit dapat menerima perubatan sewajarnya sebelum menjadi serius.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan merupakan satu hak fundamental rakyat Malaysia. Pengorbanan dan sumbangan anggota keselamatan seperti polis dan tentera saya amat hargai. Namun, sering kali saya ada menerima aduan dari rakyat mengenai tindakan dan penyalahgunaan kuasa oleh segelintir anggota polis. Polis hendaklah bertindak dengan bertanggungjawab dan sentiasa mempertahankan kedaulatan Perlembagaan negara. Setiap penangkapan hendaklah dengan sebab-sebab munasabah dan hanya lepas penyiasatan terperinci dilakukan. Orang yang di bawah tahanan polis juga mempunyai hak-hak tertentu dan hendaklah sentiasa dihormati dan terjamin. Tuduhan-tuduhan penggunaan kekerasan semasa di dalam tahanan serta kematian dalam tahanan amat memburukkan nama negara. Setiap insiden ini hendaklah disiasat dengan telus dan teliti dan sebarang penyalahgunaan kuasa oleh agensi keselamatan hendaklah dipandang serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa jika kerajaan kita memberi tumpuan kepada tiga perkara utama yang telah saya utarakan iaitu demokrasi yang bertaraf dunia, peluang pendidikan yang saksama serta penekanan terhadap kebajikan masyarakat di samping mengambil kira keperluan asas rakyat, rakyat Malaysia akan membalas jasa kepimpinan di pilihan raya umum kelak. Marilah kita bersama bertekad untuk menjayakan konsep 1Malaysia yang diutarakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam erti penghayatan yang sebenar. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Boon Som a/l Inong.

5.03 ptg.

Tuan Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian berucap membahaskan Bajet 2012 Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merafakkan sembah ucapan tahniah Ke Bawah Tuanku Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibbi Al-Marhum Sultan Badlishah di atas pelantikan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-14. Pelantikan ini juga mencatat sejarah kerana baginda menjadi Sultan pertama menaiki takhta Yang di-Pertuan Agong buat kali yang kedua. Sesungguhnya seluruh rakyat Kedah merasa bangga di atas pelantikan yang mencatat sejarah ini.

Tuan Yang di-Pertua, 17 hari lagi tabir tahun 2011 akan dilabuhkan dan tabir tahun 2012 akan disingkapkan. Sama ada kita suka atau tidak, itulah hakikat yang perlu kita terima. Masa akan berlalu tanpa menunggu kita. Sehubungan itu, kita perlu membuat persiapan supaya kita sentiasa bersiap siaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang akan kita sama-sama harungi pada tahun akan datang. Atas kesedaran inilah saya kira maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah mendapat ilham bagi melaksanakan program transformasi kerajaan yang membuktikan komitmen dan iltizam beliau serta kerajaan pimpinannya untuk memacu negara ini menjadi negara maju yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ekonomi dunia mengalami kemelesetan termasuk Eropah dan juga kemungkinan China, tetapi Malaysia masih lagi mampu memberi bantuan kepada seluruh rakyat di negara ini. Menjelang cuti persekolahan pada pertengahan November yang lalu, kerajaan telah mengagihkan bantuan khas awal persekolahan sebanyak RM100 seorang kepada 5.3 juta pelajar di seluruh negara yang akan memasuki Tahun 1 hingga Tingkatan 5 pada sesi persekolahan tahun hadapan seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2012.

Keputusan itu juga membabitkan peruntukan sebanyak RM530 juta diberikan kepada semua pelajar bukan sahaja yang bersekolah di sekolah kerajaan tetapi juga sekolah bantuan kerajaan dan sekolah persendirian yang berdaftar dengan kerajaan dan juga kepada semua kaum termasuk Cina, Melayu, India dan lain-lain lagi. Bantuan ini diberikan dengan tujuan untuk meringankan beban perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga pelajar. Ini kerana pada lazimnya, apabila tiba akhir tahun iaitu bulan Disember, sebelum sekolah dibuka, ibu bapa atau penjaga akan membuat persiapan untuk membeli barang-barang keperluan persekolahan anak-anak mereka seperti pakaian seragam, kasut sekolah, beg sekolah, buku latihan, dan sebagainya.

Kita berharap ibu bapa dan waris pelajar di seluruh negara yang menerima bantuan khas ini akan menggunakan bantuan berkenaan untuk tujuan yang telah ditetapkan.

Mungkin jumlah RM100 seorang yang diberikan itu sebenarnya tidak mencukupi untuk membeli peralatan yang lengkap. Walau bagaimanapun, saya percaya sekurang-kurangnya ia dapat membantu mengurangkan dan meringankan perbelanjaan membuat persiapan persekolahan anak-anak terutama sekali bagi keluarga yang mempunyai ramai anak yang masih bersekolah.

Tambahan pula, sekarang ini harga getah seperti di kedah nampaknya semakin menurun. Dalam keadaan ini, bantuan yang diberikan oleh kerajaan ini memang kena dan tepat pada masanya. Saya menganggarkan dengan wang sebanyak RM100 seorang ini diberikan, ia boleh digunakan untuk membeli satu atau dua pasang pakaian seragam sekolah.

Sebenarnya ini bukan kali pertama kerajaan memberikan peruntukan yang sedemikian besar sebagai bantuan persekolahan kepada anak-anak di negara ini. Jika kita menyorot kembali pada tahun 2008, kerajaan telah memansuhkan yuran khas persekolahan yang bernilai RM9.70 seorang bagi pelajar sekolah menengah dan RM4.50 seorang bagi murid sekolah rendah. Mulai tahun yang sama juga, semua pelajar tanpa mengira berapa pun pendapatan ibu bapanya dan tanpa mengira berapa pun bilangan adik-beradik yang bersekolah, telah menikmati skim pinjaman buku teks.

Sebelum itu pada tahun 2007, kerajaan memansuhkan bayaran yuran peperiksaan untuk PMR, SPM dan STPM. Pada tahun 2008 pula, kerajaan memansuhkan yuran peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia. Mulai tahun depan pula, anak-anak di sekolah menengah tidak perlu lagi membayar RM33.50 dan di sekolah rendah pula tidak perlu lagi membayar RM24.50 untuk bayaran kurikulum, kertas ujian dalaman, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan bayaran takaful. Semua bayaran itu akan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Dengan itu, bermakna mulai tahun 2012, pendidikan di sekolah-sekolah kerajaan di negara ini disediakan secara percuma. Inilah dinamakan rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.

Ini belum lagi mengambil bantuan-bantuan lain yang diberikan kepada kelompok-kelompok pelajar tertentu seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Rancangan Makanan Tambahan, Skim Baucar Tuisyen, tahun depan pelajar Tingkatan 6 dan institut pengajian tinggi awam mendapat baucar buku bernilai RM200, pemberian pakaian seragam kurikulum percuma untuk pelajar miskin, begitu juga dengan pemberian biasiswa kecil persekutuan dan banyak lagi. Semuanya ada 19 jenis bantuan persekolahan yang diberikan kepada pelajar-pelajar di negara ini.

Mengapakah kerajaan sanggup membelanjakan wang yang begitu banyak untuk membiayai persekolahan anak-anak kita? Tujuannya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk melihat anak-anak kita menjadi seorang yang berilmu kerana ilmu itulah yang akan menjadi bekalan untuk anak-anak kita di hari muka. Tidak lama lagi bantuan sebanyak RM500 untuk isi rumah yang berpendapatan kurang RM3,000 pula akan diagihkan. Selain itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut mengumumkan kenaikan gaji guru serta kakitangan kerajaan dan lain-lain lagi untuk semua kaum.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini, genap 54 tahun usia negara kita mencapai kemerdekaan. Jika seorang manusia pada usia 54 tahun, seharusnya dia adalah manusia yang penuh dengan pengalaman, hikmah serta kebijaksanaan.

■1710

Saya percaya ramai di dalam Parlimen serta Dewan Undangan Negeri di seluruh negara yang sudah dan akan menjangkau usia ini. Pada usia sebegini seharusnya kita sudah memiliki kematangan dalam berpolitik. Suasana berpolitik di sebuah negara yang berusia 54 tahun seharusnya suasana berpolitik yang matang, yang mengutamakan politik yang membangun, bukan politik yang meruntuh, berpolitik yang memajukan masyarakat dan negara. Dalam politik yang membangun, saranan dan cadangan yang baik seharusnya disokong tanpa mengira daripada ia datang. Manakala yang kurang dan lemah diberi teguran untuk diperbaiki dan diperkukuhkan demi kemasalahan rakyat dan negara. Janganlah kerana berada di pihak pembangkang maka kerjanya hanya membangkang sahaja seolah-olah tidak ada langsung kebaikan yang dilakukan oleh pihak kerajaan.

Oleh itu saya berharap rakan-rakan daripada sebelah sana akan lebih peka dengan niat baik kerajaan. Jangan sengaja mempolitikkan semua perkara, berpolitik biarlah berpada-pada. Jika ada kebaikan untuk masyarakat, terima sahajalah. Kita bimbang jika terlalu banyak *political thinking*, mempolitikkan semua perkara termasuk kes di mahkamah, kita hanya akan membazirkan masa dan tenaga yang sepatutnya kita curahkan untuk membangunkan rakyat dan negara. Jadi, sebab itu kita merasa kecewa apabila semalam akhbar melaporkan Mahkamah Tinggi diminta menangguhkan keputusan kes liwat yang membabitkan Ketua Pembangkang. Di sini saya ingin tahu, kes liwat yang meleret-leret dua, tiga tahun ini, saya ingin bertanya berapakah jumlah kos setakat ini yang ditanggung oleh mahkamah, pihak pendakwaan dan lain-lain akibat kes berkenaan berlarutan begitu lama. Adakah kesannya kepada kelancaran proses pengadilan bagi kes-kes yang lain?

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak pembangkang tidak perlulah hendak menunjuk-nunjuk dan cuba menjadi hero sehingga cadangan menaikkan elaun untuk Ahli Parlimen pun ditolak. Saya tahu dan percaya semua Ahli Parlimen menunggu kenaikan elaun ini termasuk untuk pihak pembangkang kerana banyak program dan sumbangan yang perlu diberikan terutama di kawasan Parlimen masing-masing. Oleh itu, saya sokong saranan Senator Hajah Noriah menyatakan bahawa elaun Ahli Parlimen perlu dikaji semula, jangan ikut mereka, mereka sengaja, mereka ini hipokrit.

Semua orang tahu kegagalan kerajaan Pakatan Rakyat menguruskan ekonomi di negeri di bawah pemerintahan mereka seperti di Kedah yang kononnya mendakwa negeri kebajikan. Institusi pendidikan seperti Kolej Universiti Insaniah yang ditubuhkan sewaktu Kerajaan Barisan Nasional memerintah, apabila tiba zaman Pakatan Rakyat memerintah, haru biru jadinya apabila rektor yang dilantik tidak cekap menguruskannya. Kemuncak kepada kegagalan mengurus IPTA adalah demonstrasi pelajar yang meminta supaya rektor yang ada berundur. Namun nampaknya Menteri Besar masih berdegil dan berkeras mahu mempertahankan rektor berkenaan.

Baru-baru ini isu mengenai IPT bergema di Dewan Undangan Negeri Kedah, khabarnya Menteri Besar digayang sakan oleh Ketua Pembangkang, khabarnya kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer masing-masing hanya ada enam dan seorang pelajar sahaja. Sedangkan perbelanjaan pensyarah, kemudahan seperti makmal sangat tinggi. Begitu juga dengan kuliah perubatan pelajar belum masuk lagi, sudah beratus ribu dihabiskan untuk menggaji pensyarah. Itu belum lagi masalah dalaman pentadbiran dan kewangan yang dikaitkan dengan korupsi yang telah diketahui oleh semua orang di Insaniah. Sistem pengurusan dan perbelanjaan yang dilaksanakan tanpa ada sekatan bahkan khabarnya dalam sidang Dewan Undangan Negeri, Menteri Besar membentangkan kononnya ada lebih 1,600 pelajar sedang mengikuti kursus dalam bidang multimedia padahal sebenarnya ada antara 250 pelajar hingga 350 pelajar sahaja. Itu hanyalah sekadar contoh kegagalan pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini, saya pernah membangkitkan soalan mengenai status kedudukan masyarakat Siam sebagai bumiputera. Ini kerana mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam kenyataan akhbar pada 21 September 1997 dan Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam kenyataan pada 12 Februari 2007 menyatakan masyarakat Siam adalah bumiputera. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak sewaktu berucap pada perhimpunan agung UMNO tahun lalu yang menyatakan Siam ialah rumpun Melayu.

Pada tahun 2008, ketika menyandang jawatan Timbalan Menteri dalam perjumpaan dengan masyarakat bumiputera Siam di Kampung Siam Titi Akar, Pendang, Dato' Sri Mohd. Najib juga telah berjanji bahawa masyarakat bumiputera Siam diberi tempat di Universiti Teknologi Mara, bantuan MARA serta lesen kontraktor Kelas F, setaraf dengan bumiputera yang lain. Kelayakan masyarakat Siam memiliki tanah rizab Melayu, melabur dalam Amanah Saham Bumiputera, menjadi ahli dan ketua cawangan UMNO, menganggotai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan serta ahli Bank Rakyat adalah bukti masyarakat Siam diiktiraf sebagai bumiputera.

Malangnya masih ramai ketua dan kakitangan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan belum jelas mengenai status masyarakat Siam sebagai bumiputera. Berikutan itu selalu timbul salah faham mengenai status bangsa mereka dan menjejaskan peluang mereka untuk membabitkan diri dalam bidang pendidikan dan perniagaan.

Misalnya isu penggunaan istilah bangsa Siam dan bangsa Thai dalam kad pengenalan dan surat beranak. Mujurlah atas jasa baik Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Tan Sri Mahmood Adam, isu penggunaan istilah bangsa Siam dan Thailand dalam kad pengenalan dan surat beranak telah pun selesai. Pejabat Ketua Pengarah Pendaftaran Negara dalam suratnya kepada saya bertarikh 21 Oktober 2011, memaklumkan bahawa jabatan itu telah mengeluarkan arahan dan menguatkuasakan istilah penggunaan keturunan Siam dalam surat beranak dan kad pengenalan mulai bulan Jun 2009.

Bagaimanapun masih ada jabatan di bawah kementerian lain terutama Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi yang masih menggunakan istilah bangsa Thai. Keadaan ini menimbulkan kesulitan kepada masyarakat bumiputera Siam khusus pelajar-pelajar sewaktu hendak memohon untuk melanjutkan pelajaran. Di dalam borang permohonan ke institusi pengajian tinggi awam, istilah bangsa Siam tidak dimasukkan dalam ruangan bangsa menyebabkan permohonan yang berketurunan Siam dikategorikan sebagai lain-lain keturunan. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa bersaing dengan permohonan lain dalam kategori lain-lain keturunan. Begitu juga dengan peluang melanjutkan pelajaran dalam program matrikulasi Kementerian Pelajaran, anak-anak masyarakat Siam yang berkelayakan tidak berpeluang untuk berbuat demikian seperti anak-anak bumiputera yang lain.

Hal ini tidak sesuai dan tidak sejajar dengan kedudukan orang Siam yang diiktiraf sebagai bumiputera, keadaan yang sama juga berlaku dalam borang permohonan yang lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebenarnya masih ramai pegawai dan kakitangan kerajaan yang masih belum jelas mengenai perbezaan antara istilah bangsa Siam dan bangsa Thai serta kedudukan Siam yang diiktiraf sebagai bumiputera. Dalam hal ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Tan Sri Mahmood Adam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri yang nampak sangat peka dalam hal ini.

Sewaktu majlis dialog dengan 3,000 masyarakat Siam bumiputera di Teluk Wanjah, Alor Setar, Kedah baru-baru ini, Tan Sri Mahmood telah menjelaskan mengenai perkara ini. Penjelasan itu telah mendapat liputan meluas media massa bahkan beliau telah memberi jaminan bahawa Kementerian Dalam Negeri bersedia untuk mengeluarkan sekali lagi pekeliling yang pernah dikeluarkan tiga tahun yang lalu kepada jabatan-jabatan kerajaan untuk memperjelaskan mengenai perubahan takrifan keturunan Thai kepada bumiputera Siam.

Saya berharap perkara ini akan dilaksanakan secepat mungkin. Majoriti daripada kira-kira 80,000 masyarakat bumiputera Siam di negara ini tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman. Sungguhpun kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membangunkan kawasan luar bandar, masyarakat Siam masih lagi berdepan dengan masalah termasuk dalam bidang pendidikan. Kebanyakan keluarga masyarakat Siam masih dibelenggu kemiskinan. Dengan itu mereka kurang berkemampuan untuk membiayai pengajian dan salah faham mengenai status bangsa mereka dan menjejaskan peluang mereka membabitkan diri dalam bidang pendidikan dan perniagaan. Misalnya isu berkenaan istilah...

■1720

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi ucapan?

Tuan Boon Som a/l Inong: Tidak. Sudah hendak habis. Sekejap. Minta maaf. Kebanyakan keluarga masyarakat Siam masih lagi dibelenggu kemiskinan. Dengan itu mereka kurang berkemampuan untuk membiayai pengajian anak-anak jika tidak mendapat bantuan daripada kerajaan.

Malangnya juga Jabatan Kebajikan Masyarakat juga jarang turun ke kawasan perkampungan Siam. Ibu tunggal dan warga miskin kurang dihampiri pegawai kebajikan. Mereka ini hampir terpinggir, bahkan ada sesetengah keluarga ini juga yang tanpa diberikan sebarang sebab telah ditarik balik bantuan kebajikan yang mereka nikmati selama ini. Saya berhasrat untuk mengumpulkan keluarga terbabit untuk mengetahui apakah sebab bantuan yang dinikmati mereka selama ini ditarik balik.

Oleh itu saya cadangkan supaya Kementerian Kebajikan disatukan dalam satu kementerian supaya ia dapat menonjolkan bahawa kebajikan itu betul-betul sampai ke sasaran. Jadi, saya inginkan supaya kerajaan mewujudkan kembali Menteri Kebajikan ini supaya dapat diuruskan dengan cara yang baik. Bagi pihak rakyat Malaysia keseluruhan dan saya mewakili masyarakat Siam, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah membentangkan...

Tuan Ng Fook Heng: Boleh, Yang Berhormat, boleh mencelah?

Tuan Boon Som a/l Inong: Boleh.

Tuan Ng Fook Heng: Yang Berhormat Senator, saya amat simpati apabila mendengar semua rungutan yang disampaikan oleh Yang Berhormat terhadap golongan Siam di Malaysia. Pertama, saya ingin tanya ialah apa beza antara Siam dengan Thai? Maknanya.

Kedua, adakah semua rungutan ini dicatat? Selepas itu apakah tindakan oleh kementerian yang berkenaan? Adakah ia hanya dicatat, disimpan dan direkodkan? Selepas itu kementerian jawab secara keseluruhan, selepas itu, semua lupa? Kemudian bila Yang Berhormat pencen nanti, yang baru punya ada ganti, bawa semula perkara itu. Ulang, ulang dan ulang. Maknanya, kementerian, kakitangan kerajaan ini, adakah mereka sensitif terhadap semua lapisan masyarakat di Malaysia ini? Satu perkataan yang sebegitu *simple*. Sudah tiga tahun. Perkataan "Siam" patut ada dalam kad pengenalan. Bukan perkataan "Thai" – pun ambil tiga tahun dan memerlukan seorang berpangkat tinggi untuk menjelaskan perkara ini. Saya rasa ini amat menjadi-jadi di negara kita yang berbagai kaum ini. Sekian.

Tuan Boon Som a/l Inong: Saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Tuan Ng Fook Heng. Sebenarnya, bezanya adalah Siam, ibu bapanya adalah warganegara Malaysia tetapi kalau Thailand itu ibu bapanya adalah daripada keturunan Thailand. Memegang pasport Thailand. Itulah penjelasan yang diberi oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Jadi, benda itu sudah banyak kali, malah di dalam borang USM ditulis Siam/Thailand. Jadi, itu menyebabkan pelajar-pelajar masyarakat Siam ini tertinggal dalam IPTA, hendak masuk IPTA, padahal mereka ini orang pedalaman. Peladang, petani dan sebagainya. Saya berasa sedih. Apa yang berlaku selama ini, apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ng Fook Heng, memang benda itu benda kecil tetapi masalah itu tidak dapat diselesaikan.

Jadi, saya mohon pihak kementerian berkenaan supaya mengambil tindakan yang tegas terhadap perkara ini supaya dapat melihat supaya masyarakat Siam dan minoriti lain tidak menjadi mangsa kepada keadaan yang berlarutan ini.

Jadi, sekali lagi saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana telah membentangkan Bajet 2012. Bajet ini adalah satu wadah yang *inclusive*, dinamik dan memandang ke hadapan dan yang penting, memastikan kesejahteraan kebajikan rakyat Malaysia terus diberi keutamaan teratas. Justeru itu, saya menyokong Bajet 2012.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

5.25 ptg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut membahaskan Bajet 2012 ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membentangkan bajet itu di Dewan Negara ini. Saya mengucapkan tahniah kerana Kementerian Kewangan telah berjaya membentangkan satu bajet yang saya anggap sebagai bajet yang seimbang.

Menampung pelbagai tuntutan, pelbagai kehendak dan ini bukanlah satu perkara yang mudah. Ini kerana pihak pimpinan kerajaan perlu menampung pelbagai tuntutan yang berbagai ragamnya dan kadang-kadang bertentangan.

Namun lebih menggembirakan lagi bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga telah mengundang maklum balas masyarakat awam sewaktu menyediakan bajet ini. Semuanya ini membayangkan bajet ini memperlihatkan satu lagi keistimewaan, kekuatan kepimpinan negara selama 50 tahun yang lalu iaitu berupaya mengimbangkan. Melakukan keseimbangan antara tradisi dan *modernity*, akal dan akar dan mengikut Adat Papatih mempunyai keupayaan. Kalau boleh saya pinjam kata-kata dari Negeri Sembilan, '*rasor dibawa nayiak, parisso dibawa turun*'. Maksudnya, fikiran di bawah ditimbang dengan hati, manakala perasaan ditimbang dengan akal. Inilah keistimewaan pimpinan kita.

Selanjutnya, saya ingin – waktu tidak mengizinkan. Saya ingin menyimpulkan ucapan saya ini dalam tiga rangkap pantun. Pantun yang pertama, khusus ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan seluruh pimpinan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pantunnya berbunyi seperti berikut,

*Orang Barat datang berdagang;
Menjala sepat, keli dan tongkol;
Betapa berat mata memandang;
Beratlah lagi bahu memikul.*

Kita di Dewan ini dapat bercakap, berhujah dan berteori tentang ini dan itu, namun bila sampai kepada pelaksanaannya, bahu memikulah yang akan menanggung lebih berat. Sekali gus pantun itu adalah merupakan pengiktirafan tentang pengorbanan dan beban berat yang harus dipikul oleh kerajaan.

Selanjutnya, kepada kita semua, kepada seluruh rakyat Malaysia, baik yang menyokong pemerintah ataupun yang menyokong parti pembangkang. Saya meminta supaya dengan ikhlas, merenungkan pantun berikut,

*Banyak sudah kemajuan dicapai;
Berkat kesedaran semangat muafakat;
Tetapi perjuangan belum selesai;
Kuatkan teras, azam dan tekad.*

■1730

Jadi inilah seruan kepada kita semua, kepada penyokong-penyokong kerajaan dalam Dewan ini dan juga lapan orang rakan kita yang kerusi mereka kosong di sana, tak ada, seorang pun tidak ada. Jadi, saya rasa dalam keadaan sekarang di mana Tuan Yang di-Pertua sendiri telah minta supaya kita berada dalam Dewan ini tetapi untuk berkorban masa tiga ke empat jam pun nampak rakan-rakan kita di hujung sana itu tidak ada...

Seorang Ahli: Ponteng!

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ponteng, betul. Khusus kepada rakan-rakan kita wakil daripada PAS dari Kelantan terutama dan juga dari Kedah, saya ingin menyampaikan serangkap pantun lagi Tuan Yang di-Pertua,

*Dongeng Pak Kaduk lebai malang,
Cerita Mat Jenin serta si luncai,
Janganlah berulang nasib yang malang,
Tebus segera warisan tergadai.*

Seorang Ahli: [Tepuk]... Lagi, lagi, lagi!

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ini pesan kepada terutama Yang Berhormat Mumtaz, Yang Berhormat sahabat lama saya Profesor Dr. Johari bin Mat supaya kalau sesat di hujung jalan, kembalilah ke pangkal jalan. Tolong sampaikan kepada Tok Guru. Adalah menjadi suruhan nabi supaya kita saling maaf-memaafkan dan menjalin silaturahim dan menjalin perpaduan sesama kita.

Saya dapat kesan Tuan Yang di-Pertua, antara perkara-perkara yang menghalang perpaduan ummah ialah yang saya tahu dendam kesumat daripada – saya harap saya salah tapi inilah yang saya diberitahu iaitu rasa tidak ingin memaafkan yang dipunyai oleh Tok Guru terhadap tingkah laku beberapa orang pemimpin-pemimpin UMNO yang barangkali benar ada orang yang bersalah tetapi kesalahan itu haruslah kita maafkan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Setiap hari, setiap malam, setiap pagi, setiap petang kita berdoa kepada Allah supaya dosa kita diampunkan, kesalahan kita dimaafkan. Ini permintaan kita kepada tuhan tetapi kenapa kita sendiri enggan, berat, tidak mahu memaafkan kesalahan, kesilapan rakan-rakan seumat kita? Jadi tolonglah sampaikan kepada Yang Berhormat Tok Guru.

Akhirnya Yang Berhormat sahabat saya Profesor Dr. Johari... *[Dato' Dr. Johari bin Mat masuk ke dalam Dewan]* Ini sahabat lama saya semenjak dari Universiti Malaya dulu masuk, *ahlan wa sahlun* ustaz. Tolong sampaikan. Adalah satu suruhan untuk saling maaf memaafkan. Saya cadangkan supaya...

Dato' Dr. Johari bin Mat: *[Bangun]*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Nanti sekejap. Saya cadangkan supaya tirulah semangat Dr. Hassan Ali di Selangor. Sila... *[Tepuk]*

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih. Saya dengar Tuan Yang di-Pertua, nama saya disebut ketika saya di luar tadi, tempat makan, saya pun datang segera sebab saya tidak ponteng. Kalau ponteng itu keluar terus. Secara peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana Yang Berhormat Profesor Dato' begitu bersungguh untuk kebaikan dan saya rasa kebaikan ini, kemaafan itu saya telah jelaskan semua orang perlu berbaik-baik antara satu sama lain. Hal-hal peribadi saya tidak boleh menjawab, itu peribadi. Kalau hal-hal yang umum sudah pasti kita dianjurkan supaya sentiasa bermaafan di antara satu sama lain. Perkara untuk bersatu padu ini kita tidak boleh mengharapkan daripada sebelah tetapi kena toleransi daripada kedua-dua belah pihak dan saya rasa tidak ada orang yang hendak bermusuhan dalam hidup kerana bermusuhan itu susah, yang berbaik itu yang tenang. Jadi oleh kerana itu saya berterima kasih atas cadangan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa untuk bersatu padu ini kita tidak boleh bertindak sebelah pihak.

Kata orang, kalau salaman persahabatan sudah dihulurkan, gayung bersambut kata berjawab, kata orang tua-tua. Maka sambutlah gayung kami, jawablah perkataan kami untuk ingin bersatu, untuk ingin mewujudkan perpaduan ummah. Tolong sampaikan kepada pihak tokoh yang sama ada mendapat pengaruh atau dipengaruhi oleh pihak-pihak tertentu dalam parti Yang Berhormat. Itulah harapan saya Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, perbincangan mengenai bajet ini secara khusus saya dapati tidak banyak rakan-rakan yang lapan orang di sana terutama yang dari Kelantan dan Kedah yang mengemukakan teguran-teguran atau kritikan-kritikan yang boleh dikatakan bersubtentif. Kebanyakan kritikan adalah kritikan-kritikan yang agak *peripherals* sifatnya. Saya mengalu-alukan ucapan yang dikemukakan, dibentangkan oleh Yang Berhormat Mumtaz.

Beliau mencadangkan perbaikan-perbaikan yang mesti kita lakukan untuk meningkatkan keselesaan jemaah-jemaah haji kita di Mekah. Satu kritikan membina yang saya rasa memang patut kita terima cuma saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Mumtaz bila saya tanya ada atau tidak sebuah negara lain yang penyelenggaraan jemaah hajinya lebih baik daripada penyelenggaraan jemaah haji negara kita. Dia menjawab secara agak mengelak-mengelak, bukan mengelak tapi mengelak-mengelak. Katanya Indonesia dan negeri Thai. Saya tidak setuju, saya mempunyai kontak dan hubungan yang cukup rapat, cukup banyak di Indonesia. Orang Indonesia memuji cara penyelenggaraan jemaah haji kita.

Dengan belanja yang jauh lebih sedikit daripada apa yang dibayar oleh jemaah-jemaah Indonesia dan dengan masa yang lebih panjang, jemaah Malaysia mendapat layanan yang lebih baik. Kesimpulannya penyelenggaraan jemaah haji kita diiktiraf, diakui, dicemburui oleh jemaah-jemaah haji dari Indonesia.

Daripada segi itulah saya tak bersetuju dengan Yang Berhormat Mumtaz. Walau bagaimanapun saya mengalu-alukan teguran-teguran membina yang dikemukakan. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya dapati juga Yang Berhormat Mulia Tunku Aziz dengan penuh kejujuran mengakui bajet ini baik. Beliau hanya ragu kalau sekiranya kita cukup duit atau tidak dan soal cukup duit itu sudah diakui, bermakna memang adalah bajet yang defisit tetapi walau bagaimanapun kita harus mengutamakan kepentingan rakyat.

Kesimpulan yang saya nak katakan di sini ialah bahawa baik dari PAS, baik dari DAP dan saya rasa juga dari PKR mengakui bahawa ini adalah satu bajet yang baik, bajet yang difikirkan dengan masak. Bajet yang mengambil kira kepentingan rakyat. Oleh kerana itu apa yang hendak dikritik lagi? Oleh kerana itu terutama kepada rakan-rakan dari PAS, tariklah diri dari pakatan, marilah masuk Perikatan. Eh, masuk Perikatan... [Ketawa][*Dewan riuh*] Masuk Barisan dan yang sebenarnya perkara ini sudah berulang-ulang kita sebut dan saya rasa dalam hati kecil rakan-rakan sana itu memang ingin hendak bersatu tetapi ada rintangan-rintangan yang barangkali menjadi halangan. Marilah kita berdoa semoga halangan itu akan dapat diatasi supaya jangan sampai kisah Lebai Malang atau kisah Pak Kaduk berulang dua kali. Ingatlah pesanan Almarhum Dr. Burhanuddin.

■1740

Bacalah kembali falsafah perjuangan Melayunya yang merupakan bahan utama tesis saya Yang Berhormat. Ingatlah kembali pesanan Zulkifli Muhammad. Saya menyimpan *tape recorder* ucapan Zulkifli Muhammad sewaktu beliau membahaskan laporan Suruhanjaya Reid. Saya dapat maklum di sini bahawa semangat Zulkifli Muhammad itu, semangat Burhanuddin Helmi itu, semangat Datuk Asri sudah luntur di kalangan pihak-pihak tertentu dalam parti tuan-tuan dan puan-puan sekarang.

Saya rasa, kata orang, kalau sesat di hujung jalan, silalah kembali ke pangkal jalan. Itulah harapan saya supaya tuan-tuan dan puan-puan kembali ke pangkal jalan. Sekali lagi saya katakan, semangat dan keberanian Dr. Hasan Ali di Selangor akan tersebar kepada pimpinan lain dalam parti PAS di tempat-tempat lain. Itulah respons saya kepada pandangan rakan-rakan pembangkang dari rakan-rakan mengenai bajet ini, Tuan Yang di-Pertua.

Selanjutnya saya ingin mengemukakan beberapa pandangan terhadap Kementerian Pelajaran. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Pelajaran merangkap Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Mohd Yassin, kerana mengambil tindakan yang tegas menghentikan PPSMI. PPSMI ini seperti kita katakan, seperti kita sama-sama maklum, menurut laporan tiga kumpulan yang berbeza, iaitu kumpulan Profesor Juriah Long dari Universiti Kebangsaan Malaysia, kumpulan Profesor Isahak Haron dari Universiti Perguruan Sultan Idris dan kumpulan, saya lupa namanya tetapi bekas seorang pegawai tinggi Kementerian Pelajaran. Semuanya mengatakan merugikan, bukan sahaja bahasa Melayu tetapi pendidikan Melayu. Melayu ertinya di sini ialah pendidikan kanak-kanak di kampung-kampung.

Kalau boleh saya menggunakan bahasa Inggeris, saya rasa laporan mereka itu menyatakan kepada kita PPSMI adalah *ill-conceived* dan *ill-equipped* dengan izin, dalam pelaksanaannya. Oleh kerana itu, kita amat berterima kasih dan mengalu-alukan langkah keberanian Menteri Pelajaran memansuhkan PPSMI itu. Saya rasa tidak usahlah kita membuang masa lagi dengan mengungkit-ungkit untuk menghidupkan kembali perkara yang telah dikuburkan.

Kita faham kerajaan telah menggantikan PPSMI dengan satu program lain yang dikatakan Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkasa Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang sepatutnya mestilah menjadi satu agenda nasional. Setakat ini, terutama setelah mendengar pandangan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri pagi tadi. Katanya kalau saya mengadakan kuiz dalam ceramah saya kepada sekumpulan pegawai-pegawai tinggi kerajaan siapa yang tahu apa dia MBMMBI, ada lebih kurang 60 orang pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang telah menjawab jawatan JUSA 'C', hanya 10 atau 12 orang sahaja yang menjawab dengan betul apa dia MBMMBI itu.

Ini memperlihatkan bahawa gagasan konsep atau program MBMMBI tidak diketahui, tidak difahami, tidak dihayati oleh pegawai-pegawai tertinggi dalam jabatan-jabatan yang lain. Ini saya rasa adalah menyedihkan.

Perkara yang sepenting ini, saya menyeru kepada Kementerian Pelajaran supaya anggaplah ini sebagai satu agenda nasional. Ini bukan tanggungjawab Kementerian Pelajaran sahaja. Ini adalah tanggungjawab seluruh jentera kerajaan, seluruh pentadbiran kerajaan. Saya telah sebut Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak apalah fasal saya sudah beritahu tadi iaitu tentang bila saya mengadakan kuiz mengejut mengenai erti MBMMBI itu, daripada 60 orang pegawai tinggi kerajaan, hanya 10 hingga 12 orang yang betul-betul tahu apa dia, dan ini menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, kerana itu bukan bidang mereka. Saya tidak terima alasan itu.

Selanjutnya saya ingin menyentuh sedikit dengan apa yang sebenarnya kita maksudkan...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Pohon laluan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Sorry?*

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Pohon laluan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Oh, sila, sila.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat berhubung dengan program kerajaan untuk memartabatkan Bahasa Melayu dan memperkuat bahasa Inggeris. Yang Berhormat mengatakan bahawa rakyat keseluruhannya tidak faham tetapi ini adalah kerja ataupun kerja yang utama oleh Menteri Pelajaran. Pada pandangan Yang Berhormat, adakah apa yang dibuat oleh kerajaan untuk menjadikan program MBMMBI ini berjaya, adakah Yang Berhormat sendiri puas hati? Ini kerana saya sendiri khuatir, takut-takut program ini tidak akan berjaya dan oleh sebab itu, istimewa pula memperkuat bahasa Inggeris. Kita akan ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim. Saya ingin mengambil sikap yang optimistik. Kalau sekiranya Yang Berhormat merasa ragu-ragu sekiranya program ini akan berjaya atau tidak, saya mengambil sikap yang positif dan optimistik dan berseru kepada diri saya sebagai penyokong kerajaan dan kepada diri tuan-tuan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, supaya kita berusaha, berusaha memastikan bahawa program ini, gagasan ini berjaya.

Itulah antara sebabnya kenapa saya dalam ceramah saya kepada sekumpulan pegawai-pegawai tinggi kerajaan itu, saya tanya mereka, semata-mata didorong oleh keinginan saya supaya gagasan ini difahami. Kalau saya hanya tinggal di pejabat Kementerian Pelajaran sahaja, bagaimana akan berjaya? Jadi salah satu syarat Yang Berhormat, untuk program ini berjaya ialah supaya program ini diketahui, difahami, dihayati dan dilaksanakan oleh setiap pegawai-pegawai pada setiap peringkat terutama pada peringkat tinggi.

Selain dari itu, bila kita bercakap memartabatkan bahasa Melayu, apakah yang sebenarnya kita maksudkan? Memartabatkan Bahasa Melayu bukanlah bermakna semata-mata menggunakan bahasa Melayu untuk membeli hamburger atau untuk membeli piza atau untuk membeli tiket di kaunter-kaunter. Itu adalah bahasa komunikasi sosial yang paling rendah tahapnya. Itu penting tetapi tidak cukup.

Kita mahu Bahasa Melayu itu baru dianggap bermartabat kalau ia benar-benar digunakan sebagai bahasa pengantar pada setiap tahap pengajian kita – tahap rendah, tahap menengah dan tahap universiti. Hanya apabila Bahasa Melayu itu digunakan dengan penuh berkesan pada peringkat itu, barulah salah satu syarat untuk menyebut Bahasa Melayu itu sebagai bahasa bermartabat sebagai Bahasa Kebangsaan bermartabat terpenuhi.

Dengan demikian, apabila Bahasa Melayu sudah menjadi bahasa pengantar untuk sistem pendidikan kita pada setiap peringkat – bila saya katakan pada setiap peringkat, ini bermakna pada peringkat tinggi, *level* atau tahap bahasa yang digunakan sudah jauh berbeza. Dengan demikian, bahasa itu akan menjadi satu bahasa ilmu setaraf dengan bahasa-bahasa lain di dunia seperti Arab, Perancis, Jepun dan sebagainya.

■1750

Apabila Bahasa Melayu sudah menjadi bahasa ilmu sedemikian, maka barulah ia dapat dianggap sebagai bahasa budaya tinggi. Dapat digunakan untuk pengucapan perkara-perkara *philosophical* sifatnya. Dapat digunakan untuk mengucapkan perkara-perkara yang abstrak sifatnya dan konseptual. Itulah yang dimaksudkan pada fahaman saya bila kita mengatakan memartabatkan Bahasa Melayu.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Rahim bahawa di samping memartabatkan bahasa Melayu mengikut huraian atau takrif yang saya kemukakan itu tadi, penguasaan bahasa Inggeris pada setiap kita mestilah perkasa. Kita mestilah dapat menggunakan bahasa Inggeris itu bukan sahaja dalam percakapan di *cocktails* parti atau di tempat-tempat awal tetapi juga di forum-forum antarabangsa dengan penuh keyakinan.

Untuk itu saya setuju dengan Yang Berhormat Datuk Rahim bahawa kita perlu memastikan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris itu benar-benar berkesan untuk memastikan bahawa kita semua, anak-anak kita, generasi muda kita dapat menggunakan bahasa Inggeris itu dalam forum internasional tanpa segan silu, tanpa rasa rendah diri. Itulah yang kita impikan. Bahasa Kebangsaan kita dimartabatkan sebagai bahasa ilmu bahasa budaya tinggi. Pada masa yang sama, kita berkeupayaan menggunakan bahasa Inggeris secara lisan, tulisan dan untuk perdebatan-perdebatan antarabangsa dengan berkesan.

Itu sebab saya katakan tanggungjawab ini tidak boleh diserahkan kepada Kementerian Pelajaran sahaja. Ini adalah tanggungjawab kita bersama. Ini mestilah dianggap sebagai satu agenda nasional. Tidak ada orang berfikiran waras yang menentang bahasa Inggeris. Kita mengalu-alukan bahasa Inggeris. Bahasa ilmu yang akan membukakan fikiran kita, yang akan membukakan komunikasi kita dengan dunia luar. Itulah, saya berharap bila kita mengatakan MBMMBI itu supaya memartabatkan bahasa Melayu dan memperkasakan bahasa Inggeris itu difahami mengikut huraian yang saya berikan itu.

Itulah sedikit huraian saya mengenai MBMMBI dan perkara ini. Ertinya sekali lagi saya rumuskan bahawa amatlah penting untuk kita memastikan bahasa Inggeris turut kita kuasai tetapi Bahasa Melayu mestilah kita martabatkan, kita perkasakan. Perkara kedua yang saya ingin...

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang Berhormat, saya minta sedikit laluan boleh tidak?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila, sila.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Tuan Ahmad bin Hussin: Saya hendak baca daripada Perlembagaan Persekutuan. Perkara 160B teks sahih. *"Jika Perlembagaan ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Kebangsaan, Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan teks Bahasa Kebangsaan itu sebagai teks sahih dan selepas itu jika ada percanggahan atau perselisihan antara teks Bahasa Kebangsaan itu dengan teks bahasa Inggeris Perlembagaan ini, teks Bahasa Kebangsaan itu hendaklah mengatasi teks bahasa Inggeris itu".* Confirm, tidak boleh dipertikaikan tentang bahasa. Kalau bercanggah, hanya Bahasa Melayu sahaja yang tertinggi.

Kedua, apa pandangan Yang Berhormat sebab benda ini dalam bahasa Inggeris? Dia sebut dengan mudah. Dengan izin, *"It is wrong, dengan izin, for the DAP to ask for an optional continuation of the Teaching and Learning of Science and Mathematic in English (PPSMI) as it is unconstitutional. It is for the simple reason that under Article 152 for the Federal Constitution PPSMI is unconstitutional as official business must be conducted in Bahasa Malaysia as the national language. Dengan izin, In general commitment to protect and uphold the major provisions in the Constitution, including bahasa Malaysia as the national language was clear"*. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat kerana memperkukuhkan hujah-hujah saya. Apa yang, Yang Berhormat katakan itu adalah sesuatu yang tepat dan benar.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin merujuk satu lagi isu yang ada kaitannya dengan Kementerian Pelajaran. Walaupun barangkali ini lebih banyak kaitannya kepada Kementerian Pengajian Tinggi tetapi saya ingin menggunakan pendekatan ini untuk menyuarakan pandangan saya iaitu kelonggaran yang hendak diberikan kepada para pelajar, mahasiswa universiti untuk berpolitik.

Saya rasa pada prinsipnya perkara ini saya setuju kerana hak berpolitik untuk seseorang yang telah berumur 21 tahun itu adalah antara hak asasi. Oleh kerana itu tidak boleh dipertikaikan. Cuma dalam hal ini kita harus melaksanakannya dengan bijaksana. Saya mencadangkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi supaya pelajar-pelajar yang hendak dibenarkan kalau sekadar untuk mendaftarkan diri sebagai anggota parti sesebuah parti politik, itu tidak menjadi masalah. Akan tetapi untuk bergerak aktif, menjadi jawatankuasa, menjadi tukang kempen kalau dibenarkan nanti kepada pelajar-pelajar itu, saya minta dengan bersungguh-sungguh kenakanlah satu syarat.

Syarat yang saya minta ialah supaya mahasiswa-mahasiswa yang ingin terlibat aktif dalam kegiatan politik itu mestilah telah mencapai CGPA paling kurang 3.3.

Jangan dibenarkan pelajar-pelajar yang CGPA nya rendah daripada 3.3 untuk terlibat dalam politik. Ini kerana kita takut ini akan menjejaskan pelajaran mereka. Kita tidak mahu pelajar-pelajar melibatkan diri dalam politik semata-mata sebagai satu eskapisme daripada buku-buku pelajaran mereka. Oleh itu saya minta supaya ini diberi perhatian. Jangan dibenarkan mereka aktif di dalam politik. Kalau sekadar mendaftar menjadi ahli parti politik tidak ada apa-apalah tetapi jangan dibenarkan aktif dalam politik kecuali sudah mencapai satu tahap nilai atau CGPA yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah lagi?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Dalam 20 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau 20 minit tidak boleh. Cuba ringkaskan sedikit.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okeylah saya langkahkan sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pasal ramai lagi hendak berucap Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya ringkaskan dalam lima, enam minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu juga apa sudah jadi kepada semakan sukatan sekolah yang diuar-uarkan sedikit masa dahulu. Akan tetapi apabila Tuan Tony Pua membuat bantahan-bantahan yang bukan-bukan, kenapa kita diam? Jadi, saya hendak tahu janganlah hendaknya Kementerian Pelajaran tunduk kepada hasutan-hasutan yang anti nasional ini. Jadi, saya hendak tahu apa sudah jadi pada semakan sukatan pelajaran itu? Adakah perlu memakan masa terlalu lama sekarang? Saya juga mencadangkan sehubungan dengan itu sama ada hendak dirangkumkan dalam pelajaran sejarah supaya Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi mewajibkan pengajian perlembagaan.

■1800

Di negara-negara tetangga kita Tuan Yang di-Pertua, perlembagaan diajarkan pada setiap peringkat persekolahan mengikut tahap-tahapnya. Maknanya, kepada sekolah-sekolah rendah diajarkan perkara-perkara yang lebih *basic*, kepada sekolah menengah diajarkan perkara-perkara yang agak lebih maju sedikit. Dan demikianlah pemahaman terhadap perlembagaan itu ditanamkan kepada kanak-kanak sekolah daripada peringkat yang rendah sehingga peringkat yang setinggi-tingginya. Ertinya, saya mencadangkan supaya pendidikan sejarah itu dirangkumkan sama, dilengkapi lagi dengan pendidikan perlembagaan.

Satu lagi mengenai yang barangkali ada berkaitan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi. Saya mencadangkan seperti mana juga yang telah disuarakan oleh rakan-rakan dalam Dewan ini supaya dikaji kembali atau diperketatkan lagi syarat-syarat kemasukan pelajar-pelajar asing ke negara kita ini.

Kalau boleh, cuba diadakan satu *cost benefit analysis*, dengan izin, sejauh mana ia betul-betul menguntungkan kita, sejauh mana ia barangkali merugikan kita.

Mengikuti masalah-masalah yang kita baca di surat khabar, ternyata kebanyakan pelajar-pelajar dari luar negeri itu lebih banyak mendatangkan masalah kepada kita. Saya juga menyebut beberapa hari yang lalu, di Dewan ini saya bertemu seorang dalam kapal terbang, seorang Afrika, katanya ingin belajar IT di Malaysia. Saya tanya, "*Di kolej mana?*" Dia tidak tahu dan dia diberi visa untuk datang. Ini antara perkara-perkara yang saya rasa patut dibiarkan. Satu lagi saya minta Kementerian Pelajaran tolonglah fikirkan kembali dan lakukan sesuatu untuk mengelakkan perpindahan tempat belajar murid-murid sekolah.

Saya ingat Yang Berhormat Mark Koding, kira-kira 30 tahun yang lalu dikenakan *sanction* di Dewan Rakyat kerana mencadangkan supaya sekolah Cina dan sekolah Tamil itu dihapuskan. Saya tidak hendak kata begitu. Saya tidak mengatakan begitu. Akan tetapi saya hendak supaya kita memikirkan akibat pemisahan sistem persekolahan SK dan SJK ini. Beberapa tahun yang lalu, Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi, waktu itu kalau tidak salah saya dalam kapasiti beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri, mencadangkan supaya antara sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil diwujudkan jalinan kerjasama, *networking*. Diadakan satu sistem sekolah berkembar antara satu atau dua sekolah-sekolah aliran sekolah kebangsaan dan aliran jenis kebangsaan ini. Ini hanya satu saranan bagaimana akibat daripada pemisahan itu dapat kita minimumkan. Saya telah menyebut beberapa kali dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, supaya walau apa pun yang kita lakukan terhadap sistem pendidikan kita, tiga pedoman utama jangan kita lupakan. Kita mahu supaya pendidikan itu bermatlamat membina sumber tenaga manusia. Sekarang barangkali kerana ramai pelajar yang menganggur, kita merasakan adakah program membina sumber tenaga manusia itu telah dipenuhi oleh sistem pendidikan kita.

Akan tetapi yang lebih penting atau tidak kurang pentingnya dari itu ialah supaya sistem pendidikan itu di samping membina sumber tenaga manusia, haruslah membina watak - *character building*. Ini pun barangkali menjadi persoalan. Kita bercakap tentang mat rempit, gejala sosial dan segala macam. Yang ketiga yang tidak kurang pentingnya, supaya sistem pendidikan kita itu dirangka, dilaksanakan sedemikian rupa supaya benar-benar berfungsi untuk membina sebuah negara bangsa. Jadi, inilah tiga fungsi sistem pendidikan yang saya harap jangan sampai kita lupa walau dengan ungkapan apa pun hendak kita sebut, membina sumber tenaga manusia, membina watak dan membina negara bangsa. Selain daripada itu..

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, gulung. Ambil *point* yang mustahak itu untuk rekod dan selepas itu tidak payah ulas panjang-panjang.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, saya ambil *point*nya sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya mencadangkan supaya dasar-dasar kerajaan sama ada Dasar Pertanian Negara, Dasar Perfileman Negara, Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Wawasan 2020 dan Rukun Negara, supaya benar-benar dijadikan sebagai panduan dan pedoman dalam kita mengatur negara ini, dalam kita melaksanakan pelbagai program kita.

Dasar-dasar ini barangkali bersikap makro sebagai konsep atau gagasan tetapi perlu diterjemahkan pada peringkat mikro. Untuk itu saya mencadangkan dalam satu soalan saya, supaya Dasar Pertanian Negara itu dinilai dan dikaji kembali serta dipastikan bagaimana ia dapat dimasyarakatkan untuk memenuhi matlamat pertanian kita. Pendeknya, dasar-dasar itu perlu diketahui, difahami, dihayati dan diamalkan. *Point* yang saya- banyak poin lagi tetapi kerana saya menghormati...

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas Yang Berhormat. Ringkas.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Last point*, yang terakhir. Kebetulan Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon ada dekat sini. Saya ingin menuntut janji balik Yang Berhormat, dalam sidang ini beberapa waktu yang lalu, saya mencadangkan supaya di samping ETP dan GTP, kerajaan juga mengadakan satu program lain atau apa yang saya cadangkan ATP atau *Attitude Transformation Programme*. Waktu itu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, memang akan diadakan. Akan tetapi saya tidak nampak bayangan itu akan diadakan dalam bajet ini.

Jadi, saya haraplah supaya kerana walau bagaimanapun, kecuali ada usaha yang *concerted*, dengan izin, dan sistematik untuk kita merubah sikap pada peringkat diri sendiri, pada peringkat individu, pada peringkat kumpulan, saya rasa banyak perkara-perkara yang patut kita lakukan tidak akan dapat dilakukan dengan jayanya kerana segala-galanya bermula di hati sendiri.

Dalam hubungan ini, kalau boleh saya sebagai penutup. Kira-kira sepuluh tahun yang lalu Tun Dr. Mahathir menyarankan, menyebut dalam Perhimpunan Agung UMNO. UMNO bukan semata-mata bertujuan untuk memerintah dan membangunkan negara ini. UMNO adalah lebih daripada semua itu. UMNO adalah suatu gerakan reformasi atau gerakan pembaharuan bangsa Melayu dan juga bumiputera dan masyarakat Malaysia yang lebih mampu dan berkesan daripada mana-mana gerakan reformasi yang lain. Saya merujuk kembali kepada Gerakan Revolusi Mental yang diadakan di awal tahun 70-an dahulu. Saya rasa harus dihidupkan kembali. Usaha-usaha ini memang pernah dilakukan tetapi sekali lagi tidak ada *follow-up*. Jadi, itulah saya harap dengan keghairahan pimpinan kerajaan sekarang mengadakan dua transformasi utama ini, maka saya memohon sangatlah supaya transformasi sikap itu juga dijadikan sebagai agenda yang utama kita. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacita menyokong bajet ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali saya ingin merakamkan kehadiran dua orang menteri penuh pada petang ini sungguhpun sudah petang. Ini menunjukkan bahawa menteri-menteri ini prihatin dan peka kepada Dewan Negara. Ini kerana Dewan Negara juga adalah sama penting dengan Dewan Rakyat dan kebetulan pula mereka kedua ialah Ahli kepada Dewan Negara. Syabas saya ucapkan. Dan juga seterusnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat baru-baru, saya fikir sudah melihat bagaimana kebolehan orang lama atau yang saya harap kalau boleh cepat-cepat belajar. Mengetahui cara-cara selok-belok berbahas dalam Dewan ini supaya mendapatkan satu keputusan yang amat baik demi untuk bangsa, agama dan negara.

Tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok. Ini pun orang pertama hendak berucap dalam Dewan. Saya persilakan.

■1810

Tuan Lihan Jok: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk terlibat dalam perbahasan Perbekalan 2012 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 7 Oktober 2011. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengilhankan satu bajet yang pasti akan meletakkan masyarakat Malaysia ke satu tahap yakni yang mampu untuk kita mempunyai pendapatan yang tinggi menjelang tahun 2020.

Bajet mesra rakyat ini dilihat telah disusun oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membolehkan proses transformasi terus berlaku terhadap masyarakat Malaysia dengan kadar yang membanggakan. Bajet 2012 yang begitu besar dan komprehensif sehingga diyakini akan membawa impak yang mendalam kepada semua lapisan masyarakat di negara ini khususnya masyarakat luar bandar. Semangat murni kerajaan Barisan Nasional yang mendasari bajet ini, diterjemahkan dalam beberapa fokus utama yang indah sekali. Maka awal-awal lagi saya mohon menyokong sepenuhnya Bajet 2012.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberi sedikit pandangan terhadap satu atau dua komponen Bajet 2012, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada yang berkenaan. Pertama kepada kerajaan Barisan Nasional Sarawak di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak yang telah memilih saya untuk menjadi Ahli Dewan Negara yang mulia ini.

Kedua, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi ucapan terima kasih juga kepada semua Ahli Dewan yang mulia ini. Empat atau lima hari kita sudah bersidang, saya rasa terhormat dan kagum dan selesa sekali bersama-sama dengan semua Ahli Dewan Negara yang begitu bijaksana, berbudaya dan berpengalaman serta penuh dengan kemesraan sehingga kami ahli-ahli yang baru dapat menyesuaikan diri dengan baik.

Apa yang lebih membanggakan saya bahawa Dewan yang mulia ini dipandu, ditadbir oleh seorang Speaker dengan izin, yang begitu komited kepada keberkesanan, keberhasilan, tertib dan adab yang tinggi selaras dengan kedudukan Dewan ini sebagai Dewan yang tertinggi dalam sistem berparlimen di negara kita. Terima kasih, syabas dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua serta Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya respons kepada fokus yang ketiga Bajet 2012 iaitu fokus untuk mentransformasikan luar bandar. Perlu dijelaskan kepada semua Ahli Dewan yang mulia ini bahawa Sarawak adalah sebuah negeri yang terbesar di Malaysia dan memiliki bentuk geografi yang kompleks serta mempunyai dua jenis dan bentuk kawasan luar bandar yang ketara sekali.

Pertama ialah kawasan luar bandar biasa dan yang kedua ialah kawasan luar bandar terpencil atau selalu di sebut di Sarawak yang dinamakan *the last frontier*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan luar bandar terpencil ini terletak sepanjang sempadan Sarawak dan Kalimantan, Indonesia. Ini termasuklah kawasan pergunungan dan dataran tinggi seperti Hulu Limbang, Hulu Tutoh, Bakalalan, Bario, Long Banga, Kedaya Telang Usan dan Hulu Sungai Baloi. Kawasan-kawasan inilah yang paling mundur dan daif di Sarawak pada masa kini. Masyarakat dalam kawasan inilah yang dahagakan kemudahan infrastruktur asas yang diutarakan dalam Bajet 2012.

Sayugia dimaklumkan bahawa kawasan-kawasan yang baru saya sebutkan tadi adalah tanah tumpah darah lebih dari 90 peratus daripada jumlah masyarakat Orang Ulu di Sarawak yang berselerak dalam lebih dari 300 buah kampung atau rumah-rumah panjang. Penempatan atau rumah-rumah panjang ini hanya dapat dihubungi melalui jalan balak atau jaringan jalan kaki purba di celah gunung-gunung, bukit-bukit dan pokok-pokok tua dan menyeberangi anak-anak sungai di tengah hutan rimba tropika.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Orang Ulu yang mendiami landskap yang jauh dan sunyi di pedalaman ini terdiri daripada sembilan suku kaum utama iaitu suku kaum Kayan, Kenyah, Kelabit, Penan, Lun Bawang, Berawan, Lakiput, Bisaya dan Saban, dan saya adalah seorang dari suku kaum Kayan.

Sejak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak memegang tampuk kepimpinan kerajaan Malaysia dengan gagasan beliau 1Malaysia yang didukung - '*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*' telah membawa seribu harapan kepada penduduk luar bandar di Sarawak. Siri lawatan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak ke kawasan-kawasan pedalaman Sarawak dalam dua atau tiga tahun yang lalu, banyak mempengaruhi cara mana beliau urus tadbir kewangan dan pembangunan luar bandar di Malaysia khususnya untuk Sabah dan Sarawak, sehinggalah beliau melancarkan Dasar Pembangunan Luar Bandar serta Pelan Induk Transformasi Luar Bandar tahun lepas.

Berbillion ringgit yang telah dan akan disalurkan untuk tujuan membangunkan infrastruktur asas serta menjanakan ekonomi luar bandar Sarawak. Kita bersyukur kerana proses transformasi itu sudah mulai bertapak. Kita harap melalui program pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan negeri dan kerajaan pusat kawasan luar bandar terpencil Sarawak beransur maju menjelang tahun 2020 dan tahun-tahun seterusnya. Rakyat luar bandar Sarawak rasa amat bersyukur atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang *walk the talk*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya. Melalui pemerhatian saya, sebagai seorang wakil rakyat selama sepuluh tahun yang lalu, banyak aspek sistem penyampaian kita perlu diperbaiki, perlu ditingkatkan serta dihalusi.

Sistem atau proses penyampaian yang lemah dan masih ala lama telah membantut perkembangan beberapa projek pembangunan luar bandar Sarawak. Contoh-contoh kelemahan ini dapat dilihat di mana projek sudah diluluskan tetapi wang hanya disalurkan pada penghujung tahun.

Ada pula projek diluluskan, wang pun sudah disediakan tetapi tunggu demi tunggu, pegawai dari Putrajaya datang uruskan tetapi tidak sampai-sampai. Atau yang lain pula, projek sudah lulus, wang sudah disediakan, projek berjalan, tetapi tengah-tengah jalan projek berhenti dan terbengkalai, projek itu ditinggalkan. Kelewatan serta gangguan ini membuat rakyat hampa, rakyat marah, rakyat hilang kepercayaan dengan kerajaan.

■1820

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib mempunyai program dan rancangan yang baik untuk luar bandar. Beliau telah dan akan menyediakan peruntukan wang yang banyak untuk membangunkan luar bandar dalam ruang lingkup wawasan negara kita. Sehubungan ini, saya mohon supaya Kementerian Kerja Raya untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini senarai projek pembangunan infrastruktur asas luar bandar yang telah dan sedang dibina dan akan dibina dalam masa terdekat di Sarawak, khususnya perkembangan rancangan untuk membina jalan *Pan Borneo* tanpa melalui negara Brunei Darussalam yang sangat-sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, sistem penyampaian kerajaan mesti dikaji semula supaya secocok, seiring dan lengkap dengan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membangun semua lapisan masyarakat di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk mempertingkatkan dan menghalusi sistem penyampaian, saya mencadangkan supaya peruntukan kewangan disalurkan kepada agensi-agensi berkenaan pada awal tahun atau pada pertengahan tahun dan bukan bulan November atau Oktober atau Disember untuk membolehkan projek siap pada tahun semasa atau dalam tempoh yang ditentukan.

Saya mencadangkan juga adalah penting jika pegawai-pegawai dari Putrajaya atau Kuala Lumpur kerap turun padang ke pedalaman Sarawak supaya dapat merasakan keadaan sebenar dan daripada itu dapat merancang serta mengimplementasikan satu-satu projek dengan baik. Jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berupaya turun padang berjumpa Orang Asli atau Orang Ulu di Long Banga dan di kawasan-kawasan pedalaman, saya harap juga pegawai-pegawai kerajaan boleh berbuat demikian.

Seperkara yang penting juga supaya para jurutera atau konsultan dari Putrajaya dan Sarawak harus merapatkan hubungan kepakaran dan kerjasama dalam mengendalikan satu-satu projek. Sehubungan ini, saya mohon supaya Kementerian Kerja Raya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini *progress* pembinaan Jalan Beluru-Lapok dalam bahagian Miri yang telah diperuntukkan sejumlah RM100 juta untuk pembinaan jalan tersebut.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rendah hati mencadangkan supaya jumlah pegawai pelaksana di peringkat kementerian atau jabatan ditambah. Sehubungan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya ramai pegawai yang berasal dari Sarawak atau dari Sabah diambil bertugas di Putrajaya untuk memegang jawatan-jawatan penting dan kritikal. Ini akan banyak melicinkan sistem penyampaian yang berkesan kepada rakyat khususnya di pedalaman Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada satu perkara yang tidak kurang pentingnya juga. Di Sarawak, sejak tahun lepas, satu program untuk menentukan sempadan perimeter tanah hak adat bumiputera (NCR) sudah mula dijalankan. Program ini bertujuan untuk menentukan hak penduduk peribumi di Sarawak terhadap atau ke atas tanah-tanah mereka. Masyarakat Dayak serta bumiputera lain yang banyak terlibat dalam dan di bawah program ini sangat gembira dan berterima kasih kepada Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib atas peruntukan kewangan untuk tujuan memulakan program ini sejak tahun lepas.

Pada tahun 2010, kira-kira sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat untuk melaksanakan permulaan program ini. Sarawak akan terus memohon peruntukan yang cukup sehingga program ini siap dengan jayanya. Saya mohon juga kepada Jabatan Perdana Menteri untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini perkembangan program ini dan berapakah peruntukan yang sudah dan akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk program menyukat tanah NCR ini dan bilakah program ini akan siap?

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada satu topik yang mulai menarik perhatian kita dewasa ini. Perubahan cuaca dunia sudah sampai tahap yang membimbangkan. Suhu dunia telah meningkat. Pola iklim dan cuaca berubah dengan mendadak dan sukar diramalkan. Baru-baru ini Thailand dilanda cuaca yang paling buruk dalam sejarah negara tersebut di mana hujan turun dengan sangat berlebihan. Kota raya kosmopolitan Bangkok dan kawasan sekitarnya ditenggelami air hampir dua bulan akibat hujan yang berlebihan sejak bulan September yang lepas. Ekonomi Bangkok lumpuh.

Perubahan pada pola cuaca dan iklim ini berlaku di seluruh dunia. Fenomena ini telah dilihat sebagai ancaman kepada manusia sejagat. Tentunya sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, Kerajaan Pusat sememangnya mulai mengambil langkah berjaga-jaga menghadapi fenomena perubahan cuaca dunia sekarang.

Sehubungan ini, saya mohon supaya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menerangkan kepada Dewan yang mulia ini apa yang sedang kerajaan rancang bersama dengan negara-negara lain atau badan-badan dunia dalam usaha Malaysia bersama menghadapi cabaran perubahan cuaca dan iklim yang kian buruk dan mengancam keselamatan manusia, khususnya melalui *conference* yang diadakan di Durban, Afrika Selatan anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini berhubung dengan perubahan cuaca dan iklim dunia. Saya difahamkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengikuti *conference* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada yang menganut agama Kristian. Kepada semua Ahli Dewan yang mulia ini, saya ucapkan selamat menyambut tahun 2012. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai Ahli Yang Berhormat yang baru, bagus, saya ucapkan tahniah. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar. Oh, tidak ada dalam Dewan. Kalau tidak ada dalam Dewan, saya mempersilakan Yang Berhormat S. Bagiam.

6.29 ptg.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang untuk saya turut serta dalam membahaskan, membentang bajet bagi tempoh 2012 ini.

■1830

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mantan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pelantikan saya atas selaku Ahli Dewan yang mulia ini. Begitu juga saya memajangkan rasa syukur saya kepada Presiden MIC Yang Berhormat Dato' G. Palanivel serta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas cadangan dan sokongan mereka melantik saya sebagai Ahli di Dewan Negara tempoh hari. Demi melaksanakan tugas dan tanggungjawab saya dalam memperkasakan kaum wanita khususnya tanpa mengira bangsa, agama dan budaya selaras dengan konsep 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wanita yang mewakili kerajaan pemerintah, saya rasa bertuah sekali apabila berdiri di sini dalam mengetengahkan isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan wanita, khususnya dalam memperkasakan pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang dilihat begitu komited dan menjaga kepentingan setiap masyarakat di negara ini.

Tanpa membuang masa Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa isu dalam ucapan perbahasan ini terutamanya yang menyentuh perkara-perkara wanita, keluarga dan masyarakat secara umumnya. Tuan Yang di-Pertua, wanita di negara ini kini mencatat lebih kurang 50 peratus daripada bilangan rakyat kita, di mana hampir keseluruhan mereka ini adalah pengundi yang berdaftar, 60 peratus angka pelajar di IPTA dan IPTS dalam negara kita adalah dari kalangan beliawanis.

Sehubungan dengan ini, saya menyahut baik atas usaha Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mewujudkan peluang penglibatan kaum wanita dalam negara ini yang dipertingkatkan kepada 30 peratus. Adalah wajar jika peluang yang diberi ini ditepati dengan kadar segera memandangkan peredaran dan pembangunan ekonomi tempatan kian membangun. Saya tidak mahu kaum wanita kita ketinggalan dalam arus pembangunan ini.

Belanjawan tahun 2012 telah memperuntukkan RM10 juta bagi kaum wanita dalam golongan profesional untuk kembali ke bidang pekerjaan. Maknanya usaha mempergiatkan golongan wanita profesional kembali menceburkan diri dalam bidang perniagaan amat digalakkan.

Saya menerima baik cadangan ini. Pada masa yang sama, apakah kementerian dapat mengagihkan bantuan ini mengikut kaum agar kaum wanita India juga tidak ketinggalan dalam pembangunan ekonomi ini. Kaum India masih dilihat jauh ketinggalan dalam memperkasakan kedudukan ekonomi mereka. Jika peluang sedemikian tidak digunakan dengan sepenuhnya, saya percaya kaum wanita India akan kekal dalam kekangan dan tekanan ekonomi yang diambil berat pada masa sekarang.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan kaum wanita dalam sektor perindustrian dan juga perguruan adalah amat menggalakkan. Saya mencadangkan agar satu rancangan *exit* atau meningkatkan dalam bilangan tersebut dibuka luas lagi sehingga mereka ini mempunyai peluang naik ke peringkat pengurusan tertinggi dalam bidang ini. Saya juga ingin tahu apakah kedudukan serta penglibatan kaum hawa dalam syarikat-syarikat GLC kita? Berikan jumlah wanita di peringkat pengurusan tertinggi di dalam semua GLC kita. Saya juga ingin tahu apakah kerajaan juga mempunyai pegawai wanita dalam pengurusan tertinggi? Berikan jumlah pegawai berpangkat JUSA 'C' dan ke atas dari keturunan hawa dan berapakah jumlah KSU wanita kini dalam pekerjaan?

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu yang lain. Kita bersedia menerima hakikat dan memberikan kepentingan kaum wanita untuk terus mengeluarkan kepakaran dan kecerdikan mereka di persada perniagaan dan peringkat membuat keputusan. Saya ingin mencadangkan agar satu kolej atau universiti dapat ditubuhkan bagi wanita kita untuk meningkatkan ilmu pendidikan mereka agar mereka tidak terhad atau terbatas dalam mengejar ilmu untuk memperkasakan kedudukan mereka ini. Saya menyarankan segala kursus dan jurusan pendidikan yang bersangkutan paut tentang wanita di tawarkan di sini. Kewujudan tawaran sedemikian akan mengurangkan lagi pelbagai masalah yang dihadapi oleh kaum wanita, ini dapat diselesaikan pada masa-masa akan datang, ia termasuk bilangan pendidikan, kesihatan, perniagaan, pentadbiran, pengurusan dan sebagainya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sentuhan tentang pengurusan kebajikan kepada ibu-ibu tunggal dan warga miskin. Saya difahamkan bahawa wanita di negara ini ramai yang bergantung kepada bantuan kebajikan. Bantuan yang disediakan dilihat amat membantu adalah menguruskan rumah tangga. Walaupun usaha semasa diambil oleh kementerian dalam menyampaikan bantuan ini. Saya percaya jumlah yang disampaikan ini sangat tidak mencukupi sehingga usaha kerajaan dilihat tidak memadai.

Saya mencadangkan agar kerajaan dapat mengkaji semula jumlah bantuan yang disampaikan ini dipertingkatkan sehingga penyampaian ini benar-benar dapat mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan mereka ini hidup dengan selesa.

Satu lagi isu berhubung dengan bantuan kebajikan adalah sistem tapisan serta mekanisme yang digunakan bagi menilai jumlah bantuan serta kelayakan mereka untuk menerima bantuan. Saya amat sedih dengan segelintir pegawai yang menjalankan penapisan ini tidak mempertimbangkan isu ini. Sekarang saya mendapat banyak rungutan daripada segelintir penerima kebajikan terutamanya di negeri Selangor bahawa bantuan tidak disalurkan kepada mereka selama tiga bulan yang lalu walaupun peruntukkan persekutuan telah pun disalurkan ke negeri Selangor. Apakah kerajaan akan meneliti kembali dasar ini? Saya harap semua pegawai-pegawai yang menilai ini diberikan latihan dan pendedahan akan kedudukan semasa pembangunan ekonomi serta praktikal setanding dengan negara-negara maju.

■1840

Sistem penyampaian ini juga amat lemah sehingga bantuan yang diluluskan boleh memakan masa hampir tiga bulan atau empat bulan untuk mereka mendapatkannya. Apakah punca kelewatan ini? Apakah kerajaan sedar setiap kelewatan ini mencerminkan kegagalan kerajaan dalam menyediakan bantuan yang diperlukan segera itu bertukar menjadi bantuan sekadar mengaburi mata sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kemudiannya saya menyentuh sedikit tentang Kementerian Belia dan Sukan. Saya ingin bertanya, berapakah jumlah bantuan yang telah disampaikan kepada belia-belie India bagi tempoh tiga tahun lepas sehingga kini?

Apakah program-program yang diutamakan dalam menyampaikan bantuan sedemikian? Baru-baru ini saya menerima aduan daripada kelab-kelab dan persatuan di peringkat daerah atau kawasan perumahan bahawa KBS tidak lagi menyampaikan sebarang bantuan untuk apa-apa jua program yang dianjurkan oleh kelab-kelab tempatan ini. Untuk makluman, jika bantuan sedemikian tidak diberikan, bagaimanakah persahabatan dikalangan belia disesuatu taman dapat diperkasakan, dan bagaimanakah konsep 1Malaysia ini dapat direalisasikan?

Saya mohon agar kementerian dapat menilai semua pemberian bantuan kepada kelab-kelab atau persatuan di peringkat perumahan atau taman-taman perumahan. Saya juga ingin mengetahui apakah program penukaran belia antarabangsa masih dikelolakan? Berikan jumlah peserta yang telah mengambil bahagian sehingga kini dan daripada jumlah ini, berapakah antara mereka yang masih berurusan dengan kementerian? Berikan jumlah ini mengikut pecahan kaum dan negara penyertaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin bertanya sama ada bajet untuk KKLW yang bernilai RM100 juta yang diperuntukkan untuk wanita India di bawah skim AIM iaitu Amanah Ikhtiar Malaysia, adalah peruntukan khas. Apakah sistem yang akan digunakan untuk membahagikan peruntukan ini? Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang. Selepas itu minta bersedia Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar.

6.43 ptg

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya akan memulakan perbincangan saya dengan isu-isu pelajaran. Baru-baru ini, di surat khabar bahasa Cina, satu topik yang sangat hangat diterbitkan ialah berkenaan dengan satu dokumen yang GSTT atau Guru Sandaran Tidak Terlatih, dikehendaki menandatangani. Jadi, perkara ini sebenarnya sudah begitu berlarutan selama dua minggu atau tiga minggu. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran banyak kali buat *statement* berkenaan dengan isu itu dan mereka mengarahkan GSTT supaya jangan tandatangan dokumen yang berkenaan.

Akan tetapi sampai sekarang itu, pegawai-pegawai di peringkat PPD pun masih memaksa guru-guru untuk menandatangani, memaksa guru besar untuk mengutipnya. Setiap hari perkara ini tidak diselesaikan, kerajaan kita hilang markah daripada para pengundi. Orang akan bertanya mengapakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak memberitahu kepada GSTT supaya jangan *sign*? Mengapa tidak boleh beritahu kepada pegawai bahawa jangan memaksa dan jangan keluarkan arahan itu? Sebenarnya kepada saya, kewujudan GSTT itu sendiri sudah menjadi satu kecacatan pada sistem pendidikan negara kita. Oleh kerana kita bukan baru membangun, kita sudah merdeka selama 54 tahun dan kita masih memerlukan GSTT.

Saya anggarkan kalau setiap tahun kita boleh mengurangkan 2 peratus pun, sekarang masalah sudah selesai. Mengapa kita sampai sekarang masih bergantung kepada GSTT dan saya tidak tahulah. Saya tahu sama ada negara yang lain mempunyai masalah yang serupa dengan Malaysia. Masalah GSTT itu paling hebat dalam masyarakat Cina oleh kerana sekolah rendah Cina yang menghadapi masalah yang paling besar. Boleh dikatakan hampir semua sekolah daripada yang di bandar hingga ke kampung dan kawasan terpencil, memerlukan GSTT. Boleh dikatakan hampir tidak ada sekolah yang tidak ada GSTT.

Satu lagi ialah berkenaan GSTT itu, selain daripada apa yang berlaku selama itu, yang saya rasa pelik ialah lain negeri, lain sistem. Ada saya terima maklumat bahawa ada GSTT di negeri yang tertentu, mereka mendapat kenaikan gaji setiap tahun mereka berkhidmat. Ada negeri yang tertentu, dia menamatkan perkhidmatan GSTT pada akhir tahun kemudian pada tahun yang berikutnya, GSTT itu berkhidmat sebagai seorang guru baru. Mula dengan titik permulaan yang sama. Bermaksud, langsung tidak ada kenaikan gaji. Saya pun pelik mengapa, sepatutnya kita sebuah negara, semuanya di bawah satu kementerian, apakah sebabnya ada perbezaan seperti itu?

Apabila Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap satu, kemudian pegawai buat yang lain, orang akan bertanya mengapa pegawai itu berani mencabar bos mereka.

Jadi, tidak guna kalau Menteri cuma memberitahu kepada akhbar oleh kerana pegawai tidak boleh bertindak mengikut apa yang dinyatakan di surat khabar. Mereka memerlukan hitam putih. Sepatutnya sebaik sahaja buat *statement*, balik perlu beritahu. Pada zaman sekarang itu, kita hendak menyampaikan maklumat, saya ingat tidak sampai setengah jam. Begitu banyak cara boleh, faks boleh apa, boleh e-mel. Jadi, mengapakah sampai ke hari ini, masalah itu masih tidak boleh diselesaikan. Kalau sekiranya ada pegawai ingkar perintah, di Perintah Am kita, kita ada klausa yang boleh ambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang mengingkari perintah. Jadi, mengapa ini masih sampai sekarang masih ada masalah.

Jadi, saya khususnya berkenaan dengan kekurangan guru. Dahulu kita bukan sahaja kekurangan guru. Doktor perubatan pun kita kurang tetapi saya difahamkan bahawa sekarang daripada segi doktor perubatan, kita sudah tidak ada masalah itu. Saya sampai mendengar ada maklumat bahawa mungkin pada lima tahun atau enam tahun yang akan datang, mungkin doktor yang keluar daripada universiti, hendak *housemanship* pun ada masalah. Mungkin tidak cukup hospital, tidak ada tempat yang boleh mengambil mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita melalui transformasi kerajaan, kita sudah menyelesaikan banyak masalah yang dahulunya kita tidak boleh selesaikan. Jadi, saya dapati bahawa makmal-makmal yang kita wujudkan, khususnya untuk menyelesaikan masalah, amat berkesan. Khususnya, ia boleh selesaikan masalah yang mungkin dia perlu melintasi beberapa Kementerian. Ini saya percaya tidak ada masalah dengan Kementerian lain. Cuma hanya Kementerian Pelajaran dan juga GSTT itu sahaja. Saya cadangkan kalau perlu, saya cadangkan kita adakan satu makmal khas untuk mengkaji punca-punca kekurangan.

■1850

Mungkin kekurangan itu bukanlah kekurangan semata-mata dari segi bilangan. Mungkin kekurangan dari segi *mix match* mata pelajaran, mungkin mata pelajaran yang tertentu cikgu berlebihan, kemudian yang lain mungkin berkurangan dan juga mungkin kekurangan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sekejap, sekejap. Oleh kerana Yang Berhormat bercakap tentang sekolah rendah jenis kebangsaan. Tadi dalam ucapan saya, saya mencadangkan supaya kita saranan Tun Abdullah kira-kira beberapa tahun yang lalu supaya dijalin hubungan antara sekolah kebangsaan dengan sekolah jenis kebangsaan. Sebagai seorang *advocate* untuk pendidikan sekolah Cina bagaimana pandangan Yang Berhormat supaya dijalin hubungan antara sekolah kebangsaan dengan sekolah jenis kebangsaan untuk merapatkan lagi hubungan dan komunikasi yang bermakna antara kedua komuniti. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Perkara ini memang baik dan sebenarnya sudah diamalkan.

Sekarang Kementerian Pelajaran mempunyai satu program yang dikenali sebagai Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dan ini ada berjalan. Jadi ada kegiatan-kegiatan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah lagi?... Akan tetapi sepanjang pengetahuan saya RIMUP itu memang ada tetapi pelaksanaannya satu tidak merata, kedua kurang aktif. Terima kasih. Saya tahu benda ini kerana saya secara tidak langsung pernah terlibat juga dahulu. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Jikalau dari segi pelaksanaannya kurang berkesan maksudnya kita kena perbaikilah cara pelaksanaannya. Mungkin salah satu sebab kekurangan guru ini dari segi saya berikan contoh mungkin di Kuala Lumpur ramai cikgu yang akan mohon balik ke sini khususnya di Malaysia, Kementerian Pelajaran memang berciri penyayang. Jikalau cikgu yang sudah berkahwin mereka mohon ikut suami boleh kata tidak pernah ditolak tapi mungkin ramai suami yang sekiranya berkhidmat di Kuala Lumpur ramai cikgu perempuan juga hendak mohon ke Kuala Lumpur jadi ada kemungkinan Kuala Lumpur saya berikan contoh berlebihan guru. Jadi ini mungkin di antara sebab-sebab yang kita kena kaji dan mungkin juga kita kena atasi. Tengok apa caranya.

Masalah yang kedua ialah tahun ini kita dapati bahawa graduan pendidikan yang lambat diberikan jawatan dan juga lambat ditawarkan pekerjaan. Ini sekali lagi orang tidak faham. Di sebelah sini kekurangan guru, di sebelah sana graduan guru tidak ditawarkan tempat. Lambat dapat perkhidmatan. Saya sendiri pun pelik kenapakah ini berlaku bahkan sepatutnya pihak-pihak yang bertanggungjawab tahu bilakah cikgu ini akan keluar daripada universiti. Sepatutnya sudah boleh bersiap sedia. Ini bukannya tiba-tiba ada cikgu beratus ataupun beribu cikgu yang keluar daripada universiti. Kita tahu sejak hari mereka masuk universiti kita sudah tahu bukan sahaja tahun apa, sampai bulan apa mereka akan *graduate* daripada universiti kita tahu. Apakah sebabnya kita tidak boleh atasi ini? Jadi rakyat akan tanya apakah pegawai kita buat, adakah mereka merancang ataupun sampai anak sudah hendak lahir baru hendak cari bidan?

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar ada rakan-rakan kita yang sebenarnya di luar ada ramai orang yang tanya tentang bantuan persekolahan. Di *facebook* sebaik sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan umumkan pemberian bantuan persekolahan ada pihak yang tanya adakah ini merupakan gula-gula untuk pilihan raya. Kenapa kita hendak tergesa-gesa hendak berikan sebelum sekolah tutup? Kenapa tidak sampai selepas diluluskan pada awal tahun? Akan tetapi pada saya, saya rasa bahawa apa yang telah kerajaan buat keputusan itu adalah amat tepat dan amat baik. Oleh kerana sebenarnya ibu bapa perlukan wang bukan apabila sekolah buka sahaja. Sekarang kebanyakan PPD mereka hendakkan sekolah mula berfungsi sebagai sekolah penuh pada hari pertama sekolah dibuka. Jadi boleh kata hampir semua sekolah mereka akan mula jual buku pada cuti sekolah. Orientasi dibuat dalam cuti sekolah, ibu bapa beli pakaian, beli kasut dan sebagainya semua dalam cuti sekolah.

Kepada ibu bapa yang berkemampuan okeylah mereka boleh keluarkan wang dahulu kemudian dapat kemudian tapi kita jangan lupa ini khususnya kepada ibu bapa yang kurang berkemampuan. Kita hendak bantu mereka supaya pada masa mereka perlukan wang mereka tidak perlu pinjam daripada sini, pinjam daripada sana, mungkin cari *Ah long* kemudian sampai ke awal tahun baru kita dapat wang. Satu lagi sekarang sudah bulan Disember sudah pasti bahawa pilihan raya tidak akan diadakan dalam tahun ini. Jadi ini sekali lagi membuktikan bahawa ini bukanlah merupakan gula-gula pilihan raya. Jikalau hendak jadi gula-gula kita lambatkan sehingga menjelang pilihan raya, mungkin selepas diumumkan pilihan raya baru kita berikan. Sebenarnya ada juga pihak yang tanya tentang kenapa berikan kepada semua, kenapa bukan kepada ibu bapa yang memerlukannya?

Pada saya, saya tahu. Jikalau kita hendak pilih siapa layak siapa tidak layak jangan kata sekarang, pada bulan Januari atau Februari pun kita tidak sanggup berikan oleh kerana proses itu panjang. Macam sekarang kita tengok pemberian wang kepada warga emas itu bukan senang. Sampai sekarang baru hendak isi borang, lepas isi borang pegawai kena semak lagi. Banyak kerja hendak buat. Mungkin mereka kena kejar *income tax department* untuk sahkan pendapatan. Jadi semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umumkan itu dia sudah kata terpulung kepada ibu bapa yang berkemampuan mereka boleh pilih untuk tidak terima, untuk tidak ambil tapi daripada sambutan yang saya nampak semasa sekolah-sekolah agihkan wang itu kita tengok tidak pernah sekolah begitu ramai ibu bapa datang. Sampai hari AGM PIBG pun ibu bapa yang tidak pernah datang, ada konsert sekolah ada ibu bapa yang tidak datang pun hari itu boleh kata *jammed*. Di tempat saya ada kampung baru yang *jammed* kereta itu oleh kerana kampung baru itu ada 3,000 lebih orang murid. Jadi ada hampir 1,000 buah kereta di kampung baru itu. Jalan itu sempit. Jadi kita dapati bahawa ini disambut baik oleh ibu bapa.

Sebelum itu kerajaan Pulau Pinang pun pernah berikan RM100 kepada semua warga emas tidak kira mereka berkemampuan atau tidak berkemampuan dengan syarat mereka adalah pemilih atau pengundi di negeri Pulau Pinang. Itu tidak ada orang yang pernah mempersoalkan. Saya percaya orang warga emas yang berkemampuan jauh lebih dari orang muda yang berkemampuan. Kenapa masa itu tidak ada orang tanya kenapa semua dapat? Kenapa tidak mengkhususkan kepada mereka yang memerlukan? Jadi sekarang kita tanya. Ini pun saya rasa pelik.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua ramai orang tidak sedar tentang impak ekonomi pemberian bantuan persekolahan ini kepada negara kita. Ramai yang selalu tanya kenapa bajet kita defisit, kerajaan masih belanjakan wang tapi ramai orang tidak sedar perbezaan di antara individu dan sebuah negara. Bagi individu kalau saya tidak mampu kalau saya belanjakan wang-wang itu daripada saku saya wang itu sudah bukan saya punya.

■1900

Kalau saya belanja RM1,000, saya dah miskin dengan RM1,000. Akan tetapi dengan negara, selagi wang itu berada di Malaysia, ia tidak hilang. Sebenarnya lagi banyak kali ia pusing dari segi ekonomi, lagi banyak *turn over* nya. Sebenarnya dari segi itu, kita tahu bahawa memang kerajaan sanggup gunakan wang itu oleh kerana wang itu masih di dalam negara.

Saya bagi contoh dalam daerah Johor Bahru sahaja, bukan negeri Johor, daerah Johor Baru sahaja. Saya dah dapat angka yang sebenarnya saya dah kira. Daerah Johor Bahru sahaja ada 136,000 orang murid sekolah rendah dan ada 91,000 penuntut sekolah menengah. Jadi jumlahnya 227,000 pelajar. Kalau seorang RM100, ini sudah lebih kurang RM23 juta bagi daerah Johor Bahru sahaja. Bayangkan RM23 juta masuk ke pasaran pada masa menjelang Krismas, menjelang Tahun Baru Cina. Saya boleh beritahu Ahli-ahli Yang Berhormat, semua yang buat *small business* itu gembira senyum dari telinga ke telinga... [Disampuk] Ya, memang. RM23 juta bagi daerah Johor Bahru sahaja. Bermaksud banyak wang yang masuk dan mereka akan gunakan untuk membeli belah.

Jangan lupa, bukan sahaja RM23 juta itu, nanti apabila sekolah buka, ibu bapa setiap anak sekolah rendah akan jimat RM22.50 dan setiap anak di sekolah menengah akan jimat RM33.50. Saya pun dah kira. Dari segi ini, ibu bapa di Johor Bahru sahaja akan jimat RM6.4 juta. Jadi jumlahnya sebelum Tahun Baru Cina ada RM29 juta masuk ke pasaran, giatkan pasaran menjadikan mungkin ekonomi kita lebih giat dan lebih baik. Saya tidak nampak ada apa-apa masalah dengan pemberian itu dan saya sokong sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan program 6P. Program 6P pada permulaannya, dari segi prinsip, seolah-olah sangat baik, tetapi sekarang ini saya dapati bahawa program itu mendatangkan lebih banyak masalah daripada menyelesaikan masalah. Saya boleh kata, ini kawan saya beritahu saya, sesiapa yang ada pekerja asing akan marah kerajaan. Pada prinsipnya, program 6P adalah untuk putihkan PATI, putihkan pekerja asing tanpa izin. Akan tetapi selepas program pemutihan itu, majikan yang dulu tidak layak untuk menggaji PATI itu atau pekerja asing itu, mereka fikir dulu pekerja asing itu kerja dengan saya sebagai PATI, selepas projek program pemutihan, mereka menjadi sah, jadi saya boleh upah mereka sebagai pekerja asing yang sah, tetapi tidak.

Apabila mereka jumpa dan mohon gunakan pekerja yang sama, mereka ditanya adakah awak layak. Kalau tidak layak, tidak boleh. Jadi ia balik ke asal. Masalah tidak diatasi dan majikan itu rasa tertipu. Dulu saya ada PATI, kerajaan tidak tahu. Sekarang kerajaan ada rekod saya ada PATI, jadi beranikah saya masih upah PATI itu. Walaupun pekerja sudah putih, tetapi majikan masih hitam. Jadi ini menjadi satu perkara yang kelabu, tidak tahu macam mana sekarang. Ada ramai majikan yang sangat marah oleh kerana ada masalah yang seperti ini.

Saya ada *check* di *internet*, mengikut statistik yang terkini daripada Kementerian Dalam Negeri, ada seramai 67,000 PATI daripada 6,000 majikan telah berjaya diputihkan. Sambil itu, ada 12,000 lebih PATI dan 839 majikan telah diperiksa selepas Program 6P. Kenapa selepas itu mereka diperiksa? Inilah orang yang tidak puas hati dengan kerajaan. Bukan sahaja 800 lebih itu, itu sehingga yang terkini. Mungkin yang lain akan lagi takut bila sampai gilirannya untuk diperiksa...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi ucapan?

Tuan Khoo Soo Seang: Saya akan cuba singkatkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi lima minit, masa tambahan ini.

Tuan Khoo Soo Seang: Okey, saya akan lompat itu. Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang sangat penting berkenaan dengan TNB. Saya sebenarnya ada bangkitkan soalan ini dan saya dapat jawapan iaitu berkenaan dengan TNB yang tukar meter dan selepas itu mereka tuntutan tunggakan daripada pengguna. Memang ada di antara pengguna yang mengusik meter, itu saya tidak boleh nafikan. Akan tetapi mengikut jawapan, semuanya cantik, semuanya adil. Akan tetapi apabila pengadu jumpa kita, kita dapati ada hal-hal yang sangat pelik.

Misalannya, ada satu kes di mana pegawai TNB datang, dia ambil meter, dia suruh pengguna itu sains di atas borang. Pengguna itu orang tua, dia langsung tidak faham bahasa Malaysia. Dia tanya kenapa dia kena sains. Oleh sebab hendak ambil meter lama itu ganti dengan meter baru, jadi dia kena sains. Jadi dia sainslah. Selepas dia sains, datang surat, kemudian dia datang jumpa saya, baru saya tahu. Dia sains untuk mengaku meter itu sudah diusik. Dia kata, "*Saya langsung tidak faham, saya langsung tidak tahu apa yang saya sains*". Dia beritahu saya, dia sains untuk mengaku bahawa meter sudah ditukar. Kes seperti itu berlaku. Ada satu kes yang lagi teruk. Ada pegawai yang ambil meter itu, kemudian tunjukkan kepada budak sekolah rendah, tunjuk sahaja, tidak sains pun, selepas itu balik berikan surat bahawa saya hendak tunjukkan bahawa meter ini sudah diusik. Ini semua perkara yang rakyat kita tidak terima.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, tolong berikan saya sedikit masa kerana ini projek perumahan banyak masalah di kawasan saya dan saya kena nyatakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak ada masalah sampai jam 12 pun tetapi kita takut nanti Dewan kosong, sudah tidak orang, tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak dengar.

Tuan Khoo Soo Seang: Lima minit sahaja kerana hal ini penting. Saya harap bahawa Menteri akan jawab. ini berkenaan dengan projek sakit dan projek terbengkalai. Kalau projek terbengkalai, tidak apalah, kerajaan akan ambil alih. Akan tetapi ada di kawasan saya ada kes-kes di mana, pertama, ada kedai yang separuh siap, kemudian tidak siap. Pembeli rumah mereka kena berpakat upah kontraktor untuk siapkan kedai. Selepas siapkan kedai, gunakan kedai, baru dapat tahu bahawa infrastruktur Telekom tidak disiapkan. Sekarang mereka tidak ada telefon, dan itu bukan murah. Siapa yang hendak bayar itu menjadi satu masalah. Pemaju itu bukan sudah bankrap, masih wujud dan dibenarkan berniaga dan bina rumah fasa baru.

Kes yang kedua, pembeli yang sudah dapat kunci rumah tetapi tidak ada CF. Jadi ini lagi teruk. Anak sudah tukar sekolah, perabot sudah pesan, semua dah buat, hendak balik ke sekolah lama tidak boleh sebab sewa rumah lama sudah ditamatkan, jadi hendak duduk di mana? Kes ketiga, pemaju lewat serahkan rumah, kemudian mereka suruh pembeli sains untuk terima jangan tuntutan pampasan. Ada yang sains, ada yang tidak sains. Yang tidak sains pun tidak dapat pampasan. Mereka sudah merujuk kepada Tribunal Perumahan. Tribunal Perumahan kata bahawa pemaju mesti bayar pampasan sepenuhnya. Walaupun begitu, sampai hari ini satu sen pun tidak dapat.

■1910

Mereka marah, bukan marah pemaju tetapi marah kerajaan. Kata kerajaan lemah. Kita tidak ada sistem yang boleh kontrol dan yang jadikan mereka marah ialah pemaju itu masih wujud dan pemaju menjual projek ini kepada orang lain dan dia buka projek yang lain. Sekarang pembeli tidak tahu macam mana, hendak cari siapa. Pemaju yang baru kata dia tidak bertanggungjawab. Pemaju yang lama sudah jualkan projek. Ini yang menjadi satu masalah besar.

Tuan Yang di-Pertua, satu minit. Saya hendak gunakan peluang kecemasan itu untuk membangkitkan – saya hendak cadangkan bahawa kita wujudkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen. Oleh kerana akta itu dulu wujud kemudian dimansuhkan dan pada saya akta itu adalah amat penting. Kalau akta itu dimantapkan semula, pembiayaan, pengambilan kakitangan, pentadbiran Parlimen dan sebagainya boleh dikendalikan oleh pihak Parlimen sendiri. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua lagi arif daripada saya tentang masalah yang dihadapi oleh Parlimen kerana tidak ada Akta Perkhidmatan Parlimen itu. Jadi, saya membuat cadangan bahawa kita hidupkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen. Sekian, terima kasih. Dengan itu saya sokong Bajet 2012.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Baharudin bin Abu Bakar.

7.12 mlm.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk berbahas berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan 2012. Nampaknya dalam minggu ini, apa yang saya perhatikan dari segi perbahasan rakan-rakan kita di kalangan Yang Berhormat lebih banyak menjurus kepada modal insan kita yang memang kita akui sebenarnya berkenaan dengan generasi muda. Jadi, saya rasa terpanggil disebabkan saya boleh dikatakan adalah wakil daripada golongan remaja ataupun orang muda pada masa sekarang.

Melihat bahawa keprihatinan yang diberikan oleh wakil-wakil Yang Berhormat, sangat prihatin terhadap penambahbaikan golongan belia di serata nusantara. Jadi, sebelum saya meneruskan ucapan saya, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah membentangkan satu bajet yang terbaik daripada yang terbaik, kerana inilah yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional melihat dan mengenali serta mengambil kira akan nadi ataupun denyut rakyat di peringkat bawahan. Bukan itu sahaja, sektor-sektor yang lain melibatkan pembangunan modal insan dalam sektor ekonomi termasuk pembangunan tidak dilupakan. Maka boleh kita katakan buku ini adalah satu buku yang *complete*, dengan izin. Tidak semacam buku mereka. Buku warna apa, saya pun tidak tahu. Akan tetapi mereka kata buku mereka lagi bagus, katanya. Namun kalau dikaji, mengikut dari apa input yang rakan-rakan saya berikan, maksudnya bukan saya baca tetapi input yang saya dapat, tidak ada langsung di dalam buku yang mereka gelar itu menyentuh tentang belia pada masa sekarang.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membahaskan tentang pembangunan industri sukan Malaysia. Pertama sekali, izinkan saya..., rasanya belum terlewat untuk mengucapkan dan merakamkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan di atas pencapaian atlet-atlet negara di dalam Sukan SEA 2011 yang telah berjaya meraih 59 pingat emas, 50 pingat perak dan 81 pingat gangsa. Walaupun jumlah ini adalah bukan jumlah yang terbaik di antara penyertaan kita dalam peringkat kejohanan Sukan SEA tetapi disebabkan apa yang kita panggil, "ibu emas" itu berada di dalam genggamannya kita, tahniah diucapkan kepada pasukan bola sepak negara kita kerana telah berjaya mengekalkan kedudukan pingat emas kita. Maka kalau di dalam setiap kejohanan, bola sepak adalah menjadi perhatian yang diutamakan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada atlet-atlet kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, sukan merupakan satu medium yang amat berkait rapat dengan isu sosial, politik dan ekonomi. Ia bukan sahaja dapat menyihatkan tubuh badan dan digunakan sebagai alat perpaduan, malah juga digunakan sebagai alat untuk meningkatkan hasil ekonomi. Sebagai contoh, penjualan barang sukan hinggalah kepada hak penyiaran acara sukan. *Fantasy sport*, dengan izin, dilaporkan telah melibatkan 32 juta orang pemain di Amerika Syarikat dan Kanada pada tahun 2010, yang mana statistik pada tahun 2006 menunjukkan permainan simulasi komputer sukan ini telah meraih impak ekonomi sebanyak USD3 bilion hingga USD4 bilion apatah lagi kalau diambil kira pada tahun ini mengikut rangka yang telah diberikan. Di dalam negara kita pula, saya difahamkan *ASTRO Arena* telah melabur sebanyak RM220 juta bagi tujuan penyiaran dan mengkomersialkan liga bola sepak.

Tuan Yang di-Pertua, ini dikatakan sebagai satu industri. Dalam mengindustrikan sukan di Malaysia, saya yakin pihak kementerian telah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Malah, pengumuman tahun industri sukan 2011-2012 sekali gus melancarkan laman web khas bagi menyalurkan informasi-informasi berkaitan industri sukan. Pihak kementerian telah mengambil langkah yang tepat terutama dalam usaha meningkatkan hasil ekonomi daripada sukan.

Malah Yang Berhormat Menteri dalam ucapannya ada menyatakan hasrat kementerian untuk industri sukan menjadi penyumbang utama kepada negara dengan izin, *Gross National Income* (GNI). Langkah ini adalah untuk mencapai hasrat kerajaan dalam menuju negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Kementerian berhasrat untuk ekosistem industri sukan itu sendiri terdiri daripada profesional-profesional dalam bidang guaman, pemasaran, perniagaan, perubatan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mewujudkan ekosistem industri sukan ini, pelbagai elemen perlu diambil kira. Pelbagai peringkat masyarakat perlu faham dan bekerjasama dalam memastikan ekosistem ini akan bertahan lama dan mencapai objektifnya. Namun yang paling penting sekali adalah komoditi utama industri sukan itu iaitu atlet ataupun kita panggil modal insannya. Hasrat membangunkan industri sukan perlu seiring dengan pembangunan atlet kerana atlet menjadi komoditi penting bagi merancakkan industri ini terutama sekali jika atlet itu menjadi pemain nombor satu dunia. Kejayaan atletlah yang menggerakkan ekonomi. Hakikat di negara ini, kejayaan atlet dilihat sebagai *role model*, dengan izin. Bila atlet menang, maka acara sukan itu menjadi popular dengan sekelip mata. Di kedai-kedai kopi pun mereka cakap dan ia akan berlaku sebaliknya apabila sesuatu sukan itu mula merudum.

Maka peminatnya mungkin akan berkurangan. Kesimpulannya kementerian perlu memperbanyakkan lagi komoditi ini bagi tujuan perdagangan. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian mempunyai hala tuju perancangan strategik untuk menghasilkan lebih banyak Dato' Nicol Ann David, *Sidek's Brothers* dengan izin, dan Datuk Lee Chong Wei. Umum mengetahui bahawa kejayaan nama-nama ini adalah disebabkan oleh dorongan dan sokongan dari ibu bapa mereka. Bolehkah pihak kementerian memberikan nama-nama atlet yang berjaya atau dilihat berpotensi untuk berjaya hasil daripada program-program yang dilaksanakan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting untuk kita memastikan kewujudan dan kesinambungan ekosistem industri sukan ini berterusan atau adakah kementerian berhasrat bagi mengekalkan momentum industri sukan untuk mengimport atlet-atlet yang berpotensi dari luar negara. Memberikan kerakyatan kepada mereka terutama sekali bagi meningkatkan peluang meraih pingat emas Olimpik pertama negara.

■1920

Tuan Yang di-Pertua, ini membawa saya ke perkara seterusnya di bawah tajuk pembangunan sukan. Basiswa sukan adalah satu galakan kepada para atlet yang cemerlang di dalam bidang sukan serta mempunyai potensi akademik yang baik untuk meneruskan pelajaran di pengajian tinggi merangkumi IPTA dan IPTS, politeknik ataupun kolej komuniti. Walaupun bagi kursus-kursus kritikal seperti perubatan, farmasi dan pergigian hanya ditawarkan untuk IPT awam. Namun, peluang untuk melanjutkan pelajaran ini adalah amat dihargai. Di sini saya yakin hasrat untuk menyediakan ekosistem industri sukan itu akan tercapai di mana atlet-atlet telah tamat pengajian akan dapat memenuhi permintaan pasaran industri sukan kita.

Namun Tuan Yang di-Pertua, basiswa sukan tidak mewajibkan penerimanya untuk berkhidmat kepada kerajaan setelah tamat pengajian. Hanya digalakkan untuk memberikan sumbangan ke arah pembangunan sukan negara apabila tamat pengajian.

Saya ingin sarankan agar kementerian mempertimbangkan perkara ini dengan membantu menyediakan *roadmap*, dengan izin, hala tuju karier penerima basiswa sukan itu. Rugi rasanya jika modal insan seperti ini dibiarkan begitu sahaja. Saya cadangkan untuk kementerian mengambil contoh tindakan yang diambil oleh JPA dalam menyediakan modal insan yang hasilnya nanti menguntungkan kedua-dua belah pihak. Saya juga ingin sarankan agar syarikat-syarikat swasta yang memperoleh keuntungan berjuta ringgit daripada perolehan kerajaan kita iaitu Kerajaan Barisan Nasional agar sama-sama bekerjasama dengan kementerian untuk turut menyediakan basiswa sukan untuk atlet. Selepas tamat pengajian, atlet tersebut mungkin boleh diberi pilihan untuk bekerja dengan syarikat tersebut ataupun tidak. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan awal tadi, kemajuan dalam bidang sukan menjadi semakin penting kerana ia mampu mewujudkan perpaduan sejagat, memupuk keamanan serta meningkatkan imej negara.

Bidang sukan juga merupakan antara landasan terbaik dalam usaha membangunkan modal insan yang cergas, kreatif, berdaya saing dan mempunyai jati diri yang kukuh demi memastikan kelangsungan keutuhan sesebuah negara. Dasar kerajaan dalam merealisasikan satu murid satu sukan bertujuan untuk setiap murid terlibat di dalam aktiviti sukan di sekolah. Sekali gus menerapkan nilai-nilai sukan serta mengembalikan sekolah sebagai institusi utama dalam melahirkan bakat-bakat sukan daripada peringkat akar umbi. Usaha untuk membabitkan beberapa kementerian ini perlu dikaji dan disokong pelaksanaannya.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, apakah usaha kementerian dalam memartabatkan guru-guru yang berkelulusan pendidikan jasmani dan kesihatan atau yang berkelulusan sains sukan dalam mencapai objektif tersebut di sekolah.

Ini kerana perlunya usaha yang holistik dan bersungguh-sungguh untuk memastikan dasar yang baik ini tidak hanya gah di atas kertas. Minda yang cergas terletak pada tubuh yang cergas. Saya yakin jika ini diterapkan oleh sekolah-sekolah di negara ini, keputusan peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM akan menghasilkan keputusan yang lebih baik lagi ataupun cemerlang. Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan agar kementerian mewujudkan jawatan penyelia sukan ataupun pegawai sukan di sekolah-sekolah yang bidang tugasnya sama dengan kaunselor di sekolah untuk membantu atau menjalankan program sukan. Pegawai yang dilantik itu tidak perlu mengajar seperti kaunselor. Jadi, pegawai ini dapat memberikan tumpuan 100 peratus terhadap pembangunan sukan di sekolah tersebut seperti apa yang telah disebutkan tadi, satu murid satu sukan.

Yang kedua, saya ingin menyentuh tentang pembangunan belia dan sukan kerana ini perkara ini juga kita Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan tadi pun ada menyentuh usaha untuk melahirkan usahawan di kalangan belia merupakan satu usaha yang amat penting.

Ia perlu dilakukan secara berterusan untuk memperlengkapkan pengetahuan, kemahiran serta daya ketahanan golongan belia. Ini penting untuk mengharungi arus globalisasi masa kini yang berteraskan teknologi maklumat serta pasaran terbuka dalam pembangunan negara mencapai Wawasan 2020. Pelbagai dana telah disediakan oleh kerajaan di antaranya Dana Belia 1Malaysia, TEKUN Nasional dan Tabung Ekonomi Belia. Pelbagai jenis latihan juga turut disediakan. Di antaranya program keusahawanan siswa yang pada pendapat saya amat penting sekali dalam usaha kerajaan untuk menyemai budaya keusahawanan di peringkat awal lagi.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, berapakah usahawan siswazah yang telah berjaya dilahirkan melalui program ini dan apakah perancangan strategik kementerian untuk menambah baik pembudayaan keusahawanan di kalangan siswa kerana kalau kita lihat pada dasar, pada persoalan dan juga hujah-hujah yang telah diberikan di dalam Dewan dalam minggu ini? Saya melihat benar kerana saya pun antara barisan golongan atau bekas pemimpin belia di tempat saya.

Saya lihat kalau dulu semasa saya terlibat di dalam gerakan NGO seperti belia, kerajaan amat prihatin terhadap persatuan-persatuan ataupun NGO-NGO ini untuk menjalankan aktiviti tetapi sekarang saya nampak memang benar, luahan daripada rakan-rakan di peringkat bahagian mahupun cawangan-cawangan belia, sekarang ini nampak dah terlalu longgar perhatian daripada kementerian tentang bantuan pengupayaan persatuan ini kerana mereka kalau tidak diberi perhatian ataupun diberi bantuan pengupayaan, maka saya rasa persatuan akan bertambah kurang, bukannya boleh ditambah lagi penubuhannya dan mungkin kekurangan ahli nanti bila mereka sudah tidak mempunyai modal ataupun bantuan pengupayaan yang membolehkan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu apabila tidak berlaku lagi, maka akan timbul pula permasalahan yang lain.

Seperti kata Yang Berhormat Hajah Noriah semasa ucapan beliau, masalah rempit, masalah sosial dan masalah ataupun gejala-gejala yang lain akan wujud. Ini kerana apabila persatuan sudah mula tidak aktif, apabila persatuan sudah mula tidak diberi perhatian, maka bagaimana untuk kita di pihak yang tertinggi terutamanya kementerian untuk membentuk satu modal insan yang boleh kita kategorikan sebagai pemimpin di masa hadapan.

Saya tertarik dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 Disember, maknanya dua hari yang lepas. Yang Amat Berhormat begitu prihatin terhadap golongan belia ataupun golongan generasi muda pada masa kini sehinggakan beliau sanggup menggelar golongan ini adalah *superhero*, dengan izin. Ini kerana saya dapat di dalam input yang diberikan semasa Yang Amat Berhormat merasmikan sidang kemuncak belia berjudul, "Membentuk Masa Depan Kita".

Kalau Perdana Menteri sendiri dah boleh menggelar golongan ini adalah golongan *superhero* bukan *superman* tetapi *superhero*, apa salahnya, sepatutnya peruntukan atau bantuan pengupayaan yang dulu diadakan ditambah bukannya dikosong atau dikurangkan.

Barulah kita boleh mendapat golongan ataupun barisan pemimpin di masa hadapan yang cergas, kreatif, inovatif dan seterusnya boleh memacu serta memupuk perpaduan serta menjana kemajuan di dalam negara kita. Jadi, perkara ini perlu dilihat secara dalam, bukannya sekadar seperti apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada penggugungan beliau pagi tadi berkenaan dengan Tabung Belia Usahawan, ya Yang Berhormat.

Walaupun daripada segi skim pinjaman diuruskan oleh bank tetapi daripada segi pemantauan harus diberi perhatian oleh jabatan ataupun kementerian. Ini kerana kalau ini tidak berlaku, bank memang tak pernah ambil tahu tentang sama ada kita mahu untungkan, tak mahu untungkan, bank tak ambil tahu. Yang bank tahu, kita perlu bayar sahaja tetapi tugas kita bagaimana untuk kita membetul dan membentuk generasi-generasi muda ini di dalam menjana baik daripada segi usahawan yang telah mereka lakukan. Jadi, saya mohon kepada kementerian kalau boleh kaji semula dan kita dapatkan *feedbacks* daripada bawah, daripada persatuan-persatuan ataupun daripada individu-individu tertentu agar mereka ini tidak kita terlepas pandang.

■1930

Kalau kita asyik menggelar mereka ini aset negara, kalau kita masih lagi menganggap mereka ini adalah barisan pelapis yang akan datang dan barisan yang akan memenuhkan Dewan ini juga, maka tolong berikan perhatian yang sewajarnya kepada golongan ini.

Saya amat-amat berharap kerana tidak ada guna kalau Yang Amat Berhormat menentukan beberapa bidang tentang NKRA apa yang kita tahu bidang keberhasilan utama negara, NKEA - Bidang Keberhasilan Ekonomi Utama Negara, ETP - Program Transformasi Ekonomi, GTP - Program Transformasi Kerajaan kalau sekadar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sahaja yang bekerja kita ini di peringkat tertentu tolong-tolong tengokkan.

Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri saya juga hendak beritahu sebab saya pun bersetuju dengan beberapa hujah yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan jabatan-jabatan tertentu terutamanya saya hendak bercakap tentang di Melaka sendiri seperti di daerah saya kawasan Alor Gajah. Ada dua kawasan Parlimen besar tetapi cuma ada empat orang pegawai belia sahaja. Hendak jaga sepuluh DUN, dua Parlimen, belianya hampir 30,000, cawangannya saya rasa cawangan-cawangan Persatuan Belia *in total* lebih daripada 100. Orang Melaka sudah cakap utara sudah. Akan tetapi ini yang berlaku bila ada empat pegawai maka sudah tentu tidak boleh memantau ataupun menyelaraskan program dan ini berlaku semasa saya menjadi pemimpin belia di peringkat bahagian. Esok jabatan hendak buat program, malam dia telefon kita minta dua bas belia untuk menyertai program. Saya rasa perkara ini tidak perlu berlaku.

Jadi kalau kita sendiri merasai kekurangan kakitangan kerajaan di peringkat jabatan-jabatan tertentu, saya tidak faham si polan seorang ini boleh mengatakan pula kalau parti dia memerintah dia hendak kurangkan kakitangan kerajaan, mana otak dia? Dia letak dekat mana saya pun tidak tahu.

Saya merasai suasana atau mungkin dia tidak merasai ataupun tidak pernah aktif dalam NGO-NGO tertentu dan dia tidak pernah bersama dengan ahli-ahli belia ini dan maka dia boleh cakap ikut sedap mulut dia. Kita di bawah minta tambahan lagi membentuk struktur yang baik di dalam pengurusan jabatan-jabatan tertentu bukan untuk apa untuk membantu kerajaan, untuk menjaga rakyat, ini yang dilakukan oleh Barisan Nasional. Bukan seperti mereka tahu bercakap tetapi tidak pernah buat kerja. Jadi saya mohon kepada jabatan, kepada kementerian kalau boleh tolong ambil kira dan bukan saya seorang yang bercakap mengenai isu belia ini, saya rasa dalam minggu ini ramai.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada jadi saya mohon kalau boleh bawa perkara ini balik sebab modal insan ini PM sudah gelar "*superhero*". Bila *superhero* dia perlukan kekuatan, dia perlukan *energy*, dia perlukan vitamin, dia perlukan segala-galanya untuk memastikan diri dia sentiasa cergas dan kuat untuk memacu negara menuju ke hadapan bukan terkebelakang. Jadi saya mohon. Begitu juga saya rasa terpanggil juga untuk bercakap fasal AUKU ini walaupun saya sudah lama tinggalkan. Orang kata apa bidang pembelajaran. Namun dari segi AUKU ini saya hendak bercakap berkenaan dengan siswa, ya saya ingin menyentuh tentang pembangunan modal insan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai usaha pembangunan modal insan negara iaitu berkenaan dengan Bajet 2012 yang lepas mengumumkan bahawa tahun 2012 adalah tahun gerakan inovasi nasional. Ianya bagi mengungguli modal insan mencerna kreativiti dan juga mencetus inovasi. Di sinilah pada pandangan saya peranan universiti ini penting dalam menghasilkan modal insan yang cemerlang.

Misi universiti adalah untuk menghasilkan siswazah yang cemerlang dari segi intelek, kepimpinan, keterampilan, fizikal, emosi, sosial, kerohanian, berdaya saing, tahan lasak - itulah yang dikatakan "*superhero*" tadi, inovasi, kreatif, dan berbudaya dalam menghadapi serta mengatasi cabaran selepas tamat pengajian. Keputusan kerajaan dengan memperkenalkan semula sudut pidato di universiti dan yang terkini membenarkan pelajar IPT menyertai parti politik apabila mencapai usia 21 tahun dilihat sebagai membantu usaha universiti dalam perkembangan peribadi dan intelektual siswazah.

Persoalannya apakah perancangan strategi kementerian untuk mengimbangkan kebebasan dan kematangan berpolitik di kalangan siswazah dengan kecemerlangan akademik? Ini sebab kita tidak mahu depa dok mengaruk sahaja hendak berpolitik dia terlupa tugas dia yang sebenar. Esok bila sudah gagal sudah tidak dapat dia punya ijazah bila hendak minta kerja tidak dapat, bila sudah jadi penganggur kita tidak hendak nanti depa salahkan kerajaan sebab Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah zalim.

Kita cuba memenuhi kehendak-kehendak tertentu. Maka dengan itu adakah kementerian mempunyai pendekatan membantu pihak universiti menyediakan usaha pembelajaran yang kondusif dan menekankan bahawa universiti adalah tempat untuk menimba ilmu? Saya yakin Tuan Yang di-Pertua jika ada perancangan yang rapi ianya akan dilihat sebagai panduan kepada pelajar untuk berpolitik di kampus dan sekali gus membantu perkembangan modal insan dalam usaha negara mencapai Wawasan 2020.

Di samping menimba ilmu para pelajar berpeluang untuk membina jati diri, beradab dan beradab belajar untuk menjadi individu yang berani mampu bersaing dan pantas bangkit kembali sekiranya tergelincir daripada landasan yang betul. Inilah yang dikatakan tanggungjawab mahasiswa sebagai komuniti berilmu. Jadi di kesempatan ini juga saya ingin mengambil ataupun membicarakan beberapa perkara lagi yang melibatkan modal insan kerana bila modal insan yang terpelihara, modal insan yang mempunyai jiwa seperti kata PM, "*superhero*", maka kita boleh membentuk satu generasi yang begitu mantap dan jitu dalam melaksanakan tugas dan mengorganisasikan pentadbiran baik di peringkat kementerian mahupun negara.

Pertamanya saya amat terpanggil kerana baru-baru ini saya walaupun - mungkin di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat tahu saya masih lagi belum. Ya, sebagai pemimpin di peringkat bawahan saya melihat dari segi apa yang kita panggil format yang diperkenalkan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah kita walaupun terlalu banyak kata-kata sinis ataupun sindiran-sindiran mahupun artikel-artikel yang dibentuk tetapi pada saya PERMATA adalah satu konsep yang sangat baik untuk pendidikan awal kepada anak-anak. Kerana ini bukan saya cakap tetapi saya bersama-sama mendalami suasana. Saya bersama dengan rakan-rakan yang telah menghantar anak-anak mereka ke sana. Memang benar, dari segi kecergasan anak-anak, dari segi kepintaran anak-anak tercetus dengan lebih mudah. Ini kerana dari segi sistem dan tenaga pengajar yang berada di situ adalah tenaga pengajar yang benar-benar datangnya daripada bidang tertentu, yang berkelulusan tinggi.

Jadi saya sarankan juga di pihak kementerian, kita ada KEMAS tolong *upgrade*. Okey, tolong *upgrade* sedikit tadika KEMAS ini. Ini kerana saya tengok bukan kita ini lagi ke depan, tapi lagi ke belakang. Kalau kita *comparekan* anak-anak yang berada yang di dalam sekolah tadika PERMATA itu tadi dengan anak-anak di KEMAS, dari segi kecergasan, keberanian, dari segi mental dan dari segi ketahanan sangat jauh dan berbeza.

Jadi saya mohon kepada KEMAS ataupun kerajaan-kerajaan negeri di bawah pentadbiran Barisan Nasional, kalau yang itu dia hendak ikut, ikut tidak mahu ikut dia punya pasal. Kalau ada tadika-tadika yang diuruskan oleh kerajaan kalau boleh tolong ikut modul PERMATA ini. Memang saya *salute*, bukan saya hendak mengangkat tetapi saya *salute*. Modul yang sangat baik dan perlu kita beri perhatian. Sebab lagi satu *free*. Bukannya perlu bayar cuma untuk golongan yang berpendapatan RM2,500 ke bawah, promosi saya buat tetapi inilah dia kaedah yang perlu kita ambil kira. PERMATA sangat bagus dan saya menyokong sepenuhnya penubuhan PERMATA ini.

Teruskan dan saya cadang kalau boleh di setiap peringkat Parlimen ditubuhkan PERMATA ini supaya kita akan mendapat generasi ataupun modal insan yang berkualiti di masa akan datang. Serupa juga kalau kita lihat modal insan terbiar, maka akan berlaku permasalahan-permasalahan yang boleh kita katakan membebankan kerajaan.

Anggota polis, jabatan-jabatan ataupun kementerian termasuk pemimpin-pemimpin masyarakat terutamanya sekarang kita sudah bercakap tentang warga asing ataupun si Awang Hitam ini kalau sekarang tema baru dekat Perak mereka panggil "hitam *metallic*", membuat masalah.

■1940

Sebenarnya mereka ini tidak ada *contribution* pun untuk negara kita waima dari segi pelancongan sendiri pun, kerana kalau kita berada di bandar-bandar tertentu seperti di Nilai, seperti di Cheras ataupun di sekitar bandar-bandar raya kita akan melihat mereka ini adalah pembawa gejala sosial ataupun masalah jenayah antara penyumbang terbesar bagi warga asing di dalam negara kita ini. Kalau dahulu kita tuduh rakan kita dari Indonesia menyebabkan banyak sangat masalah tetapi sebenarnya mereka ini kalau boleh di dalam *internet*, di dalam surat khabar ada sahaja isu yang mereka lakukan.

Jadi, saya sarankan kepada kerajaan. Kalau benar mereka ini ingin datang ke Malaysia sebagai *student* ataupun sebagai *businessman* dan sebagainya, tolong kaji betul-betul balik. Tolong *review* balik perkara ini sebab untuk apa kita gah dengan jumlah kedatangan warga asing ke dalam negara ini begitu besar tetapi dalam masa yang sama kita dapat tempas dari segi permasalahan-permasalahan yang memang sukar untuk kita bendung. Kita lihat sekarang sudah mula terbongkar satu persatu dari segi sindiket dadah, maksiat. Siapa yang bercakap semalam janda tertipu sampai RM3 juta lebih. Kerana apa, kerana masalah ini lah. Kita tidak memantau secara *details*. Pelaksanaan dari segi dasar *on paper* cantik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Kalau boleh peluang pertama ini Tuan Yang di-Pertua saya minta *extra* sedikit kalau diizinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, saya bagi dalam dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih. Jadi, saya merasakan perlulah kita ambil perhatian tentang perkara ini sebab masalah ini pihak kementerian kalau tidak langsung atau pun tidak melakukan satu *enforcement* yang begitu cepat seperti kata saudara Ezam tadi setiap tindakan yang melibatkan sesuatu perkara yang boleh menjurus ke arah kemusnahan harus diambil tindakan segera. Walau bagaimana caranya pun, terpulang sebab kita ada undang-undang kita. Kita ada cara macam mana hendak laksanakan. Kita ada pegawai-pegawai tertentu. Kala tidak cukup tambah. Bukannya macam puak itu, kurangkan kakitangan kerajaan. Kita tidak mahu. Itu semua *statements* yang boleh merosakkan minda.

Saya juga menasihati, saya juga menyeru kepada rakan-rakan di universiti yang hendak berpolitik, silakan gelanggang dibuka tetapi dengan satu syarat ingat tugas utama kita. Kita adalah pelajar, pastikan kita berjaya di dalam pelajaran. Tidak guna kita terlalu terpengaruh dengan unsur-unsur tertentu, maka kita selepas habis waktu belajar tidak ada *qualification*, tidak ada *degree* yang sepatutnya kita bawa, maka kita tidak menjadi satu modal insan yang boleh menyumbang.

Tolong jangan menjadi modal insan yang boleh meruntuhkan tetapi jadilah modal insan yang boleh menyumbang ke arah kebangkitan negara. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong usul. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai pembahas buat kali pertama di Dewan ini, ada potensi yang sungguh baik. Saya harap Yang Berhormat akan terus menggilap dan dapat mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa *insya-Allah*. Tanpa membuang masa lagi, saya persilakan seorang lagi Yang Berhormat yang baru Yang Berhormat Datuk Chiew Tiang Chai. Silakan.

7.43 mlm.

Datuk Chiw Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan peluang bagi saya untuk membahaskan Akta Perbekalan 2012. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2012 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak adalah satu belanjawan yang tepat pada masanya semasa negara-negara di benua Eropah menghadapi krisis kewangan negara.

Unsur-unsur yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi daya gerakan ekonomi negara pada amnya dan kemajuan bangsa sesuatu Malaysia khususnya. Walaupun pertumbuhan pelaburan langsung asing atau *Foreign Direct Investment* (FDI), negara kita merupakan salah satu negara kadar pertumbuhan yang paling tinggi di rantau Asia dan dalam masa enam bulan pertama tahun ini telah mencecah jumlah pertambahan sebanyak RM21.2 bilion.

Saya berkeyakinan kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus usahakan Pelan Transformasi Ekonomi, *Economic Transformation Plan* (ETP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh supaya daya persaingan negara berada di tahap yang tinggi. Pengagihan peruntukan sebanyak RM232.8 bilion untuk melaksanakan projek-projek kerajaan di mana RM181.6 bilion untuk tujuan pengurusan adalah dianggap terlalu tinggi. Saya ingin menyarankan kepada kerajaan bahawa penggunaan belanjawan ini haruslah berhati-hati. Pada pandangan saya dana kerajaan seharusnya disalurkan kepada sektor yang boleh membawa lebih pulangan dan bidang yang dapat merancak pembangunan. Peningkatan kos di dalam sektor pengurusan tidak seharusnya digalakkan terutama semasa pergolakan ekonomi sedunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan peruntukan belanjawan sebanyak RM29.8 bilion untuk pelaburan infrastruktur industri dan pembangunan luar bandar. Akan tetapi usaha ini haruslah dilaksanakan dengan secara teliti dan berhati-hati, tidak ada penanguhan kelewatan atau pun tergendala seperti Yang Berhormat Senator yang berucap tadi.

Sesuatu projek yang pada mulanya bertujuan membawa niat baik membangunkan kawasan luar bandar pengagihan belanjawan tahun 2012 sebanyak RM978 juta untuk meningkatkan tahap pembangunan koridor lima wilayah tepat pada masanya. Kerajaan harus memberi daya pergerakan yang baru kepada kelima-lima koridor ini supaya akan terus maju di dalam aliran pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Pusat Pengurusan Kewangan dan Pemberian Insentif-insentif demi pembangunan Malaysia selaku pusat kewangan yang tinggi daya persaingan adalah tepat pada masanya. Projek pembangunan *Kuala Lumpur International Financial District* merupakan satu usaha yang dapat menarik pelaburan asing. Akan tetapi dengan adanya usaha ini saya juga berharap Kerajaan Pusat tidak akan melupakan Pusat Kewangan Labuan, *Labuan Financial Center* yang telah ditubuhkan semasa zaman pemimpin bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohammad.

Kerajaan harus berusaha supaya dapat mengekalkan status pusat kewangan *offshore* yang tinggi daya persaingan di peringkat antarabangsa. Usaha kerajaan untuk menyenaraikan FELDA di Pasaran Bursa Saham Malaysia pada pertengahan tahun 2013 telah lama kami tunggu. Dengan usaha ini bukan sahaja kebajikan para peneroka dapat dipertingkatkan tetapi ia juga dapat memaksimumkan keuntungan demi bantuan barisan tenaga pengurusan profesional.

Yang amat menyedihkan kami adalah pergelutan kuasa pihak pengurusan atasan yang menggunakan pelbagai taktik kotor menjatuhkan nama baik seseorang individu seperti Yang Berhormat Senator Tuan Mohammad Ezam yang berucap tadi, saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat menghentikan budaya yang akan menjatuhkan maruah Kerajaan Barisan Nasional yang tidak sihat ini.

Usaha kerajaan memperuntukkan RM50.2 bilion untuk sektor pendidikan demi membangunkan golongan pelajar yang tinggi kepakaran, daya kreatif dan inovasinya adalah satu usaha yang amat dialu-alukan. Akan tetapi, kerajaan harus meneruskan usaha pemberian biasiswa kepada mereka yang mencapai keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang. Golongan muda ini haruslah diberi lebih perhatian dan bantuan supaya masa depan mereka tidak terjejas.

Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perkhidmatan Awam haruslah mengambil langkah-langkah yang lebih efektif di dalam usaha mengutip duit pinjaman pendidikan tinggi yang tertunggak dan menyalurkan dana tersebut kepada mereka yang memerlukan bantuan demi kebajikan kepada golongan muda.

■1950

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak RM5 bilion untuk pembangunan infrastruktur termasuk RM1.8 bilion untuk pembangunan program pembangunan jalan luar bandar dan juga projek-projek penyambungan kampung adalah tepat pada masanya. Terdapat kawasan-kawasan perkampungan di Sabah dan Sarawak masih lagi tidak mempunyai infrastruktur jalan yang sempurna.

Para penduduk luar bandar dan pedalaman negeri Sabah dan Sarawak ini telah lama mengharapkan prasarana yang memuaskan. Saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya kebajikan para penduduk luar bandar tidak diabaikan dan pembangunan prasarana luar bandar diutamakan.

Langkah kerajaan untuk melanjutkan usia bersara kakitangan kerajaan daripada umur 58 ke umur 60 tahun amat dialu-alukan. Akan tetapi dengan dasar pelanjutan usia berdasar ini, kita tidak harus mengabaikan sumbangan pegawai-pegawai pengurusan tinggi yang masih lagi menunggu giliran mengambil alih teraju pemimpin jentera pentadbir kerajaan. Promosi jawatan pucuk pemimpin wajib dilakukan dengan promosi dalaman. Calon berjawatan tertinggi jentera pentadbiran ini haruslah dipilih daripada barisan pengurusan yang sedia ada.

Cadangan untuk mengambil pakar-pakar pengurusan dari luar sektor perkhidmatan awam akan menjejaskan semangat dan prestasi anggota pentadbiran kerana kerajaan harus mengenang budi sumbangan para anggota ini dengan mengukuhkan penilaian KPI atau *Key Performance Index* yang telah terbukti. Saya hanya bersetuju dengan pengambilan pakar luar sekiranya keupayaan para anggota kanan jentera pentadbir kerajaan tidak setanding dengan mereka yang berasas daripada sektor swasta.

Saya mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk melaksanakan pelbagai langkah termasuk pelaksanaan program-program untuk menggalakkan daya kreatif, inovasi dan cipta. Oleh kerana pembangunan sektor perfileman yang pesat pada dua tiga tahun kebelakangan ini, jumlah pengelolaan produk industri filem tempatan negara kita telah melepasi jumlah produksi filem Hong Kong. Saya selaku Presiden Persatuan Perindustrian Filem dan Video Malaysia ingin menyahut saranan kerajaan yang dapat menggalakkan rekaan dan inovasi kandungan tempatan yang dapat menggambarkan pelbagai budaya masyarakat Malaysia. Saya menyeru Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang mengeluarkan dan memasarkan produk-produk cetak rompak, aktiviti-aktiviti cetak haram akan menjejaskan usaha kerajaan untuk membangunkan industri inovasi tempatan.

Pelan Transformasi Ekonomi merupakan satu usaha kerajaan yang telah melancarkan aktiviti pelaburan dalam dan luar negara terutamanya pelaburan asing di Kuala Lumpur dan bandar Iskandar Johor Bahru. Akan tetapi, kita kena sentiasa ingat bahawa pelabur-pelabur asing datang melabur di negara kita tidak sahaja kerana Pelan Transformasi Ekonomi ataupun ETP tetapi juga polisi-polisi kerajaan yang mesra pelaburan.

Saya selaku Ketua Pemuda Wilayah Persekutuan ingin membangkitkan masalah para pengusaha terutamanya mereka yang terlibat dalam sektor hiburan, restoran dan F&B ataupun *food and beverage* telah mengadu bahawa mereka telah beroperasi tanpa lesen jualan arak selama lebih daripada setahun. Tuan Yang di-Pertua, kejadian ini tidak sahaja menjejaskan keyakinan para pelabur dan pengurusan F&B tetapi juga menjejaskan pengutipan cukai khidmat jualan (*sales tax*) adalah dianggap bahawa lebih daripada 1,000 tempat hiburan restoran dan F&B beroperasi tanpa lesen jual arak.

Ini adalah hakisan kegagalan Lembaga Eksais Pelesenan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang sepatutnya bermesyuarat tiga bulan sekali, ia telah tidak mengadakan mesyuarat sebanyak empat kali sejak September 2010. Ini adalah satu kejadian yang amat menyedihkan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah kehilangan berjuta ringgit kutipan yuran lesen dan juga pihak Kastam Diraja juga kehilangan berjuta ringgit kutipan cukai jualan. Saya meminta Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mengambil tindakan sewajarnya demi mengatasi masalah ini. Anggota-anggota lembaga yang tidak menghadirkan diri semasa mesyuarat haruslah dipecat dan digantikan dengan mereka yang sanggup menyumbang kepada kemajuan kemasyarakatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Presiden MCA iaitu Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana melantik saya sebagai Ahli Parlimen Dewan Negara. Demikianlah dengan ini, saya memohon menyokong Belanjawan 2012. Sekian, salam 1 Malaysia, dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Bagus-bagus bagi Yang Berhormat yang baru. Sekarang kita ada tiga orang lagi Yang Berhormat untuk berbahas. Saya persilakan sekarang ini Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai.

7.57 mlm.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara. Saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan menjunjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pelantikan saya selaku senator. Saya rasa sungguh terharu di atas kepercayaan yang diberikan dan berjanji akan memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan Barisan Nasional khususnya dalam membantu pihak kerajaan membela nasib rakyat termasuk kaum India.

Tuan Yang di-Pertua, saya semulia Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, saya anggap diri saya sebagai seorang yang telah mati hidup kembali. Pada tahun 1998, saya telah dipenjarakan selama setahun disebabkan oleh seorang tokoh politik yang sangat dikenali atas alasan kononnya membela seorang sahabat. Namun pada hari ini, ingin saya menegaskan tokoh berkenaan yang kononnya ingin berjuang untuk rakyat sebenarnya ialah ahli politik yang tidak bermaruah dan sentiasa berpura-pura baik kepada rakyat tetapi sebenarnya beliau adalah seorang manusia yang hipokrit dan sentiasa terlibat dalam gejala songsang... [*Tepuk*] Semua Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, saya anggap diri saya sebagai seorang yang telah mati hidup kembali.

■2000

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan Barisan Nasional khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang telah menyediakan Bajet Belanjawan tahun 2012 yang saya rasakan sebagai belanjawan mesra rakyat dan sangat peka terhadap keperluan dan kehendak rakyat secara menyeluruh. Saya mahu ucap sedikit untuk Ahli-ahli Dewan Negara. Apabila saya ditangkap pada tahun 1998, pasal sahabat saya. Sahabat itu saya ingat semua orang kenal. Saya punya *tennis partner*. Sekarang saya tidak main tenis. Apabila saya kena tangkap, saya ada duduk di...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dato', siapa nama, boleh jelaskan?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Boleh, saya boleh cakap. Anwar Ibrahim.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Baguslah, begitulah.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: *Brother* Anwar bin Ibrahim. *He put the word MC.* Apabila saya kena tangkap, saya tinggal di Bukit Aman selama 50 hari. Selepas itu, mereka hantar saya ke Sungai Buloh. Saya tinggal di Sungai Buloh selama satu tahun. Apabila Anwar kena tangkap, dia fikir saya cakap dia punya nama. Dia boleh saman, dia boleh angkat saya pergi mahkamah, boleh saya berani. Saya sudah tengok tali gantung. Sekali lagi saya tengok tali gantung, berani mati untuk negara kita, saya berani... [*Tepuk*]

Apabila dia lihat saya di Sungai Buloh, sejak Anwar Ibrahim ada di Sungai Buloh, dia cakap *you* jangan takut Nalla, saya ada di sini. Berani. Saya cakap pasal apa *you are telling me this. Don't worry, if something happen*, saya hancurkan negara ini. Betul dia cakap.

Sekarang saya beritahu semua bumiputera sini, Ahli-ahli Dewan, *you* hendak tulis dalam diari dan simpan. Ini ucapan dia di sana, dia beritahu pada saya. Tidak usah takut. Kalau saya tidak jadi Perdana Menteri, saya akan hancurkan negara ini. Itulah sekarang apa yang dia buat di sini. Dia mahu hancurkan negara kita. Saya pun akan ingat, saya pun tunggu dia hantar saya pergi mahkamah. Saya mahu jumpa dia di sana. Saya bukan takut hendak jalan, saya selalu keluar di jalan, banyak orang kacau. Tidak mengapa. Saya sudah mahu ingat itu jam untuk beri nyawa saya kepada kawan saya.

Sekarang saya sudah ikut kerajaan ini, ikut Barisan Nasional, saya ingat Perdana Menteri ini sekarang dia yang paling baik. Saya sudah tengok enam Perdana Menteri sepanjang umur saya. Saya ada tengok *first Prime Minister, second Prime Minister, third Prime Minister, fourth Prime Minister, fifth Prime Minister and this is the sixth Prime Minister I've seen. This is the best and* kita sayang betul, saya sokong *Prime Minister* ini. Saya ingat saya banyak cakap untuk *brother* ini, Anwar bin Ibrahim.

Oleh yang demikian, saya ingin menyatakan sokongan penuh tanpa berbelah bagi kepada perjuangan murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk terus membela negara kita untuk keluhuran generasi-generasi rakyat Malaysia di masa-masa akan datang akan terus hidup dengan aman dan damai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

8.05 mlm.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama-sama berbahas Bajet 2012 ini. Saya kira amat penting bagi kita untuk sama-sama berkongsi idea dan pengetahuan dan seterusnya menyokong Bajet 2012. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak dan Yang Berhormat Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kerana benar-benar berusaha membangunkan kawasan saya iaitu Wilayah Persekutuan Labuan.

Daripada fahaman saya, saya boleh mengklasifikasikan bajet ini sebagai bajet 1Malaysia merangkumi rakyat tidak mengira kaum serta mengambil pendekatan semua peringkat rakyat tidak kira umur, latar belakang serta status ekonomi. Izinkan saya menyentuh perkara berikut dalam isu-isu yang saya akan utarakan. Isu-isu yang saya akan utarakan ialah berkisar kepada kawasan-kawasan saya khasnya dan peringkat nasional amnya iaitu Wilayah Persekutuan Labuan dan sedikit mengenai isu Sabah, Negeri Di Bawah Bayu.

Saya ingin membangkitkan masalah harga barang di Sabah dan juga khasnya di Labuan. Sekiranya masalah-masalah kawasan seperti kawasan saya yang saya akan utarakan tidak selesai maka malanglah bagi kami di Labuan oleh kerana Labuan adalah kawasan yang begitu baik kedudukannya. Pulau kecil lebih kurang berkependudukan 100,000 sahaja dan malang sekiranya masalah-masalah kawasan saya ini tidak dapat diselesaikan. Jadi, kata orang tempatan di Labuan, kerja kuat macam mana pun, gaji tetap tidak setimpal. Bertambah pula kita sedia maklum taraf hidup di Labuan dan Sabah lebih tinggi berbanding di Semenanjung. Akan tetapi saya tidak nafikan ada juga terdapat makanan-makanan agak murah di Sabah dan Labuan tetapi bil-bil tanggungan lain seperti sewa rumah, harga rumah, barang-barang keperluan harian dan lain-lain kemungkinan hampir satu kali ganda harga dari di Semenanjung.

Mengambil kesempatan Bajet 2012 ini, saya mohon agar pihak kerajaan dapat memikirkan masalah ini supaya masalah ini tidak berterusan dengan mengambil kira faktor pengangkutan yang semakin moden dan efisien serta kemudahan *internet* dan pembangunan yang pesat dengan pembinaan banyak jalan-jalan raya, lebuhraya di Sabah dan Labuan yang memungkinkan masa dapat dipendekkan dari segi pengangkutan dan logistik barang-barang. Ini juga sekali gus dapat menghindari isu penghijrahan anak-anak muda Sabah dan Labuan yang terpaksa merantau ke Semenanjung Malaysia semata-mata mencari kehidupan yang lebih selesa.

■2010

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua ialah pelantikan kontraktor-kontraktor luar untuk suatu projek. Saya terpanggil juga untuk menyentuh isu pelantikan kontraktor untuk menyiapkan suatu projek di mana kebarangkalian kontraktor tempatan tidak diberi peluang yang sewajarnya. Apa yang kita kehendaki ialah kontraktor tempatan mestilah diberi keutamaan kerana mereka juga berpengalaman dan berupaya untuk menyiapkan sesuatu projek jika diberi peluang yang sewajarnya. Soalannya ialah saya ingin bertanya kenapa tidak dilantik kontraktor dari kawasan yang sama? Kontraktor dari kawasan luar susah untuk berhubung terutama jika berlaku sesuatu perkara yang perlukan perhatian yang segera. Bakal menjadi mangsa sudah tentu masyarakat tempatan yang tidak dapat menggunakan kemudahan yang sepatutnya siap dalam dan sempurna.

Isu ketiga ialah isu kereta sapu. Saya rasa terkenal juga di Semenanjung. Saya menggesa kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap kereta-kereta sapu dan bas yang beroperasi secara haram terutama di kawasan-kawasan sempadan. Saya berpandangan ini adalah masalah yang besar kerana terdapat aktiviti berleluasa kereta sapu bebas masuk sehingga ke kawasan sempadan negara jiran walaupun terdapat peraturan larangan yang berkaitan.

Saya berharap agar agensi dan jabatan terbabit seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan pihak polis menguatkuasakan undang-undang atas kesalahan terbabit. SPAD ataupun Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat juga perlu memantau aktiviti haram ini dengan kerap turun padang dan membuat penyamaran bagi tujuan memberkas mereka ini yang jelas menjejaskan periuk nasi pengusaha berlesen yang memberi imej yang tidak baik kepada negara kita.

Isu yang keempat ialah isu naik taraf Lapangan Terbang Wilayah Persekutuan Labuan. Adakah kerajaan bercadang memperkenalkan Lapangan Terbang Labuan sebagai lapangan terbang bertaraf antarabangsa dan kemudahan infrastruktur yang moden? Adakah sebarang promosi untuk menarik minat syarikat penerbangan antarabangsa yang lain yang menjadikan Lapangan Terbang Labuan sebagai hab utama sektor timur di ASEAN? Saya mencadangkan agar promosi dibuat untuk menarik syarikat penerbangan asing seperti *SIA*, *Emirates*, *Cathay Pacific*, *Qantas* untuk dilebarkan sayap ke Labuan.

Isu kelima ialah isu mempromosi Labuan sebagai pusat pelancongan. Adakah cadangan menjadikan Labuan sebagai *hub* penerbangan bertaraf antarabangsa seperti *LIMA Air Show* di Pulau Langkawi atau sekurang-kurangnya Mini LIMA atau Mini Maritim. Soalan saya, saya cadangkan promosi perlu diwujudkan supaya agar lebih banyak pameran, seminar, kongres dan mesyuarat peringkat tertinggi diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Isu cadangan pembinaan jambatan Labuan, Sabah. Adakah cadangan untuk membina jambatan menghubungkan Labuan dengan Tanah Besar Sabah? Ini kerana jarak yang hanya 10 kilometer hingga 15 kilometer memungkinkan jambatan boleh dibina. Ambil contoh di Pulau Pinang, dua jambatan telah wujud. Satu sedang beroperasi dan satu lagi bakal beroperasi menjelang 2019. Malah jarak jambatan pertama Pulau Pinang dan tanah di Seberang Prai ialah hanya 14 kilometer dan jarak jambatan kedua Pulau Pinang ialah 23 kilometer lebih jauh dari jarak Labuan dan Sabah ataupun bandar kecil Menumbok. Saya yakin dengan wujudnya jambatan ianya bakal akan merancakkan ekonomi Labuan dan Sabah sendiri walaupun satu ketika dulu telah pun disuarakan dalam forum-forum tempatan dan nasional.

Isu seterusnya ialah isu yang mana saya fikir perlu di giatkan semula iaitu semangat gotong-royong. Amalan gotong-royong merupakan satu tradisi yang diperturunkan daripada nenek moyang kita. Bergotong-royong bermaksud melakukan satu pekerjaan secara beramai-ramai dan secara sukarela. Pada zaman dahulu kala semangat gotong-royong adalah begitu kental. Seluruh masyarakat kampung akan menghulurkan pertolongan tidak kira sama ada kematian, kenduri-kendera, musim menanam dan menuai atau semasa membaiki rumah-rumah.

Saya berpandangan aktiviti gotong-royong merupakan alat paling efektif dalam menyatupadukan rakyat di samping membantu mengiktiraf sosial ekonomi masyarakat setempat. Namun, semangat gotong-royong dikatakan kian luntur selaras dengan perubahan waktu salah satu sebabnya dikaitkan dengan masyarakat kini yang lebih bersifat materialistik.

Saya mencadangkan agar diwujudkan kembali kempen seperti, "*Jiran Sepakat Membawa Berkat*". Pada masa yang sama, media juga perlu memberikan peranan lebih aktif untuk mewujudkan semula aktiviti yang harmoni ini di peringkat seluruh masyarakat Malaysia.

Isu kelapan ialah isu kekurangan doktor pakar. Saya ingin menyentuh masalah kekurangan doktor pakar terutama sekali Wilayah Persekutuan Labuan. Saya juga mengalu-alukan beberapa usaha daripada Kementerian untuk menambahkan doktor pakar di hospital-hospital kerajaan. Akan tetapi saya ingin mengemukakan soalan pada hari ini. Saya melihat isu doktor pakar berhijrah ke luar negara bertambah kritikal pada masa ini. Soalan saya ialah izinkan saya bertanya iaitu sejak Mac 2008 hingga sekarang, berapakah bilangan doktor pakar hospital yang kembali berkhidmat dari *overseas*, dengan izin ataupun dari hospital swasta kembali ke kerajaan? Bagaimanakah kita boleh memastikan bahawa dalam tempoh masa yang singkat atau tempoh masa yang paling panjang, kita sentiasa mempunyai bekalan doktor pakar yang mencukupi di hospital-hospital kerajaan.

Perkara yang sembilan ialah isu kerenah birokrasi adalah kelemahan sistem penyampaian. Sektor awam adalah penggerak utama segala usaha kerajaan. Tugas utama adalah untuk memelihara kepentingan rakyat dan berusaha menambahkan kesejahteraan rakyat. Justeru itu budaya mesra rakyat dan mementingkan keperluan dan kehendak pelanggan perlu diutamakan dan diamalkan. Malangnya masih terdapat birokrasi yang tidak munasabah di sektor awam. Oleh kerana birokrasi ini menjadi pelanggan sinis mengelak daripada berurusan dengan kerajaan. Dalam hal ini kerana kerenah birokrasi yang wujud menjadikan suatu permohonan, kelulusan atau urusan menjadi susah dan lambat.

Perkara ini bukan sahaja akan melibatkan pembaziran masa, mendatangkan kesulitan kepada pelanggan dan pembaziran terhadap kos tetapi juga melibatkan integriti sebuah agensi yang berkenaan. Jika keadaan ini berterusan kelak pembangunan ekonomi negara akan terus terjejas. Cadangan saya ialah supaya langkah drastik diambil, kempen dijalankan dan pemahaman penjawat awam sendiri berkaitan dengan kepentingan liberal sistem perlu dipertingkatkan.

■2020

Isu yang kesepuluh ialah isu pemilikan hartanah komersial oleh bumiputera. Saya ingin membangkitkan isu pemilikan hartanah terutamanya hartanah berstatus komersial oleh golongan bumiputera di semua kawasan termasuk di kawasan saya sendiri di Labuan. Anak tempatan dan bumiputera seakan terpinggir bila mana suatu projek komersial dilancarkan. Harga melambung tinggi dan di luar jangkauan dan kemampuan untuk dimiliki oleh golongan bumiputera. Saya berharap agar agensi yang diberi bertanggungjawab membangunkan prestasi bumiputera seperti UDA dan MARA dalam membangunkan projek rumah kedai bagi tujuan pemilikan hartanah bumiputera di Labuan dalam usaha memperkasa bumiputera Labuan dari aspek pemilikan hartanah supaya tidak terpinggir dalam persaingan dengan golongan bukan bumiputera.

Soalan-soalan. Adakah cadangan kerajaan untuk membina rumah berkonsep Perumahan Rakyat 1Malaysia atau PR1MA di Sabah, Sarawak dan Labuan? Soalan saya, adakah kerajaan bercadang membina unit komersial atau *shop lot* seperti konsep rumah kediaman seperti konsep PR1MA dan golongan menengah yang ingin berniaga dan memiliki premis perniagaan sendiri?

Isu lain ialah harga barangan yang tinggi. Harga barangan di Labuan meningkat tinggi walaupun taraf hidup dan pendapatan per kapita penduduk dalam lingkungan sederhana. Saya suka mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan cadangan saya agar memberi subsidi khas kepada sebahagian barangan terpilih yang dibawa masuk untuk dipasarkan di Labuan yang sekarang ini terpaksa dijual dengan harga yang tinggi disebabkan kos pengangkutan dan transit yang terpaksa ditanggung oleh pembekal dan peniaga. Saya mohon agar Kementerian dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Juga cadangan untuk mengaktifkan tiap pelancong ke Labuan iaitu penubuhan Akademi Laut Malaysia seperti yang sedang wujud di Melaka iaitu ALAM. Saya mencadangkan agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan agar membuka sebuah Kolej Akademi Laut Malaysia di Labuan seperti yang diwujudkan di Melaka dalam usaha melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang maritim serta mengisi kekosongan jawatan dalam industri ini oleh anak-anak tempatan.

Ini kerana, selain dapat menjana prestasi ekonomi tempatan, ianya juga mampu membuka peluang anak tempatan untuk membina kemahiran industri laut dan mengisi kekosongan yang kritikal sebagai mengisi guna tenaga yang kosong oleh industri ini di peringkat nasional di mana terdapat industri *oil and gas* di kawasan saya. Walaupun telah dibawa di dalam Dewan yang mulia ini tetapi jawapan yang dijawab ialah seperti, pada masa ini tiada cadangan membina kolej seperti yang berkenaan.

Saya juga ingin mencadangkan agar kementerian membuka kolej komuniti di negeri-negeri bagi membimbing para pelajar tempatan yang tercicir dan tidak mendapat peluang melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Ini kerana rata-rata golongan muda yang menimba ilmu bakal berhijrah ke tanah besar, ke Semenanjung dan ini bakal menyebabkan dengan izin, *brain drain* bagi Labuan. Sudah semestinya dengan wujudnya kolej komuniti di Labuan, anak tempatan bakal memanfaatkan peluang yang ada dan seterusnya mencurahkan khidmat bakti dan bekerja di Labuan untuk orang Labuan. Di sini disebutkan desakan dan keperluan berbangkit. Saya mohon agar kementerian dapat mengkaji semula keputusan ini iaitu satu kawasan Parlimen, satu kolej komuniti.

Satu lagi isu ialah isu PATI. Saya terpanggil untuk membangkitkan isu PATI yang tidak berkesudahan seampai ke hari ini. Isu PATI adalah masalah yang sangat serius dan kompleks terutama di Sabah dan tidak kurang melimpah juga ke Labuan. Di Sabah sahaja, sekali anda berjalan di sekitar Kota Kinabalu, dikhabarkan secara purata lima daripada sepuluh orang adalah pendatang asing. Sekiranya golongan pendatang ini mempunyai dokumen yang sah, tidak salah untuk mereka berada di Sabah dan Labuan selagi mana tujuan mereka adalah untuk mencari pendapatan dengan cara yang sah dan berlandaskan peraturan dan undang-undang yang ada di Malaysia. Majoriti PATI adalah dari Filipina dan Indonesia. Dua negara berjiran yang garis sempadan lautnya begitu dekat sekali. Tidak pun sampai dua jam perjalanan dengan bot laju ke pantai Sabah.

Segala-galanya bermula sewaktu pemerintahan kerajaan negeri dahulu. Apabila kerajaan pada ketika itu menerima rakyat dari selatan Filipina yang melarikan diri daripada kekecohan politik di negara mereka, mereka diterima atas status sebagai pelarian perang dan atas prinsip perikemanusiaan. Kehadiran mereka sebagai pelarian ekonomi dan politik ke negara ini mendapat simpati antarabangsa apabila diperakukan menerusi piagam Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pelarian iaitu UNHCR. Pada peringkat awal, bilangan mereka yang diterima tidak ramai. Hanya beberapa bot sahaja ditemui pendarat di pesisir Pantai Timur Sabah yang kemudian dibenarkan tinggal di kawasan terpilih di Kota Kinabalu, diserapkan termasuklah Labuan yang diwartakan sebagai penempatan UNHCR.

Mengikut persetujuan asal, kumpulan ini hanya dibenarkan tinggal sementara di bumi Sabah dan Labuan dan akan dihantar pulang setelah keamanan pulih di kampung halaman mereka yang diulit konflik bersenjata dan keganasan itu. Bagaimanapun, tiada jangka waktu yang ditetapkan bagi penghantaran pulang mereka ini. Tahun demi tahun mereka terus tinggal dan mencari nafkah di bumi Sabah dan Labuan. Kemudian, semakin ramai pula datang menerusi pintu depan dan belakang sekali sehingga menjadi jumlah sebenarnya sukar dipastikan. Generasi pertama itu juga membesar dan beranak pinak pula. Setengahnya berkahwin dengan warga tempatan. Ini merumitkan lagi keadaan dan menyukarkan pula jalan penyelesaian.

Beberapa tahun kemudian, mulalah timbul bermacam-macam masalah berbangkit, jenayah, sosial, dan politik, sehinggakan timbul dakwaan konon setengah daripada rakyat asing terbabit memiliki dokumen pengenalan diri Malaysia seperti sijil kelahiran dan MyKad. Ia menjadi masalah nasional kerana lebih dekat ancaman keselamatan – soal undang-undang dan kedaulatan negara. Bagi rakyat Sabah dan Labuan, suatu penyelesaian muktamad dan berkekal perlu dilakukan sebelum keadaan menjadi semakin di luar kawalan dan menjurus kepada masalah sosial yang lebih kronik.

Dalam perkara lain ialah mengenai *NKRA – low income*, dengan izin, tentang AZAM TANI. Saya terpanggil untuk menyentuh Projek AZAM TANI iaitu akhiri zaman miskinlah di bawah NKRA di mana merupakan objek utama Projek AZAM TANI di bawah Jabatan Pertanian, merupakan salah satu langkah kerajaan dalam usaha mengurangkan jurang kemiskinan dalam golongan rakyat berpendapatan rendah di Malaysia.

■2030

Soalannya, berapakah jumlah keluarga miskin tegar dan miskin di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan juga Wilayah Persekutuan Labuan yang telah dibantu pada tahun 2009 sehingga tahun 2010 serta jumlah nilai bantuan maksimum kepada setiap peserta? Saya juga ingin bertanya berkaitan program secara berpakej yang mana peserta disediakan kelengkapan peralatan projek, diberikan latihan pembangunan modal insan dan latihan teknikal. Dibimbing daripada aspek pemasaran produk dan dipantau secara berkala bukan sahaja pemantauan dibuat oleh pegawai pembimbing tetapi juga oleh pegawai peringkat kementerian, jabatan, agensi dan juga pemimpin-pemimpin tempatan. Usaha bersama ini adalah bagi memastikan kejayaan projek dicapai. Sejauh manakah kejayaan ini dicapai serta apakah bentuk halangan yang dihadapi? Adakah maklumat terkini kawasan saya di Labuan dapat diperoleh?...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: [Menunjukkan isyarat tangan]

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah lagi?

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Menyentuh pencapaian Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Sejauh manakah pencapaian AZAM TANI ini mencapai matlamatnya dalam membantu isi rumah berpendapatan rendah daripada golongan miskin tegar dan miskin; meningkatkan pendapatan dalam bidang tanaman, penternakan, perikanan, perniagaan hasil pertanian dan penghasilan produk industri asas tandu? Bagaimana pula dengan perkembangan sekarang ini?

TEKUN Nasional – adakah program ini menepati *target group*, dengan izin? Saya berpandangan, kerajaan juga perlu menggalakkan kewujudan lebih ramai peniaga kecil walaupun mereka berniaga secara kecil-kecilan. Skim TEKUN dapat memainkan peranan daripada aspek pinjaman kecil dan pinjaman boleh ubah serta kelonggaran dokumen mendapatkannya.

Soalan saya ialah bagaimana perkembangan TEKUN berkaitan Skim TEKUN ini? Mohon maklumat daripada kementerian termasuklah hutang yang tidak berbayar dan salah guna pinjaman itu. Antaranya yang saya ingin tahu ialah *dedicated team* dengan izin, iaitu *high impact project*. Mohon penyenaiaan projek yang dirancang di bawah butiran ini. Adakah terdapat cadangan Labuan sebagai lokasi pilihan untuk *high impact project* ini?

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, NKRA di prasekolah. Saya ingin menyentuh isu prasekolah di luar bandar. Saya amat yakin isu pembangunan modal insan di peringkat usia muda ini, di kawasan luar bandar dapat diatasi melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), prasekolah ini. Ini kerana masyarakat luar bandar dalam mendapatkan pendidikan awal di peringkat prasekolah kerana mereka tidak ada pilihan seperti mana ibu bapa di bandar yang mempunyai banyak kemudahan persekolahan bandar di bandar-bandar yang besar. Berapakah jumlah kelas prasekolah yang dibuka serta jumlah guru dan murid yang berdaftar di pedalaman termasuk Sabah, Labuan dan Sarawak sekali? Apakah halangan yang dikenal pasti oleh kementerian seperti lokasi, mengenal pasti guru serta latihan diberikan mahupun sambutan daripada ibu bapa?

Dengan ini, sebelum saya menamatkan ucapan ialah saya ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada rakan-rakan kita, rakyat di Malaysia dan khasnya di kawasan saya. Dengan ini, saya mohon menyokong Bajet 2012 ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang, hanya kita ada seorang sahaja lagi. Sungguhpun ada seorang lagi yang telah memberikan nama tetapi dia tidak ada lagi dalam Dewan ini, maka akhir sekali sahaja menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu. Silakan.

8.35 mlm.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikummussalam.*

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. sebelum saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2012, izinkan saya melafazkan junjungan dan sembah takzim kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah, Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah di atas keberangkatan balik ke negeri Terengganu.

Saya juga turut menjunjung kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang baru, Tuanku Alhaj Abdul Halim Muadzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah. Didoakan semoga Baginda dapat menjalankan tugas sebagai Ketua Negara dalam perlindungan Allah SWT. Saya juga suka merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam kerana telah melantik saya sebagai Ahli Dewan *Senate* yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya turut mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2012 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 Oktober 2011 yang lalu. Sebagai warganegara Malaysia, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan belanjawan negara yang dianggap terbaik dan sangat komprehensif, yang mencakupi semua aspek terutama bagi membela dan menyediakan kemudahan asas bagi rakyat pertengahan dan rakyat termiskin di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah 54 tahun negara mencapai kemerdekaan dari zaman Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi dan kini Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak memimpin negara di bawah konsep Perikatan dan Barisan Nasional yang telah bersungguh-sungguh memulihkan imej dan jurang hubungan ekonomi antara kaum dapat diimbangkan. Ini supaya masyarakat majmuk di dalam negara ini dapat hidup dalam sebuah negara yang dinamakan Malaysia, di dalam rukun damai, sama-sama mengamalkan agama, budaya masing-masing tanpa ganggu gugat daripada mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat dan pandangan saya, bagi mempertahankan sebuah kerajaan adalah lebih getir daripada memusnahkan kerajaan yang sedia ada. Dalam usia 54 tahun, kerajaan Barisan Nasional telah memperbaiki kelemahan-kelemahan sedia ada dari semasa ke semasa hingga kini. Kita telah dianggap sebagai sebuah negara membangun, termaju di Rantau Asia.

■2040

Ini tidak mungkin berlaku jika tiada pengorbanan dari pemimpin negara yang terdahulu yang berusaha gigih ke arah memartabatkan negara dan menyediakan kek ekonomi bagi memberi peluang kepada rakyatnya mencari rezeki yang halal dan sihat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyediakan peruntukan terbesar iaitu kira-kira RM232.8 bilion untuk dibelanjakan di bawah kerajaan Barisan Nasional bagi menggerakkan kek ekonomi negara pada setiap tahun. Dari jumlah itu kita dapati bahawa belanja mengurus hampir 2/3 dari peruntukan yang disediakan. Bakinya adalah merupakan perbelanjaan untuk projek-projek yang telah dirancang bagi setiap negeri mengikut keperluan yang diutamakan termasuk peruntukan-peruntukan bagi membasmi kemiskinan di dalam negara tercinta ini.

Sebagai warganegara Malaysia, kita juga kena sama-sama memikirkan dari manakah kerajaan memperuntukkan dana sebesar itu pada setiap tahun kalau tidak hasil daripada eksport import termasuk cukai, lesen-lesen dan duti-duti yang dikenakan dari dalam dan luar negara dan cukai-cukai yang dikenakan dari peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaannya di seluruh negara ini.

Dalam usaha kerajaan menjadikan pendapatan purata rakyatnya kepada RM48,000 setahun saya berpandangan dan berpendapat pendekatan baru hendaklah kita ambil secara sistematik dan teratur. Dalam meringankan beban kerajaan di masa-masa akan datang di atas janji-janji yang telah pun dibuat di dalam bajet yang lepas kalau kita lihat hari itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menjanjikan kepada rakyat setiap orang, setiap isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 akan diperuntukkan sebanyak RM500 setiap orang.

Dari jumlah itu Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun mendapati satu data seramai 5.2 juta orang yang layak menerima bantuan RM500 pada tahun ini. Kalau kita kira kerajaan telah pun memberikan indikator ini pada tahun ini dan kita harap di tahun-tahun akan datang, rakyat juga akan bertanya adakah kerajaan akan memperuntukkan lagi dana-dana ini untuk kita bagi kepada masyarakat-masyarakat ataupun golongan-golongan yang kita sebutkan tadi.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, satu pendekatan ataupun satu syor perlu kita laksanakan. Daripada kita memberikan sumbangan wang kepada individu-individu yang termiskin di dalam negara kita ini kalau boleh kita cadangkan satu pendekatan baru harus dibuat iaitu sejumlah wang yang diberi kepada orang-orang yang layak menerima di dalam negara kita ini pada tahun ini dan diharapkan pada tahun-tahun akan datang ada satu pendekatan baru harus kita fikirkan bersama dan kita tidak mahu rakyat di negara kita ini terlampau mengharap bantuan daripada kerajaan. Kalau hari ini kita telah menyumbangkan RM500 kemungkinan besar tahun-tahun akan datang rakyat kita juga akan mengharap bantuan seterusnya. Dan ianya akan menjadikan satu bebanan kerajaan dijangka masa panjang yang akan datang.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya suka syorkan bahawa peruntukan-peruntukan ini kita jadikan modal kepada masyarakat-masyarakat yang miskin yang terdapat di seluruh negara terutamanya di kawasan Sabah dan Sarawak dan kawasan-kawasan pedalaman yang ada di dalam negara kita. Modal ini kita gunakan bagi membangunkan konsep seperti yang telah kita lakukan seperti FELDA dalam masa kepimpinan Tun Abdul Razak. Pada ketika itu masyarakat Melayu difikirkan jurang perekonomian di antara masyarakat Melayu dan masyarakat bukan Melayu begitu jauh sekali dan daripada cetusan kepimpinan negara telah mencetuskan penubuhan FELDA.

Hari ini FELDA telah menjadi sebuah organisasi yang terbesar dan akan menjadi syarikat multinasional negara. Oleh itu, kita telah melihat sejarah FELDA telah berjaya meletakkan orang Melayu di dalam kelompok kemiskinan kepada kelompok pertengahan dan hari ini telah menjadi sebuah organisasi yang terbesar di dalam negara kita ini.

Apa tidaknya, saya mencadangkan bantuan RM500 itu kalau dikalikan dengan 5.2 juta orang-orang yang layak menerima, kita jadikan modal untuk mewujudkan satu lagi FELDA untuk generasi baru yang berintegrasi satu konsep Malaysia. Dahulu kemungkinan kita buat FELDA hanya golongan Melayu tetapi bagi merealisasikan impian kepimpinan negara, Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan, maka konsep FELDA itu kita buat secara integrasi. Kita libatkan semua kaum yang berada di dalam negara kita mengikut *ratio* yang kita fikir perlu pada ketika ini dan pada ketika masa-masa yang akan datang.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, maka saya syorkan dan cadangkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya FELDA kedua diwujudkan bagi mencontohi skim FELDA yang telah diasaskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak yang telah membuktikan kejayaannya bagi mengeluarkan masyarakat Melayu dari belunggu kemiskinan.

Saya ingin membuat penjelasan sedikit, daripada 2.6 juta statistik yang telah kita buat, kita boleh membantu masyarakat miskin di dalam negara kita yang berjumlah hari ini 5.2 juta, kalau kita gunakan untuk jangka panjang Tuan Yang di-Pertua kita akan dapat memajukan tanah seluas 520,000 ekar. Kalau kita bahagikan setiap 520,000 ekar itu kepada satu orang 10 ekar maka kita akan dapat melahirkan hampir 52,000 petani muda berkonsepkan 1Malaysia. Jadi oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya konsep FELDA ini diwujudkan untuk menampung bebanan kerajaan pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2012 kita tengok dari segi perbelanjaan mengurus hampir melibatkan kewangan sebanyak RM160 bilion dan bakinya adalah untuk projek-projek yang dirancang oleh kerajaan.

Jadi kalau kita lihat di sini, belanja mengurus begitu tinggi sekali dan kita harap kepada kerajaan supaya dapat mengkaji balik tentang perbelanjaan mengurus dan kita cadangkan supaya kementerian-kementerian yang memperoleh peruntukan-peruntukan ini dapat berbelanja dengan secara berhemah dan memastikan semua peruntukan-peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada kementerian-kementerian dapat diatur atau dapat disusun secara yang lebih sistematik dan teratur.

■2050

Kita tidak mahu dalam pengalaman-pengalaman kita yang lepas, selalunya kita memperoleh peruntukan-peruntukan di hujung-hujung tahun. Jadi, kadang-kadang kita di peringkat bahagian ataupun di peringkat DUN, kadang-kadang kelam kabut juga apabila pelbagai agensi menawarkan untuk melaksanakan program-program yang difikirkan untuk menghabiskan bajet ataupun peruntukan-peruntukan yang telah diberikan oleh kerajaan kepada kementerian-kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjurus kepada negeri maju 2020, perkara yang paling pokok ialah mewujudkan kestabilan politik yang mantap. Jika ini tidak dapat kita lakukan, saya rasa apa juga perancangan yang dibuat secara komprehensif dari pihak kerajaan, kita akan terus gagal untuk melaksanakan.

Lebih-lebih lagi kita lihat di dalam negara kita, pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan apa juga yang kita laksanakan akan mengkritik kita secara terbuka tanpa mengambil kira kebaikan-kebaikan yang telah kita susun dan kita atur. Oleh itu, kita menyeru kepada ahli-ahli politik dalam negara kita ini supaya mereka juga mestilah mengambil bahagian bagi mempertingkatkan apa juga usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Apabila kita menghadapi pilihan raya, kita bercakaplah apa yang perlu kita cakup bagi mengambil hati rakyat tetapi selepas kita menghadapi pilihan raya, kita hendaklah menjadi satu warga yang boleh memikirkan masa depan negara yang lebih baik dan cemerlang. Jadi kita mengharapkan rakan-rakan kita daripada pihak pembangkang supaya menjadikan teguran ini sebagai salah satu perkara untuk kebaikan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan perhatian terhadap peruntukan yang diberikan kepada projek-projek PIA dan PIAS. Kalau kita melihat Tuan Yang di-Pertua, janji-janji pilihan raya yang lepas kita rasakan bukan sahaja di kawasan saya tetapi di kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat lain juga menghadapi situasi yang sama. Kalau kerajaan memperuntukkan hanya sebanyak RM500 juta, saya kata dan saya berpendapat peruntukan ini tidak akan dapat menyelesaikan janji-janji pilihan raya yang telah pun dibuat dalam pilihan raya 2008.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kita harapkan kepada Kementerian Kewangan supaya menyediakan satu peruntukan yang lebih sesuai, yang lebih menyeluruh kepada kawasan-kawasan pilihan raya kerana inilah aset yang paling penting untuk kita mengembalikan sokongan rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional. Saya cadangkan supaya setiap negeri diberi peruntukan sebanyak RM200 juta. Pada pendapat saya RM200 juta kalau kita kali dengan 14 negeri, baru RM2.8 bilion. Kita beri rakyat miskin pun dah RM2.6 bilion.

Dari segi politik Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ini sebagai satu aset kepada kita bagi kita mengambil hati rakyat dan di samping kita dapat menolong hampir 29 ribu pemegang-pemegang Kelas F di dalam negara kita ini yang selama ini saya melihat bahawa mereka ini macam 'hidup segan, mati tidak mahu'. Lesen ada tetapi hendak dapat projek susah. Oleh itu, apabila kita melihat perkara ini dan kita rasakan bahawa golongan-golongan ini perlu kita bantu. Kalau kita membina projek-projek mega Tuan Yang di-Pertua, kita hanya dapat menolong segelintir korporat sahaja yang boleh memberikan keuntungan kepada mereka.

Akan tetapi dalam menghadapi isu pilihan raya ini, kita harapkan kerajaan berhentikan dulu projek-projek mega dan kita tumpukan kepada projek-projek asas rakyat kerana bagi kita kuasa politik yang kita ada pada hari ini datangnya daripada kawasan pinggir bandar hingga ke luar bandar. Kalau mereka-mereka ini kita tidak memberikan jagaan yang sesungguhnya, maka kita takut mereka ini akan berpaling tadah menyokong kepada parti-parti pembangkang.

Jadi oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya peruntukan RM200 juta kita beri kepada setiap negeri untuk menyelesaikan masalah-masalah janji pilihan raya yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang Berhormat, saya minta laluan sedikit.

Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu: Silakan.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat saya hendak beri yang lebih praktikal. Kalau kita hendak minta gitu RM200 juta, amat masalah tetapi kalau kita minta melalui Perlembagaan Persekutuan, saya hendak cadang satu pada Yang Berhormat. Mengikut Perkara 109 dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan jelas disebut bahawa negeri-negeri boleh mendapat tiga jenis geran. Satu - geran kepala, kedua - geran jalan, ketiga - geran kemiskinan. Apa kata kalau saya cadangkan kita ambil satu geran sahaja iaitu geran kepala, *head count*. Bagi sekarang ini kita cadangkan kalau 500,000 penduduk kita kali dengan RM100, bukan RM20, maknanya dia dapat RM50 juta. Jadi ini lebih praktikal.

Dalam Perlembagaan disebut, saya ingat satu kepala ada RM20, jadi kita kesemua dalam kerajaan ini kita bersetuju, kita pindahan iaitu bukan RM20 tetapi RM100 atau RM200, terpulanglah sebab ini kita boleh dapat melalui Perlembagaan Persekutuan, semua negeri boleh dapat. Kalau kita hendak tambah lagi Tuan Yang di-Pertua, kita tambah *road grant*, kalau satu kilometer kita boleh dapat RM10,000, kita buat satu kilometer - RM20,000. Jadi kita ambil melalui perlembagaan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu: Terima kasih Yang Berhormat yang telah memberikan versi baru dalam ucapan saya tadi. Jadi saya pun ingat kalau itu menjadi satu statistik dalam menambah peruntukan kepada negeri-negeri yang saya cadangkan, saya bersetujulah tetapi mekanismenya kita kena bincang bersama.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Melaka telah diisytiharkan sebagai negeri maju di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Ali Rustam. Selama 12 tahun mentadbir negeri Melaka, tiada hasil bumi yang kaya tetapi hasil daripada kerja kuat Yang Amat Berhormat Dato' Sri, Melaka telah diisytiharkan sebagai negeri maju yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Oktober 2010, jam 10 malam bertempat di Stadium Hang Jebat, Melaka.

■2100

Di Melaka, dari segi membela rakyat termiskin, kerajaan telah pun membina hampir 5,000 rumah PPRT di seluruh negeri. Bantuan kebajikan di Melaka untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kira-kira 25,000 orang rakyat termiskin telah dapat kita bantu. Bantuan sebanyak RM300 melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terpaksa membelanjakan hampir RM6 juta sebulan dan setahun kita membelanjakan RM72 juta setahun. Wang-wang ini datangnya daripada Kerajaan Pusat.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita di Melaka telah pun mewujudkan satu tabung yang dinamakan Tabung Pendidikan. Tabung Pendidikan di Melaka ini adalah merupakan tabung yang pertama sekali diwujudkan di negara kita. Kerajaan terpaksa membelanjakan hampir RM6 juta setahun untuk menampung pelajar-pelajar terutamanya pelajar-pelajar dari Melaka untuk belajar di luar negara.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, negeri Melaka adalah sebagai sebuah bandar pelancongan yang berjaya dan telah pun diiktiraf sebagai Kota Warisan Dunia. Barisan Nasional Melaka bekerja kuat bagi menarik sokongan rakyat terhadap Barisan Nasional. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, negeri Melaka adalah sebuah negeri yang tidak kalah. Semua calonnya yang mewakili terutamanya UMNO yang mana kita bertanding untuk 18 buah kerusi DUN dan empat kerusi Parlimen, kita menang semuanya. MCA bertanding lapan dan menang tiga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agaknya tidak payahlah itu, Yang Berhormat. Cuma dasar kepada perbelanjaan itu yang ditekankan. Soal negeri-negeri tidak payahlah.

Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu: Okey, minta maaf. Terima kasih. Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Datuk Seri Haji Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, Ketua Menteri Melaka, memohon sesungguhnya agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar memperuntukkan bajet yang lebih tinggi bagi negeri-negeri di bawah pentadbirannya. Ini kerana Melaka adalah merupakan pembayar cukai ketiga tertinggi di negara ini.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2012. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati, pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, ada seramai 21 orang pada hari ini sahaja. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana dapat mengemukakan isu serta berbahas dengan baik. Di situ saya fikir – khususnya kepada Ahli-ahli yang baru, saya nampak ada banyak potensi yang boleh kita jadikan dan boleh ditambahbaikkkan lagi pada masa-masa akan datang, *insya-Allah.*

Seterusnya saya juga ingin mengingatkan bahawa esok, mulai 15 Disember 2011, Kementerian akan menjawab khususnya dari segi apa yang kita telah bahaskan. Di sini Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila sesuatu kementerian itu memberi jawapan, kalau ada sesuatu yang hendak diperjelaskan dan sebagainya, boleh bangun dengan cara tertib dan sopan.

Tanpa membuang masa lagi, saya ingin menyatakan di sini terima kasih banyak-banyak dan Dewan ditangguhkan pada jam 9.05 malam sungguhpun kita menjangkakan akan memakan masa yang begitu panjang. Namun, dengan adanya kerjasama dari semua pihak, kita dapat melaksanakan tanggungjawab kita dengan baik. Saya memang sebenarnya hendak memberi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat berucap kecuali yang ada menghantar di sini nama seorang sahaja yang dia tidak ada dalam Dewan, maka dia tidak boleh kompetinlah pada masa yang akan datang kerana kita memang hendak bersikap adil kepada semua.

Saya percaya semua telah bercakap dengan begitu panjang lebar dan setidaknya tidaknya lebih kurang setengah jam masing-masing. Hanya ada seorang dua itu yang hendak pendek itu, bagus juga. Menjimatkan masa. Walau bagaimanapun, kita akan terus bersidang mulai esok yang mana kementerian-kementerian akan menjawab dari segi perbelanjaan ini.

Saya harap pihak kementerian, menteri-menteri berkenaan akan bersedia untuk menjawab pada sesi yang akan datang iaitu esok. Dewan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi esok, 15 Disember 2011. Sekian.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.06 malam.